

“DOKUMEN INI BELUM DISEMAK!”

[Senarai Ahli-Ahli Parlimen dilampirkan]

[Kandungan dilampirkan]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 4 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 - Y.B. Puan Sukinam Domo (Batang Sadong) tidak hadir]

2. **Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada teh dan kopi ‘Tongkat Ali’ yang sedang dijual secara berleluasa di merata tempat minum termasuk warung di seluruh negara merupakan satu daripada kempen untuk mencapai matlamat 70 juta penduduk. Jika benar apakah tidak terfikir kesan akibat daripada minuman tersebut di kalangan anak-anak muda yang masih bujang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. R. Anpalagan]:

Tuan Yang di-Pertua, teh dan kopi yang dicampur dengan Tongkat Ali adalah dibenarkan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985 termasuk keperluan pelabelannya. Walau bagaimanapun, sebarang tuntutan kebaikan kesihatan untuk produk tersebut adalah tidak dibenarkan. Penjualannya di merata tempat minuman termasuk warung di seluruh negara, bukanlah merupakan kempen Kementerian Kesihatan untuk mencapai matlamat 70 penduduk.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kita tahu minuman ini sekarang menjadi agak popular seperti mana yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen tadi di merata-rata tempat, saya tidak tahulah dan tidak pasti sama ada di Parlimen, di Kantin Parlimen. Soalan saya, dalam hal ini minuman campuran teh dan kopi, apakah jenis kesalahan yang boleh dihukum dan apakah hukumannya jika ada?

Tuan S. R. Anpalagan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Mengikut Peraturan-peraturan Makanan 1985 terdapat dalam Peraturan 293 dan 294 dari segi kandungan teh campuran ini di mana kandungannya adalah bahan yang tidak berbahaya, asli atau aromatik seperti bunga melur, ranggi ros, pudina atau limau. Tiap-tiap bungkusan yang mengandungi teh campuran ini hendaklah dilabel dan ianya haruslah dalam huruf besar dengan perkataan jelas tidak kurang daripada empat *point*.

Begitu juga dengan kopi campuran. Peraturan 269 menggariskan kopi campuran hendaklah mengandungi tidak kurang daripada 50% kopi dan ia juga harus dilabelkan dengan perkataan huruf besar, jelas dan tidak kurang daripada empat *point*. Sekiranya peraturan-peraturan ini tidak diikuti, maka ia adalah satu kesalahan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985 dan hukumannya adalah tidak lebih daripada RM5,000 atau dua tahun penjara ataupun kedua-duanya. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, terima kasih. Saya tidak kisah walaupun tongkat ini menggunakan nama saya [*Ketawa*] dan memanglah masyhur di Malaysia ini. Saya ingin tahulah dari Kementerian Kesihatan sejauh mana keberkesanan minuman yang dicampur ini dari segi kesihatan. Macam viagra ada, orang sakit jantung tidak boleh minum, tidak boleh makan pil. Tetapi dalam keberkesanan minuman ini macam mana, adakah kementerian buat siasatan lebih lanjut khasiatnya. Saya ada minum juga, nampaknya alhamdulillah. [*Ketawa*] Terima kasih.

Tuan S. R. Anpalagan: Terima kasih Yang Berhormat. Memang Kementerian Kesihatan sedang membuat kajian mengenai keberkesanan minuman yang dicampur dengan Tongkat Ali ini. Adalah tidak dinafikan bahawa menjadi buah mulut dunia perubatan pada masa kini sama ada Tongkat Ali ini perlu diklasifikasikan sebagai satu ubat ataupun satu makanan. Kementerian Kesihatan Malaysia juga sedang membuat kajian mengenai Tongkat Ali ini untuk diiktiraf sebagai satu minuman ataupun satu drug iaitu ubat untuk dimaklumkan kepada publik tentang keberkesanannya. Selepas kajian ianya akan dimaklumkan kepada seluruh negara. Terima kasih.

3. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah Kedutaan Malaysia mempergiatkan penyebaran sebanyak mungkin maklumat dan perkembangan negara kita terkini kepada masyarakat Malaysia di negara mereka berkhidmat terutama kepada pelajar-pelajar kita. Jika ada, apakah bentuk penyebaran yang dibuat oleh mereka.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama pertanyaan Yang Berhormat bagi Kapar pada 5 April 2000 kerana perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pendekatan yang digunakan oleh kerajaan di dalam menyebarkan maklumat mengenai negara di luar negeri adalah berbeza-beza berdasarkan kepada kumpulan, dengan izin, audience tertentu. Walaupun pendekatannya berbeza tetapi saya tegaskan bahawa tindakan yang diambil adalah bersepadu dan ianya dilakukan secara berterusan dan bukannya sekadar reaksi ke atas sesuatu isu tertentu sahaja.

Semua perwakilan Malaysia di luar negeri dibekalkan dengan maklumat terkini mengenai polisi negara, perkembangan ekonomi, sosial dan politik di negara kita. Ini akan membolehkan perwakilan menerangkan dan menyampaikan maklumat tersebut kepada audience di luar negara termasuk pelajar di samping ianya boleh digunakan sebagai response kepada laporan negatif oleh media di negara-negara tersebut. Perwakilan-perwakilan Malaysia juga dibekalkan dengan akhbar-akhbar tempatan untuk diedarkan kepada masyarakat Malaysia di luar negeri terutamanya pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah gagal untuk bertemu dengan segenap lapisan rakyat Malaysia dalam setiap lawatan beliau ke luar negeri. Saya sendiri pun bertemu dengan masyarakat dan pelajar-pelajar Malaysia di dalam setiap lawatan ke luar negeri seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom, Mesir dan Indonesia. Ini membolehkan kita berbincang dan berdialog dengan mereka. Pertemuan begini juga turut dilakukan oleh anggota-anggota pentadbiran lain semasa lawatan rasmi mereka ke luar negeri.

Selain dari menyebarkan maklumat terkini, majlis perbincangan dan dialog ini memberi maklum balas mengenai isu-isu tertentu. Ia telah memberikan kesan yang positif kepada kumpulan sasaran tertentu. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri berhubung dengan garis panduan tugas dan tanggungjawab kepada wakil negara kita di luar

negara. Adakah mereka apabila menerima satu-satu dasar ataupun garis panduan ataupun apa maklumat yang diterima daripada negara kita ini kepada mereka, adakah mereka terus menyebarkan perkara itu ataupun menunggu perkara itu menjadi satu barang topical ataupun current di negara tersebut baru response?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perwakilan-perwakilan kita berkesempatan untuk bertemu dengan pelbagai kumpulan sasar, oleh itu kita akan menyampaikan segala maklumat untuk diolah semula dan diberikan pengetahuan kepada mereka yang memerlukan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada berkata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menteri sendiri selalu mengambil peluang untuk menjelaskan perkara-perkara terkini yang berlaku di Malaysia kepada kedutaan-kedutaan dan rakyat di luar negara kita. Yang Berhormat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada percakapan seperti hendak menggantung saudara Karpal Singh dan juga berkali-kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bekas Timbalan Perdana Menteri ada terlibat dalam skandal seks, bolehkah ini dibenarkan, sedangkan kes bekas Timbalan Perdana Menteri masih dibicarakan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah...

Tuan Lim Hock Seng: Soalan itulah. Bolehkah itu dibenarkan – tak faham soalan mahu bisng sana. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah itu.

Tuan Lim Hock Seng: Seperti kes saudara Karpal Singh, beliau masih dituduh dalam mahkamah kerana Akta Hasutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng: Bolehkah Yang Amat Berhormat berkata beliau berniat hendak menggantung dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, ya, ya, sila.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan nampak emosi sedikit.... [*Ketawa*] Pasal apa, saya tidak tahulah.

Jadi, saya ingin menjelaskan kalau Yang Berhormat mengatakan berkenaan perkara itu masih dalam mahkamah. Oleh itu, perkara itu tidak boleh dibincangkan di Parlimen juga. Jadi, Yang Berhormat barangkali tidak arif. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan kalau kita tidak terangkan kepada audience kita atau pelajar-pelajar kita, atau mereka yang berada di sana, soalan ditimbulkan. Oleh kerana majlis itu bukan satu majlis yang hanya Perdana Menteri atau menteri-menteri sahaja bercakap, tetapi orang yang mendengar mempunyai hak untuk menyoal. Di dalam mereka menyoal, kita tidak membuat penghakiman. Kita menerangkan apa yang mereka hendak ketahui. Oleh itu, ia tidak menjadi satu kesalahan.

[Soalan No. 4 - Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) tidak hadir]

[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]

6. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapa Malaysia hanya menghantar 30 orang tentera pengaman ke Timor Timur. Apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia di wilayah itu.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan bahawa Malaysia akan menyertai dan seterusnya mengetuai pasukan pengaman PBB ke Timor Timur telah dibuat berasaskan kepada tawaran daripada Setiausaha Agung PBB sendiri. Malaysia yakin bahawa Angkatan Tentera Malaysia berkemampuan untuk memimpin Pasukan Pengaman PBB di Timor Timur berasaskan kepada pengalaman serta profesionalisme ATM.

Kerajaan memutuskan untuk menghantar hanya 20 orang pemerhati tentera bertugas di Timor Timur. Walau bagaimanapun, semasa lawatan Xanana Gusmao, Presiden Majlis Revolusi Timor Timur ke Malaysia pada 7 hingga 9 Februari 2000 pemimpin Timor Timur tersebut mahukan lebih ramai anggota ATM di Timor Timur dan beliau juga mengutarakan supaya ketua Pasukan Pengaman PBB di Timor Timur digilirkan di kalangan negara ASEAN. Beliau sendiri bercadang supaya Malaysia dipilih untuk mengetuai Pasukan Pengaman PBB di Timor Timur selepas Filipina. Malaysia juga bersedia untuk menghantar lebih ramai lagi anggota Pengaman ke Timor Timur sekiranya dikehendaki.

Di samping memainkan peranan sebagai pemerhati tentera, pasukan Malaysia seramai 20 orang yang kini berada di bawah UNCTED juga bertugas sebagai pegawai perhubungan iaitu selaku liaison officer, dengan izin, penterjemah di antara penduduk tempatan dengan pasukan pengaman. Mereka juga berperanan dalam menjalankan tugas, dengan izin, disarmament demoralization and reintegration kumpulan gerila Revolutionary Front for Independence of East Timor, dengan izin. Sekian.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum pemimpin Timor Timur datang ke Malaysia untuk membuat lawatan mereka mempunyai persepsi yang negatif terhadap Malaysia di mana sehingga mereka tidak mahu jeneral daripada kita untuk mengetuai atau mengepalai tentera PBB semasa tentera Australia pergi ke Timor Timur. Tetapi selepas mereka datang ke Malaysia bahawa sikap mereka berubah dan meminta permohonan bantuan daripada kita. Persoalannya, apakah mereka boleh berubah sikap apabila selepas mereka datang ke negara kita dan apakah perancangan kerajaan dalam memberi pembiayaan ataupun memberi bantuan terhadap negeri Timor Timur ini. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, apa yang jelas ialah pemimpin-pemimpin Timor Timur sebelum mereka ke Malaysia mereka telah diberikan maklumat dan persepsi yang negatif dan salah terhadap Malaysia. Oleh kerana itu, mereka membuat keputusan berasaskan kurang pengetahuan terhadap perkara-perkara sebenar yang berlaku di negara kita. Dengan kehadiran mereka, mereka hendak datang ke Malaysia dan kita bersetuju untuk menerima mereka, mereka dapat melihat keadaan sebenar di Malaysia dan berasa kagum dengan pencapaian Malaysia, kemampuan Malaysia di dalam semua bidang. Oleh itu, mereka minta pertolongan daripada Malaysia dan bantuan daripada Malaysia dalam bidang yang pelbagai dan kita bersetuju untuk memberi mengikut kemampuan kita.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. PBB telah menganjurkan satu referendum di Timor Timur dan rakyat Timor Timur sudah pun memutuskan bahawa mereka hendak mendapat kemerdekaan. Tetapi baru-baru ini apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat ke Indonesia, beliau ada berkata jikalau boleh beliau tidak mahu Timor Timur dikeluarkan dari Indonesia. Apakah alasan yang seperti demikian yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bagan ini selalu bercakap berkenaan dengan sejarah bila kita bercerita sesuatu. Kita kena ambil rentetan sejarahnya. Pada satu masa Timor Timur adalah sebahagian daripada Indonesia dan kita mengiktiraf kedudukan itu dan di Australia sendiri mengiktiraf Timor Timur adalah sebahagian daripada Indonesia. Selepas Timor Timur dipersetujui oleh PBB, dipersetujui oleh Indonesia untuk mencapai kemerdekaan, oleh itu apabila mereka mencapai kemerdekaan untuk dijadikan sebuah negara bebas, kita tidak mempunyai masalah dan kita bersedia untuk bekerjasama bagi membantu mereka.

7. **Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan Pelan Induk Kuala Lumpur telah dipatuhi dari segi tahap pelaksanaan, perubahan dari pelan asal dan bagaimana untuk pelan tahun 2000.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat bagi Cheras pada besok 5 April 2000 kerana ianya menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada unjuran perancangan bagi semua aspek dasar dan strategi Pelan dan Struktur Kuala Lumpur 1984 (PSKL 1984). Tahap pelaksanaan dan pencapaian PSKL 1984 pada keseluruhannya telah melebihi unjuran yang ditetapkan. Pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang menjalankan kajian, semakan ke atas PSKL 1984 memandangkan PSKL 1984 akan tamat tempoh pelaksanaannya pada tahun 2000. Kajian semakan PSKL juga diperlukan kerana faktor-faktor berikut:

- (i) kepesatan pembangunan pada tahun 1980 sehingga 1999;
- (ii) projek-projek mega yang tidak dijangkakan semasa PSKL 1994 disediakan;
- (iii) unjuran demography dan ekonomi PSKL 1984 tidak lagi sesuai digunakan; dan
- (iv) pengenalan dasar dan strategi baru pembangunan dan fizikal.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini semua kajian semula Pelan Struktur Kuala Lumpur adalah di peringkat laporan interim. Kajian ini telah bermula pada tahun 1998 dan dijangka siap akhir tahun 2000. Anggaran kos kajian ini adalah sebanyak

RM5.58 juta. Sehingga kini sejumlah RM2.57 juta telah dibelanjakan. Seramai 38 orang pakar runding dan anggota sokongan telah disenaraikan untuk menjalankan kajian semakan Pelan Struktur Kuala Lumpur. Mereka terdiri daripada campuran pakar runding tempatan dan pakar runding asing. Pakar runding asing adalah dari negara Australia, United Kingdom dan Kanada. Terima kasih.

Tuan Tan Kok Wai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lambat Yang Berhormat ya.

8. **Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan perangkaan jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku setiap kali cuti perayaan pada tahun-tahun 1998, 1999 dan awal 2000. Apakah kempen-kempen dan langkah-langkah keselamatan yang dijalankan oleh kementerian untuk 'berjaya' mencapai objektifnya.

Tuan Haji Amihanzah bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor lapan. Tetapi sebelum dari itu pohon sedikit pembetulan, bagi ayat yang kedua, minta dipotong perkataan 'berjaya'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Sila.

Tuan Amihanzah bin Ahmad: Terima kasih.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kemalangan semasa musim perayaan telah meningkat daripada 9,901 kes pada tahun 1998 kepada 10,277 kes pada tahun 2000. Ini merupakan peningkatan sebanyak 3.8% kes pada tahun 2000 berbanding pada tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perangkaan kemalangan telah meningkat tetapi kadar kemalangan setiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan telah menurun daripada 252 kemalangan setiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan pada tahun 1997 kepada 224 kemalangan setiap 10,000 kenderaan yang didaftarkan pada tahun 1999. Juga bilangan kematian semasa musim Hari Raya Puasa tahun 2000 telah menurun kepada 220 kes berbanding dengan 321 kes pada musim perayaan tahun 1996 iaitu sebelum Ops Bersepadu musim perayaan dimulakan.

Di antara langkah-langkah keselamatan yang telah dijalankan untuk mencapai matlamat bagi mengurangkan kemalangan dan kematian semasa musim perayaan ialah peningkatan kempen multimedia oleh Kementerian Pengangkutan, Ops Statik oleh pihak Polis Diraja Malaysia, operasi penguatkuasaan khas oleh JPJ, kempen-

kempen khas oleh syarikatsyarikat swasta seperti PLUS, Kurnia Insurans, Benson & Hedges dan juga rencana khas melalui TV, radio dan akhbar tempatan mengenai keselamatan jalan raya oleh Kementerian Pengangkutan dan pihak Polis Diraja Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, daripada angka dan penjelasan yang diberikan adalah nyata bahawa kempen keselamatan jalan raya musim perayaan telah berjaya mencapai hasrat untuk mengurangkan kemalangan dan kematian akibatnya.

Tuan Saupi bin Daud: Soalan tambahan. Kita lihat apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, pertambahannya daripada 1998 sehingga ke 2000, pertambahan sebanyak 3.8%, dari segi kemalangan jiwa yang berlaku di hari-hari perayaan. Cuma saya ingin tahu bagaimana kemalangan jiwa ini biasanya terdapat di jalan-jalan persekutuan lebih tinggi daripada di kawasan lebuhraya. Tetapi perbandingan jumlah saman yang dibuat oleh Ops Statik dan sebagainya lebih menumpukan kepada saman di lebuhraya – *speed trap* daripada jalan-jalan persekutuan, sedangkan kita tahu bahawa kemalangan jiwa banyak berlaku di jalan-jalan persekutuan.

Dan, satu lagi faktornya ialah saya pernah dinyatakan bahawa kemalangan jiwa ini berlaku sebab dua faktor, pertama terlampau laju, yang kedua terlampau perlahan. Tetapi saya ingin bertanya adakah kerajaan ada bercadang untuk membuat penilaian semula terhadap had laju. Umpamanya, masih ada 60 kilometer sejam, 30 kilometer sejam dan tidak bersesuaian dengan tempat-tempat yang ada sekarang. Saya minta penjelasan dan jawapan daripada Yang Berhormat.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. ‘Kementerian’ – terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan kemalangan seperti sikap pemandu, keadaan kenderaan seperti enjin dan tayar, keadaan jalan raya dan papan tanda yang mengelirukan atau tidak mencukupi dan sebagainya. Tentang soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tentang saman yang dibangkitkan, mengapakah di lebuhraya lebih.

Untuk makluman Yang Berhormat, kenderaan di lebuhraya lebih iaitu memang saman lebihlah [*Ketawa*]. Tentang had laju di tempat-tempat yang 60 kilometer per hour, memang ada tempat yang tidak begitu sesuai. Kalau Yang Berhormat ada maklumat, boleh berhubung dengan kementerian atau JPJ.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Bagan, Padang Serai.

Puan Lim Bee Kau: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ini ialah memandangkan apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kadar kematian telah menurun daripada kempen-kempen keselamatan yang dijalankan pada musim-musim perayaan. Adakah kementerian, pihak Yang Berhormat bercadang untuk meluaskan atau melanjutkan kempen-kempen sepadu ini sepanjang tahun. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padang Serai, memang kempen multimedia melalui TV, radio, papan iklan dan akhbar tempatan adalah dijalankan sepanjang tahun. Ceramah keselamatan jalan raya di sekolah-sekolah dan kilang-kilang serta rencana khas di TV juga adalah dijalankan sepanjang tahun tetapi kekerapan telah ditingkatkan pada masa-masa tertentu seperti musim perayaan. Dari segi operasi penguat kuasa oleh pihak polis dan JPJ ianya juga dijalankan sepanjang tahun, hanya tambahan oleh pihak polis dengan Ops Statik pada musim perayaan.

9. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah aduan di terima oleh KWSP terhadap majikan yang gagal membuat bayaran caruman pekerja; dan
- (b) langkah-langkah yang wujud bagi memastikan pencaruman sentiasa dibuat oleh majikan untuk setiap pekerjanya.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, pada akhir bulan Januari 2000, KWSP mengendalikan 30,854 kes aduan majikan yang gagal membuat caruman yang membabitkan 11,264 majikan. KWSP bertindak segera ke atas semua kes aduan yang diterima terhadap majikan yang gagal membuat caruman pekerja. Pihak KWSP mendaftar dan memantau penyelesaian bagi setiap kes yang diterima melalui sistem komputer. KWSP akan memastikan kes-kes aduan yang diterima daripada ahli terutamanya berhubung dengan kes majikan gagal mencarum disiasat dengan segera. KWSP mengawasi bayaran bulanan majikan yang berdaftar melalui sistem maklumat komputernya untuk mengenal pasti majikan yang

gagal mencarum supaya pemeriksa KWSP dapat menyiasat dan membawa majikan ke mahkamah jika perlu.

Pada bulan Januari 2000, daripada 303,945 majikan berdaftar didapati 19,533 majikan atau 6.4% telah gagal membayar sebulan caruman atau lebih. KWSP juga membuat pemeriksaan mengejut pintu ke pintu ke atas premis-premis perniagaan untuk memastikan majikan yang patut mencarum adalah berdaftar dengan KWSP serta membayar caruman dengan tepat bagi semua saraan untuk semua pekerja mereka. Pada tahun 1999, KWSP telah melawat 142,109 premis perniagaan dan didapati 1.12% ataupun 1,598 majikan tidak mendaftar dengan KWSP.

Bilangan majikan yang didakwa sepanjang tahun 1999 adalah 4,024 berbanding dengan 3,379 kes pada tahun 1998 dan 1,672 kes pada tahun 1997. Langkah-langkah dan tindakan-tindakan tegas ini dilakukan semata-mata untuk memastikan supaya pihak majikan tidak mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja mereka masing-masing.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahannya, apakah cara yang paling efektif selain yang sedia wujud atau yang akan dicadangkan oleh kementerian kerana saya mendapati pemeriksaan mengejut ini jarang dilakukan sebab saya sentiasa menerima aduan daripada pekerja bahawa majikan mereka tidak membuat caruman dan pihak KWSP memaklumkan kepada saya bahawa bila satu syarikat mempunyai 50 orang pekerja, syarikat hanya mendaftar 30. Mereka tidak dapat berbuat apa-apa, sebab, kalau mahu mereka menguatkuasakannya tugas mereka, mereka terpaksa membuat pemeriksaan mengejut tetapi ini jarang dilakukan. Jadi, apakah cara yang paling efektif sebab ada pekerja yang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Saya hendak buat penerangan sebab-sebab

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah, tidak payah.

Puan Fong Po Kuan: menunjukkan kelemahannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, tindakan-tindakan yang saya sebutkan tadi adalah dianggap berkesan yang efektif sekali. Saya tidak setuju

pandangan Yang Berhormat bahawa lawatan mengejut ini dilakukan jarang sekali. Saya telah memberitahu Dewan yang mulia ini, dalam tahun 1999 sahaja sebanyak 142,109 premis perniagaan telah dilawati oleh pegawai KWSP. Ini memang dianggap satu lawatan yang sangat-sangat mencukupi. Kalau sekiranya Yang Berhormat ada kes-kes yang tertentu khususnya dalam kawasan Yang Berhormat, saya mengalu-alukan Yang Berhormat boleh mengemukakan kes-kes tertentu ini kepada pihak KWSP dan saya janji kita akan mengambil tindakan segera untuk menyelesaikannya.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan, walaupun kementerian ada buat lawatan ke premis-premis dan tindakan tegas tetapi masih banyak lagi aduan yang diterima yang mengatakan majikan tidak bayar caruman pekerja. Jadi, adakah undang-undang kita tidak cukup ataupun tidak berat, ini menyebabkan majikan tidak mahu bayar dan saya pernah terima di mana majikan tidak membayar, lepas itu didapati salah, akhirnya syarikat itu sudah bankrap. Jadi, macam mana keadaannya, sama ada KWSP akan tanggung ataupun macam mana cara dia. Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat menjelaskan tentang keadaan ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta KWSP yang sedia ada sekarang, hukuman yang dikenakan kepada majikan yang dapati salah dalam mahkamah adalah didapati cukup berat iaitu kalau sekiranya seseorang majikan dibuktikan dalam melakukan sesuatu kesalahan dalam mahkamah iaitu tidak membayar caruman untuk pekerja mereka, mereka boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 3 tahun ataupun hukuman denda tidak lebih RM10,000. Yang penjara 3 tahun ini adalah dianggap sangat cukup berat dan dalam tahun kebelakangan ini kes-kes majikan tidak membayar caruman pekerja mereka telah meningkat, kalau dibandingkan dengan sebelum ini mungkin ada kaitan dengan kegawatan ekonomi. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan khususnya Kementerian Kewangan tidak membenarkan pihak majikan untuk menggunakan kegawatan ekonomi ini sebagai satu sebab untuk menerangkan ataupun menjelaskan mereka tidak membayar. Ini kita memang memandang sangat serius kerana kebajikan pekerja mesti dibela oleh pihak kerajaan.

Kalau sekiranya seseorang majikan telah mengambil daripada caruman dari pihak pekerja dan tidak membuat bayaran dan bila dia dihukum ataupun didapati salah oleh pihak mahkamah dan pada masa itu dia sudah bankrap, apa akan jadi dengan caruman pekerja ini. Dalam praktis sekarang ini, kalau sekiranya majikan ini

didapati salah dan dia bankrap ataupun meninggal dunia, maka praktis sekarang ialah, pihak KWSP akan membayar bahagian caruman pekerja sahaja kepada pekerja-pekerja tersebut tetapi ini akan menggunakan hasil pelaburan KWSP. Kalau ditinjau dari segi ini, ini tidak berapa adil bagi pencarum yang lain kerana kita akan menggunakan hasil pelaburan dari KWSP. Maka kita akan kaji kemungkinan untuk mewujudkan satu fund yang tertentu untuk tujuan ini. Terima kasih.

10. Tuan Tiong Thai King [Lanang] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) adakah MAS bercadang menambahkan penerbangan dari Miri ke Gua Mulu memandangkan penerbangan yang disediakan tidak dapat menampung permintaan pelancong-pelancong; dan
- (b) sama ada kementerian bercadang memperbesarkan Lapangan Terbang Gua Mulu supaya pesawat Boeing 737 boleh mendarat dan rancangan kerajaan untuk mempromosikan Gua Mulu, tempat pelancongan yang berpotensi di Sarawak ini kepada pelancong-pelancong asing dan tempatan.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Yang di-Pertua,

- (a) Sejak bulan Januari tahun 2000, Penerbangan Malaysia (MAS) telah menambah perkhidmatan *twin otter*nya pada sektor Miri ke Gua Mulu. Jumlah penerbangan yang diadakan sekarang ialah sebanyak 24 kali seminggu mulai 26 Mac 2000 berbanding dengan 14 sekali seminggu pada tahun lepas.
- (b) Lapangan Terbang Gua Mulu telah dibina pada tahun 1990 untuk menampung operasi pesawat *twin otter* MAS, yang mempunyai muatan 19 penumpang. Atas permintaan Kerajaan Negeri Sarawak untuk menggalakkan lagi perkembangan pelancongan, kerajaan telah meningkatkan landasan Lapangan Terbang Gua Mulu pada tahun 1997 untuk membolehkan syarikat penerbangan tempatan, Seiga Airline, mengadakan operasi dengan pesawat seperti Des-7 dan Des-8 yang mempunyai muatan kapasiti melebihi 40 penumpang. Walau bagaimanapun, syarikat Seiga Airline tidak lagi beroperasi pada masa ini.

Kerajaan tidak ada rancangan untuk membesarkan Lapangan Terbang Gua Mulu kepada taraf yang boleh

menampung operasi pesawat Boeing 737. Pendekatan yang diambil sekarang untuk menggalakkan industri pelancongan ialah dengan mengadakan lebih banyak penerbangan sekiranya bertambahnya permintaan penumpang. Sehubungan ini, selain dari MAS kerajaan juga menggalakkan mana-mana syarikat-syarikat penerbangan tempatan yang berminat untuk mengadakan operasi Gua Mulu. Di samping itu, kerajaan juga menimbangkan tentang kesesuaian mempertingkatkan kemudahan Lapangan Terbang Gua Mulu untuk membolehkan operasi pesawat F-50 oleh MAS.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa sebabnya MAS, kadang-kadang diberhentikan penerbangan seperti penerbangan malam dari Sibu ke Kuala Lumpur setiap Jumaat, telah diberhentikan tanpa alasan. Bolehkah pihak kementerian beri arahan kepada MAS, janganlah berhentikan penerbangan sebelum cari lain jalan untuk making penerbangan *economically viable*, dengan izin, contohnya mungkin promosi *air fares* untuk pelancongan di antara Sarawak dan Semenanjung, ini saya fikir amat penting untuk promosi membangunkan industri pelancongan di Sarawak. Sekian.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, kita di sini cakap tentang Miri – Mulu tetapi Yang Berhormat kata KL – Sibu. Memang terkeluar sedikit. Walau bagaimanapun, aduan Yang Berhormat bagi Sibu akan diambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, satu, dua, tiga, empat Beluran.

Tuan Ronald Kiandee: Beluran ya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan kenyataan bahawa MAS menambah penerbangan dari Miri ke Mulu. Ini menunjukkan bahawa sektor domestik boleh berkembang dan menguntungkan. Saya ingin tahu, bila MAS..., bila ditanya bahawa MAS mengatakan penerbangan domestik ini sebahagian daripadanya adalah rugi dan tidak menguntungkan. Saya ingin tahu daripada kementerian, di mana sektor penerbangan domestik yang rugi ini?

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat buat masa ini saya tidak ada angka, saya akan jawab secara bertulis.

11. **Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah saluran utama aduan kes pengamal perubatan tidak sah dan jumlah kes yang telah dihadap ke mahkamah di bawah Akta Kawalan Racun (Poisons Act 1952) pada tahun-tahun yang lepas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. R. Anpalagan]:

Tuan Yang di-Pertua, saluran utama aduan kes pengamal perubatan yang tidak sah ialah ke Majlis Perubatan Malaysia. Aduan akan disalurkan ke Penguat Kuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan untuk siasatan dan tindakan penguatkuasaan. Jika cukup bukti, kes akan dibawa ke mahkamah oleh penguatkuasaan farmasi mengikut Akta Racun 1952.

Adalah menjadi kesalahan di bawah Akta Racun bagi pengamal yang tidak sah iaitu yang tidak berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia menjual ubat-ubatan berjadual. Pengamal perubatan yang memiliki klinik di mana ia membenarkan seseorang yang tidak berdaftar melakukan kesalahan tersebut juga boleh didakwa bersama, mana-kala pengamal perubatan yang berdaftar yang didapati bersekkong dengan pengamal perubatan yang tidak sah atau sendiri disabitkan akan diadukan ke Majlis Perubatan untuk tindakan di bawah Akta Perubatan 1971 kerana berkelakuan buruk dari segi etika perubatan. Jika sabit kesalahan di bawah Akta Perubatan pengamal perubatan tersebut boleh dikenakan hukuman yang paling ringan iaitu celaan atau digantung pendaftaran sehinggalah kepada paling berat iaitu dibuang namanya daripada pendaftaran pengamal perubatan.

Dari segi kes-kes aduan yang dibawa ke mahkamah, sejak tahun 1997 hingga akhir tahun 1999 sebanyak 10 kes telah dibawa ke mahkamah. Dalam 10 kes tersebut seramai lima orang telah dihadap ke mahkamah dan denda berjumlah RM17,600 telah dikenakan ke atas empat orang sementara seorang warganegara asing telah dihukum penjara selama 14 bulan. Perbicaraan akan dimulakan ke atas dua orang pada tahun ini sementara tiga kes lagi masih dalam siasatan. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya faham pengamal perubatan tidak sah ini ekoran daripada kekurangan doktor di negara ini. Jika benar, saya ingin tahu apakah nisbah seorang doktor bagi jumlah penduduk dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk meningkatkan lagi bilangan doktor bagi jumlah penduduk di negara ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Terpulanglah sama ada dijawab ataupun tidak.

Tuan S. R. Anpalagan: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Subang. Adalah tidak dinafikan bahawa negara kita masih mempunyai kekurangan doktor tetapi hasil daripada tangkapan-tangkapan berhubung dengan pengamal yang tidak sah ini ianya jelas menunjukkan bukanlah masalah kekurangan ini menjadi punca berlaku, adanya pengamal yang tidak sah ini. Malah sebab utama yang kami dapati melalui kementerian ialah sikap segelintir pakar perubatan yang ingin mengaut keuntungan yang lebih dengan menggunakan kesempatan kemasukan warganegara asing yang menggunakan Pas Sosial, yang mana mereka menawarkan diri mereka dengan bayaran gaji yang lebih murah, maka kesempatan ini digunakan oleh segelintir pakar untuk mengaut keuntungan yang lebih.

Selain daripada itu ada juga warganegara tempatan yang bekerja di hospital-hospital kerajaan sebagai pembantu perubatan yang berusaha untuk menambahkan pendapatan sambilannya. Mereka menggunakan kesempatan ini untuk bertugas di klinik-klinik swasta sebagai pengamal perubatan dan kementerian sentiasa prihatin tentang perbuatan seumpama ini. Dari segi nisbah pegawai perubatan dengan penduduk pada masa kini, adalah sukacita dimaklumkan pada tahun 1997 seorang pegawai perubatan dinisbahkan dengan 1,521 orang penduduk, mana-kala pada tahun 1998 seorang pegawai perubatan dinisbahkan dengan 1,477. Angka ini secara langsung menunjukkan satu tahap perkembangan yang memuaskan dari segi jumlah doktor di negara ini. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya dengan Setiausaha Parlimen mengenai pengamal-pengamal perubatan 'homeopathy' bukan 'homopathy' ya. *[Disampuk] [Ketawa]* Homeopathy, ada kawan-kawan saya yang jadi cikgu pencen Tuan Yang di-Pertua, tiba-tiba lepas dua, tiga tahun jadi doktor *[Disampuk]* Dan saya ingat ada Ph.D macam Subang. Rupanya dia doktor ini, apa tindakannya kalau dia ambil rambut, dia test, tengok orang itu ada penyakit lepas itu dua, tiga hari lepas itu pendek umur. Apa jadi? *[Ketawa]*

Tuan S.R. Anpalagan: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datoh yang telah mengemukakan masalah doktor homeopathy ini. Memang kementerian mengambil berat tentang masalah homeopathy dan sekiranya mereka melanggar peraturan dan akta yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan, iaitu

melalui Akta Racun, Akta Perubatan 1971 dan sebagainya, kementerian akan mengambil tindakan sekeras-kerasnya. Terima kasih.

[Soalan No. 12 – Y.B. Tuan Shim Paw Fatt [Tawau] tidak hadir]

[Soalan No. 13 – Y.B. Dr. Yee Moh Chai [Tanjong Aru] tidak hadir]

[Soalan No. 14 – Y.B. Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap] tidak hadir]

[Soalan No. 15 – Y.B. Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang] tidak hadir]

16. **Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada ISO 14000 telah diguna pakai sepenuhnya untuk menangani kegawatan alam sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kuala Krai bahawa ISO 14000 merupakan satu standard antarabangsa yang memberi panduan kepada sesuatu organisasi mewujudkan Sistem Pengurusan Alam Sekitar dan ianya merupakan standard yang dilaksanakan secara sukarela untuk meningkatkan prestasi pengurusan alam sekitar. Pelaksanaan ISO 14000 di Malaysia masih terhad dan sehingga kini terdapat lebih kurang hanya 150 organisasi sahaja yang telah memperolehi Sijil ISO 14001. Terima kasih.

17. **Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali [Parit Buntar]** minta Menteri Pendidikan menyatakan alasan-alasan yang kukuh yang mengatakan bahawa kurikulum pendidikan adalah tidak lagi relevan. Apakah kekerapan pertukaran Menteri-Menteri Pendidikan sejak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hingga ke Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak menyebabkan fenomena ini berlaku.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan berkeyakinan bahawa kurikulum persekolahan yang sedang dilaksanakan adalah relevan dan dapat memenuhi hasrat serta aspirasi falsafah dan pendidikan negara.

Namun demikian, dari masa ke semasa beberapa perubahan diperkenalkan ke arah meningkatkan kualiti pendidikan agar proses pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan keperluan semasa. Penyemakan semula kurikulum tidak bermaksud mengubah dasar pendidikan yang sedia ada sebaliknya disesuaikan dengan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi dalam era globalisasi.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ini memetik daripada satu press conference yang dibuat oleh Menteri Pendidikan antara empat perkara yang disebutkan ialah “kurikulum pendidikan tidak relevan lagi”. Bagaimana Yang Berhormat menjawab soal relevency ini tidak timbul? Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak membaca kenyataan akhbar yang disebut oleh Yang Berhormat. Apa yang saya jawab tadi ialah kurikulum yang sedia ada memang masih relevan.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini gangsterism di sekolah telah timbul lagi dan ia dikatakan ia timbul bukan satu, dua hari tetapi ia timbul kerana kelemahan di dalam sistem pendidikan dan di antaranya ialah kekurangan kemudahan-kemudahan di sekolah. Ratio di antara guru dan murid yang tinggi dan juga kekurangan ‘rekreasi’, bukannya ini menunjukkan bahawa sistem pendidikan di negara ini telah mempunyai banyak kelemahan.

Walaupun, tidak dikatakan ia irrelevant tetapi ia menunjukkan pada sistem pendidikan ini tidak boleh menampung keperluan pada masa sekarang dan apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menangani semua kelemahan ini. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak pernah katakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia, di negara kita ini 100% perfect, dengan izin. Sebenarnya, di mana-mana pun, mana-mana negara pun, sama ada maju atau tidak mesti mempunyai kelemahan.

Jadi, Yang Berhormat sebut tadi gangsterism dan sebagainya, memang kita mengakui gangsterism ini wujud di sekolah tetapi belum sampai tahap yang merbahaya atau yang serius, masih boleh ditangani dan sekarang ini kita pun telah rangka beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini melalui langkah-langkah bersepadu melibatkan masyarakat sekolah, masyarakat awam dan juga pihak polis.

Dengan cara ini kita harap kita akan menangani masalah gangsterism yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

[Soalan No. 18 – Y.B. Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun] tidak hadir]

[Soalan No. 19 – Y.B. Tuan Shaziman bin Abu Mansor [Tampin] tidak hadir]

20. Puan P. Komala Devi [Kapar] minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah rancangan bagi menaikkan taraf jalan untuk mengatasi kesesakan lalu lintas yang berlaku dari Bukit Raja menuju ke Pekan Meru. Apakah Jalan Haji Abdul Manan boleh dipertingkatkan supaya menjadi jalan alternatif dari Jalan Meru ke Pekan Kapar dan dari Pekan Meru ke Bandar Klang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Tuan Yong Khoon Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian telah menimbang untuk menaikkan taraf tersebut kepada jalan dua hala dan dimasukkan pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan. Berkenaan cadangan mempertingkatkan Jalan Haji Abdul Manan supaya menjadi jalan alternatif, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan tersebut adalah jalan utama Kerajaan Negeri Selangor.

Pihak kementerian percaya bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah pun mengambil maklum akan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Puan P. Komala Devi: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Puan,oh! Lambat berdiri, tidak apalah saya berilah. Sila.

Puan P. Komala Devi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Minta penjelasan bilakah kerja-kerja ataupun yang dirancangkan ini akan disiapkan. Terima kasih.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kajian kemungkinan akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

21. Tuan Mohd Apandi bin Haji Mohamad [Jeli] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah jumlah wang yang diperolehi Kerajaan Persekutuan daripada denda kesalahan jalan raya melalui operasi PDRM sepanjang tahun 1999.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jawab bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan daripada denda kesalahan jalan raya melalui Operasi PDRM sepanjang tahun 1999 ialah sebanyak RM98,688,269. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan kutipan yang sebanyak ini kenapakah kadar kemalangan masih tidak berubah-ubah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

[Ketawa] [Disampuk] Ya, ya... berubah-ubah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saman perkara yang lain

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Kemalangan perkara yang lain.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar:kemalangan perkara yang lain.

[Ketawa] Tidak semestinya bila dia kena saman, dia tidak 'melakukan' kemalangan. Kadang-kadang dia lepas kena saman, dia jalan depan pun sudah hendak berlanggar lagi. *[Disampuk]*

Jadi, soalan ini saya ingat tidak perlu saya jawab secara detail kerana kemalangan ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, bergantung kepada individu sejauh mana dia menjaga kepentingan dirinya sendiri dan juga kepentingan orang awam daripada untuk mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya.

Tuan Lee Kah Choon: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adalah, adakah kementerian bercadang untuk menukar polisi dari punishment base dengan izin, kepada insentive base memandangkan saman-saman yang dikeluarkan itu tidak berapa berkesan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saman ataupun denda yang kita kenakan ini hanyalah sebagai salah satu daripada deterrent untuk kita mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya.

Di samping itu, berbagai-bagai usaha lain kita telah laksanakan seperti kempen-kempen Keselamatan Jalan Raya, Kempen Kesedaran kepada pemandu dan juga yang sudah saya nyatakan tadi, segala usaha kerajaan ini tidak akan tercapai jika tidak mendapat kerjasama secara khusus, ataupun kerjasama sepenuhnya daripada pemandu-pemandu kenderaan.

Jadi, kita harap walaupun kempen, walaupun denda, walaupun apa juga cadangan yang kerajaan buat tetapi tidak mendapat sambutan dan kerjasama yang sepenuhnya daripada rakyat, sudah tentu segala usaha kerajaan tidak akan mencapai matlamatnya. Terima kasih.

[Soalan No. 22 – Y.B. Dato' Shahnnon bin Ahmad (Sik) tidak hadir]

1. **Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [dibawah S.O. 24(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan kementerian untuk memastikan setiap anak di luar bandar yang berumur lima tahun akan berpeluang mengikuti kelas prasekolah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sememangnya berhasrat untuk memperluaskan program prasekolah dengan menambahkan bilangan prasekolah secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Sehingga kini Kementerian Pendidikan telah pun menjalankan program prasekolah sama ada di kawasan bandar atau luar bandar dengan kerjasama KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan Tadika-tadika swasta.

Di bawah program prasekolah Kementerian Pendidikan terdapat 1,131 kelas prasekolah di seluruh negara.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa penguasaan bahasa Inggeris di prasekolah di bandar dan di luar bandar begitu jauh perbezaannya. Jadi, saya ingin bertanya sama ada kementerian mempunyai sebarang perancangan sama ada jangka pendek atau jangka panjang supaya jurang atau perbezaan ini dapat diatasi dengan segera kerana peringkat umur ini merupakan satu peringkat umur yang penting dan mudah bagi kanak-kanak ini menguasai pelbagai bahasa. Sekiranya tidak, masalah kelemahan penguasaan bahasa Inggeris ini akan berterusan kerana di luar bandar kelemahan penguasaan bahasa Inggeris ini bermula di prasekolah bahkan berterusan hingga ke peringkat sekolah rendah dan ke sekolah menengah dan sedikit sebanyak akan mengakibatkan pelajar-pelajar di luar bandar ini tidak berjaya untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi kerana kelemahan mereka untuk menguasai bahasa Inggeris di semua peringkat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh prasekolah yang terdapat di negara kita ini. Sebenarnya, kementerian memang sedar tentang beberapa kelemahan yang masih wujud di prasekolah ini, oleh kerana itu, Kementerian Pendidikan telah pun menyediakan satu garis panduan yang telah dihantarkan kepada semua prasekolah supaya mereka dapat mengikut dan dengan cara ini akan meningkatkan prestasi prasekolah itu.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Apakah kerajaan bercadang untuk menyekat sekiranya ada pihak-pihak swasta yang ingin membantu kerajaan untuk mengadakan sekolah-sekolah tadika dan sebagainya, yang mana kadang-kadang sesetengah sama ada swasta ini mempunyai sampai beratus-ratus buah sekolah swasta, apakah kerajaan bercadang untuk memberi galakan atau menyekat kerana golongan swasta ini banyak membantu dari segi peruntukan kerajaan dan sebagainya, menyelamatkan wang negara.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional belum lagi ada cadangan untuk membantu prasekolah yang dianjurkan oleh pihak swasta.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 4, 5, 12, 13, 14, 15, 18, 19 dan 22 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN NIAGA HADAPAN (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG HAKCIPTA (PINDAAN) 2000**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Hakcipta 1987; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG CAKERA OPTIK 2000**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan, pengilangan cakera optik dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” [*Hari Kesepuluh*]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah
mempengerusikan Jawatankuasa]

Maksud B.43 [Jadual] –

Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan 2000] –

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembanguann P.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas. Ya, Kuala Kedah.

11.08 pagi.

Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]: Tuan Pengerusi, terima kasih. B.43, 050000 – Pembangunan Koperasi. Tuan Pengerusi, Akta Koperasi 1993 bertujuan untuk mengawal koperasi tetapi koperasi-koperasi ini ingin mengembangkan pelaburan dan untuk mendapatkan keuntungan yang sebaik-baiknya untuk diberi pulangan kepada ahli-ahli mereka. Kadang-kadang Akta Koperasi ini menyebabkan mereka susah untuk melabur wang koperasi itu ke dalam pengusaha-pengusaha dana yang boleh membawa keuntungan kepada pelabur seperti Metro Wangsa, Amanah Saham dan lain-lain lagi. Oleh itu, apakah kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Koperasi supaya mereka lebih bebas untuk bergerak melabur untuk kepentingan para ahli. Misalnya untuk mereka bergerak lebih hebat Akta Koperasi dipinda untuk ditukarkan koperasi menjadi korporat.

Setakat ini, setelah dipinda Akta Koperasi untuk membolehkan koperasi menjadi beroperasi sebagai satu badan korporat, berapa koperasi yang berbuat demikian? Adakah pindaan akta dahulu semata-mata untuk membolehkan KUB daripada sebuah koperasi menjadi badan korporat dan selepas itu tak ada badan-badan lain yang bertindak demikian.

Jadi, saya minta penjelasan berapa koperasi yang telah bertukar beroperasi secara korporat setelah dipinda undang-undang dahulu yang menyebabkan KUB menjadi sebuah korporat.

Begitulah juga koperasi-koperasi besar seperti MOCCIS, Koperasi Angkatan Tentera, Koperasi Polis dan sebagainya, mereka ini kalau boleh juga hendaklah digalakkan untuk melabur, mengembangkan sayap mereka di peringkat ASEAN di dalam pelaburan-pelaburan IT dan sebagainya, sebab sekarang ini kalau koperasi terlibat dalam mini market, sudah tidak lagi menguntungkan, sebab sudah ada

hypermarket, supermarket dan sebagainya. Oleh itu, koperasi-koperasi yang terlibat dalam perniagaan seperti ini tidak mendatangkan keuntungan yang cepat. Walaupun kita tahu, kadangkalanya jangan terlalu cepat juga, sebab keselamatan pelabur-pelabur daripada ahli-ahli itu amatlah dipentingkan.

Tuan Pengerusi, begitulah juga bila sesuatu perkara yang ditimbulkan oleh orang-orang politik, sepatutnya pihak Jabatan Koperasi mestilah bertindak jangan mengikut emosi tetapi lebih bersifat kajian. Misalnya sebelum pilihan raya dahulu, seorang Timbalan Menteri menimbulkan masalah satu koperasi yang dianggotai kononnya oleh mahasiswa-mahasiswa yang cenderung kepada sebuah parti pembangkang iaitu KOSIS dan Timbalan Menteri itu sudah tidak adalah, barangkali rakyat kepada dia, dia pun kalah lebih 8,000 undi di Pasir Mas.

Jadi, menyebabkan Jabatan Koperasi terus siasat dan mendedahkan dalam akhbar dan sebagainya, kita bimbang koperasi itu prestasinya akan terjejas dengan tindakan Timbalan Menteri yang tidak bertanggungjawab pada waktu itu. Dan Jabatan Koperasi pula, bila menteri atau timbalan menteri buat kenyataan, cepat mereka bertindak, tetapi kalau orang seperti kami ini membuat sesuatu aduan, lambat bertindak, lebih lambat daripada kura-kura berjalan. Jadi, ini kita bimbang boleh menjejaskan sesuatu koperasi kalau misalnya perkara itu belum lagi dipastikan orang yang bertaraf Timbalan Menteri sudah membuat bising dalam akhbar-akhbar seperti Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dahulu yang kerja hendak saman orang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, begitulah juga Maktab Kerjasama. Maktab Kerjasama ini telah berkali-kali diumumkan bahawa mereka akan menjalankan kursus-kursus sehingga peringkat diploma dan ijazah, tetapi sampai sekarang kenapa perkara ini belum dapat berjalan dengan begitu baik, barangkali di peringkat diploma telah pun ada, tetapi di peringkat ijazah belum lagi. Kita harap Maktab Kerjasama dapat terus melangkah untuk melahirkan graduan-graduan di peringkat diploma dan ijazah terutama sekali dalam bidang pengurusan koperasi ataupun hal-hal yang bersangkutan paut dengan perniagaan.

Setiap koperasi, ia dikenakan potongan 1% daripada tabung saham mereka itu kepada Tabung Pendidikan. Saya ingin tahu kenapa sekarang ini pihak Maktab Kerjasama bila membuat kursus-kursus kepada ahli-ahli koperasi dikenakan pula yuran-yuran yang sebelum ini tidak dikenakan, apakah ini satu Maktab Kerjasama

ataupun badan yang mengendalikan kursus ini tidak ada wang sehingga baru ini dicaj dalam kursus itu kepada koperasi yang menghantar ahli mereka untuk berkursus dikenakan caj RM2,000 hingga RM5,000.

Jadi, daripada 1% yang dikutip daripada koperasi itu adakah tidak cukup untuk menjalankan kegiatan-kegiatan ataupun memberi kursus kepada ahli-ahli koperasi dan untuk menggalakkan perkembangan koperasi, kerajaan hendaklah membezakan terutama sekali cukai korporat misalnya dikenakan sehingga 28%. Koperasi sepatutnya dikurangkan kepada 22% dan sebagainya cukai pendapatan koperasi. Kalau dapat dibezakan begitu maka kita yakin bahawa koperasi-koperasi lebih berkembang dan sekarang ini cukai pendapatan daripada korporat dan koperasi itu hampir sama. Oleh itu, kita harap pihak kementerian dapat merayu kepada Kementerian Kewangan supaya perkara itu dapat dibezakan, supaya koperasi-koperasi dapat berjalan dengan lebih baik dan memberi keuntungan yang lebih banyak kepada pelabur-pelabur.

Saya juga ingin bertanya tentang saranan yang dibuat oleh Profesor Ungku Aziz yang menjadi Pengerusi Angkasa iaitu cadangan beliau untuk mewujudkan Persekutuan Nasional Koperasi Petani (Penakop). Cadangan ini telah dibincangkan dalam seminar koperasi-koperasi di Langkawi baru-baru ini, sebab sekarang ini koperasi ada di peringkat misalnya petani, getah lain, kemudian nelayan lain dan Profesor Ungku Aziz mahu supaya semua petani ini dirangkumkan di bawah satu badan koperasi nasional.

Ini satu cadangan yang baik, yang barangkali Profesor Ungku Aziz telah menghantar kepada pihak kementerian dan kita harap dengan sokongan daripada kami di sini Ahli-ahli Parlimen, kita harap Persekutuan Nasional Koperasi Petani (Penakop) ini dapat dilaksanakan dengan segera dan kita yakin Ungku Aziz membuat cadangan ini melalui kajian-kajian beliau yang memang beliau tertumpu dalam kajian-kajiannya terutama dalam bidang untuk membangunkan ekonomi petani, nelayan dan pekebun-pekebun kecil.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh 04600 – Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). FELDA ini bukan saya hendak bercakap hal pokok getah ataupun pokok kelapa sawit, tetapi masalahnya sekarang ini kita lihat bila wujudnya FELDA dan setelah mereka mengeluarkan hasil, kita lihat bandar-bandar yang diwujudkan dalam FELDA ini tidak berjaya, kecuali Jengka. Jengka sahaja kita nampak bandar itu berkembang dan ianya berjalan dan digunakan oleh peneroka

untuk menyelesaikan masalah mereka membeli barang, menyimpan wang, membaiki kereta dan sebagainya di Jengka itu.

Tetapi di tempat-tempat lain, kita lihat kedai-kedai yang diwujudkan di dalam FELDA tidak berjaya, misalnya kalau di daerah kita ambil di Keratong ataupun di Palong, yang majunya bukan di Palong, bukan di Keratong tetapi bandar Bahau. Di Bahau itulah peneroka berbelanja membeli barangan mereka sama ada barangan keperluan seperti peti ais, televisyen dan sebagainya, membeli kereta, memperbaiki motosikal dan sebagainya – Bahau yang berkembang. Tetapi bandar-bandar di dalam Keratong, di dalam Palong itu tidak maju.

Ini pihak FELDA mesti membuat sesuatu, bagaimana hendak menggalakkan peneroka FELDA yang berpendapatan kadang-kadang naik, kadang-kadang turun supaya mereka berbelanja di dalam FELDA itu dan rakan-rakan mereka yang membuka perniagaan di situ dapat hasil dan sekarang ini mereka berbelanja di luar kebanyakannya, pekan Bahau begitu berkembang dengan adanya FELDA di Keratong dan juga di Palong.

Begitulah juga kita lihat di Chini dan sebagainya dan bandar yang agak berkembang dengan FELDA ini Muazzam Shah, itu kita boleh akui ada - Jengka. Tetapi yang lain-lain itu kita lihat bandar di pinggir itu dan wang-wang peneroka FELDA itu dicurahkan di luar dan rakan mereka yang membuka perniagaan di dalam FELDA itu tidak maju. Kita harap pihak FELDA, pihak kerajaan berbuat sesuatu, bagaimana hendak menarik atau berkempen dan sebagainya supaya peneroka FELDA, kalau boleh selagi ada barang itu dalam kawasan mereka, mereka beli di tempat itu untuk membantu rakan-rakan mereka daripada wang itu mengalir keluar daripada kawasan FELDA.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Bintang.

11.20 pagi.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Butiran 020000 Pengurusan dan Perundangan Tanah dan 020100 Pentadbiran Tanah di bawah Maksud Bekalan 43.

Saya mendapati Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi menerusi Jabatan Tanah dan Galian hanya mampu mengeluarkan suratan hak milik strata dalam bilangan yang kecil sahaja. Pada tahun 1998, Jabatan Tanah hanya mengeluarkan surat hak milik strata bangunan-bangunan berbilang tingkat sebanyak 17,197 keping

surat hak milik. Dalam tahun 1999 pula, sebanyak 20,400 keping surat hak milik strata dikeluarkan dan menurut jangkaan tahun 2000 pula sebanyak 20,000 keping surat hak milik akan diproses.

Tuan Pengerusi, memandangkan ribuan unit kediaman, pejabat dan tempat perniagaan wujud di Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar yang lain yang mana unit-unit tersebut memerlukan surat hak milik strata masing-masing, saya anggap angka 20,000 yang menjadi matlamat kementerian untuk tahun 2000 sangat kecil dan mengecewakan.

Tuan Pengerusi, jika kita semak dan memeriksa bangunan-bangunan tinggi di Kuala Lumpur, masih banyak yang masih belum mendapat surat hak milik strata walaupun pemilik surat mematuhi syarat-syarat menduduki bangunan seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki bangunan tetapi proses permohonan memakan masa yang terlalu lama. Bagaimana pula bangunan-bangunan yang tidak mempunyai Sijil Kelayakan Menduduki, dengan izin, CF, maka memang sukar untuk pemilik-pemilik unit yang dibeli mendapat surat hak milik strata.

Saya menyebut di sini banyak bangunan di Kuala Lumpur yang mana pembeli unit bangunan membuat sambungan sendiri. Pihak DBKL tidak meluluskan CF. Ada bangunan, misalnya di Kompleks Ruby di Pudu yang mana pihak DBKL tidak pun menjalankan tugas memeriksa dan menyaman pemilik-pemilik unit yang membuat sambungan sendiri. Akibatnya pemaju bangunan tidak memohon surat hak milik strata walaupun undang-undang hak milik strata membenarkan pemaju didakwa atas kelewatan membuat permohonan hak milik strata unit-unit bangunan dan memajukan tetapi tindakan ini tidak pernah dibuat.

Tuan Pengerusi, pihak DBKL pula tidak menguatkuasakan ke atas unit-unit yang diubahsuai dan disambung, maka pemilik-pemilik lain menjadi mangsa tidak ada Sijil Kelayakan Menduduki dan surat hak milik strata, menghadapi kesusahan untuk mendapat pinjaman bank untuk membeli unit bangunan dan sukar untuk menjual bangunan jika mereka berhajat.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan Jabatan Tanah dan Jabatan Perancangan dan Kawalan Bangunan DBKL supaya menyelaraskan kerja-kerja pemeriksaan dan mengeluarkan CF dan surat hak milik strata bangunan. Jika memerlukan penambahan kakitangan bagi mempercepatkan proses mengeluarkan dokumen-dokumen berkaitan, maka ia hendaklah dilakukan segera memandangkan bangunan berbilang tingkat

semakin banyak dari masa ke semasa. Jika permohonan lama masih berlonggok tidak diproses bagaimanakah pula permohonan baru hendak dibuat.

Tuan Pengerusi, saya harap proses pengeluaran CF dan surat hak milik strata serta geran tanah sendiri perlu dipermudahkan dan disingkatkan masa prosesnya. Saya pernah membawa masalah kelewatan pengeluaran Sijil Hak Milik Strata Kompleks Ruby Pudu, Kuala Lumpur pada tahun lalu kepada bekas Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk meminta kementerian campur tangan dalam menyelesaikan kelewatan mengeluarkan surat hak milik strata tetapi oleh kerana ia ada kaitan dengan agensi lain, Jabatan Perancang dan Kawalan Bangunan yang juga gagal memainkan peranan dan tugas mereka dalam menguatkuasakan. Maka, pemilik unit bangunan berbilang tingkat, pihak kementerian tidak dapat berbuat lebih jauh.

Tuan Pengerusi, dalam kepesatan pembangunan di Kuala Lumpur, banyak bangunan berbilang tingkat telah dibina, dibeli dan dimiliki sama ada oleh rakyat Malaysia sendiri atau warga asing. Maka, kerja-kerja memproses permohonan hak milik strata semakin bertambah dari masa ke semasa. Yang menghairankan pejabat yang memproses permohonan dan mengeluarkan geran tanah hak milik strata yang dibuat oleh Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berpusat di Bangunan Persekutuan yang agak terpencil. Agak sukar mendekati kerana kurang tempat letak kereta, namun demikian saya berpuas hati kerana sebahagian dokumentasi telah dicomputerise. Saya percaya usaha dibuat untuk memperkemas proses pengeluaran surat hak milik strata tetapi usaha ini hendaklah dipercepatkan sebelum ia menjadi beban tugas dan memakan masa hendak diselesaikan.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri bahawa berapa ramai pemaju dan pemilik bangunan yang telah dikenakan dakwaan kerana tidak mematuhi Perkara 20(1) Akta Hak Milik Strata 1985 dan Perkara 22(a) yang memperuntukkan jika pemaju atau pemilik gagal memohon hak milik strata bagi unit-unit bangunan, maka hukuman yang disediakan ialah denda tidak melebihi RM5,000. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, peruntukan dalam Perkara 20 dan 22(a) yang saya sebut tadi menyediakan hukuman yang ringan dan tidak menjadi cukup pengajaran bagi pemilik-pemilik dan pemaju-pemaju yang ingkar kerana hukuman ringan inilah menyebabkan mereka tidak mengendahkan soal permohonan hak milik strata bagi

unit-unit lain. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan hal ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Rompin.

11.27 pagi.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mohon maaf sedikit kalau pembesar suara kurang baik sedikit. Ini kerana dikacau oleh sebelah sana di tiaptiap peti undi. Alhamdulillah, kemenangan kepada yang benar, kepada yang demokrat dan kepada pembela bangsa.

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk menyertai perbahasan Maksud Bekalan 43. Kita memang membuktikan kemenangan kita, bukan sahaja menang, majoritinya double, dua kali ganda, bukan dua undi, dua kali ganda....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin...

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...iaitu dari segi 04600 hingga 04610 tentang FELDA, Tuan Pengerusi. Saya bercakap menyentuh tentang Sanggang, Sanggang merupakan kawasan luar bandar dan ada juga kawasan FELDA – itu termasuk dalam topiknya Ketua Pemuda PAS...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam Butiran berapa Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Syabas, saya mengambil kesempatan – dia orang kacau, Tuan Pengerusi, sebab dia tidak boleh terima kemenangan kita di Sanggang. Di FELDA alhamdulillah, mendapat satu kejayaan yang amat besar sekali menebus maruah dan lembaran hidup kira-kira lebih daripada 200,000 keluarga luar bandar dan ini telah terbukti di bandar-bandar seperti yang dikatakan tadi - di bandar Keratong, Jengka dan lain-lain lagi. Dan sekarang ini, kalau dahulu mereka datang ke kawasan ini dengan tiada tanah, tiada sumber pendapatan, tiada dapat rumah, sekarang mereka ada 10 ekar tanah, yang kelapa sawit suku ekar, tanah rumah dan sumber pendapatan yang tetap tetapi saya membawa dalam Dewan ini satu isu di mana sudah sampai ke fasa kedua, Tuan Pengerusi.

Mereka dahulu yang datang sekarang ini pokoknya sudah tinggi. Alhamdulillah, bayaran mereka sudah langcai dibayar semua. Timbul masalah sekarang ini bahawa mereka ini sudah mendapat geran masing-masing, alhamdulillah, tetapi saya bimbang, saya minta sedikit pandangan daripada pegawai FELDA atau

pegawai kementerian yang ada, bagaimana fasa kedua, saya bimbang sedikit. Bila geran ini, hak tanah ini sudah diperolehi oleh peneroka, sudah timbul satu pandangan bahawa ini sudah tidak perlu penglibatan kerajaan, the government can withdraw, saya risau sedikit kalau ini merupakan kaedah pandangannya sebab saya melihat dari segi budget di sini. Perbelanjaan sebenar 1991 – 1995 RM1.2 bilion tetapi pada tahun 1999 hanya RM31 juta sahaja. Kalau dahulu kita belanja kawasan luar bandar ini kira-kira RM400 juta satu tahun, tahun 1999 hanya RM31 juta sahaja. Nanti bila sudah nampak kurang kita menumpu pembangunan yang sebelah sana, [pembangking] ha ini dia. Ini elok kita masuk kubu...Barisan Nasional sudah buka pintu, kita boleh masuk, dia kata... ha, betul...dia senyum....dia ini pun selalu berjalan ini, dia tengok sahaja di mana yang dirasakan bahawa kurang penglibatan kerajaan dan akan digunakan dan menuduh kerajaan tidak membela ini semua.

Saya hendak meminta kerajaan mengkaji kembali, walaupun tanah ini alhamdulillah, diberi kepada peneroka tetapi kerajaan perlu terus berada di situ. Kalau dahulunya struktur organisasinya ada pengurus sebagai pengerusi JKK, ada lima, enam orang pegawainya, adakah ini bermakna kalau kita serahkan geran ini kepada peneroka bahawa FELDA tidak perlu lagi berada di kawasan itu? Saya tidak bersetuju, Tuan Pengerusi. Saya benar-benar tidak bersetuju. Alhamdulillah, dasar baik kita sudah memberi satu kejayaan negara untuk membela masyarakat orang Melayu. Kita beri 10 ekar kepada mereka tetapi mereka ini masih lagi luar bandar. Dulu mungkin mereka ini 10 ekar seorang tetapi sekarang masing-masing anak empat, lima orang. Bagaimana generasi yang kedua ini nanti, siapa mahu membela mereka?

Di kawasan-kawasan luar bandar saya bimbang. Saya minta supaya kerajaan atau kementerian jangan hanya melihat kepada return dan bottom line itu sahaja. Kalau dahulu tanah ini diurus oleh FELDA, FELDA mendapat untung, ada pendapatannya. Saya tidak boleh kata untung, ada pendapatan boleh didapati untuk mengurus tanah peneroka ini. Tanah 10 ekar ini sekarang diserahkan kepada peneroka, saya rasa FELDA mesti terus duduk di situ membantu mengurus mereka. Walaupun tanah sudah hak mereka bagaimana isu-isu sosial yang lain? Siapa hendak mentadbir balai raya mereka, siapa hendak mentadbir masjid mereka, bagaimana sosialnya, bagaimana dari segi penerapan nilai-nilai Islamnya? Saya minta ini satu perkara yang amat penting, dalam persimpangan jalan saya kira bahawa kita mengolok langkah bahawa tanah-tanah peneroka ini nanti akan perlu ditimbang kembali.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin, Pokok Sena.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tunggu sidang yang akan datang kita boleh selesaikan perkara ini. Saya belum habis Yang Berhormat, bukan, biar habis.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak tanya sedikit sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada dua, tiga isu lagi. Bila saya sudah habis dua, tiga isu, saya beri kepada Yang Berhormat, minta tolong.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jumpa di kantinlah.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kita setuju di kantin, kalau tidak nanti. Saya beri Yang Berhormat lepas ini, saya hendak dua perkara lagi, kalau tidak saya tidak ada masa, Yang Berhormat. Saya minta maaf, Yang Berhormat. Sebab kita mungkin berbeza pendapat. Yang Berhormat kalau terima kemenangan kami, saya belanja selepas ini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini perkara yang kedua, Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Boleh beri laluan ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:...perkara yang kedua saya hendak bawa, ada tiga perkara, masa pun 10 minit....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Fasal saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat ini....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:....saya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...cuma saya hendak minta adakah Yang Berhormat setuju bahawa FELDA perlu ada di situ tetapi bukan dalam bentuk menekan peneroka sehingga menyebabkan bebanan hutang itu terpaksa bersambung terus. Ini masalah peneroka sekarang ini.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, saya dengar. Biar saya habis dahulu, baru saya jawab. Itu pertama, Tuan Pengerusi. Saya minta FELDA walaupun tanah sudah diberi kepada mereka tetapi jangan ada withdraw of FELDA dalam kawasan-kawasan walaupun tanah diberi kepada mereka.

Mesti teruskan berada di situ, mungkin kaedah dan the presence di situ mungkin kita ubahsuai. Kalau dahulu mungkin lima, enam orang pegawai bagi satu rancangan, sekarang sudah tidak perlu lima, enam – mungkin satu, dua sahaja tetapi presence mesti tetap ada, jumlahnya bolehlah diputuskan mengikut kehendak di kawasan-kawasan FELDA ini.

Perkara kedua ini, penggunaan teknologi. Kalau sekarang ini masalahnya mereka yang ada buah kelapa sawit, pokoknya kadang-kadang dia kena pakai tiga batang buluh sebab pokok sudah 40 kaki atau 50 kaki tetapi mengapa tidak, kalau di luar negeri, sudah ada tuai kalau padi, tidak pakai tangan lagi, sudah pakai mesin walaupun ada tempat tertentu masih memakai tuai, itu Yang Berhormat sebelah sana kata tadi. Mengapa tidak menggunakan satu sistem mechanisation di mana sudah ada kita gunakan mesin untuk mereka naik untuk memotong buah. Dengan cara ini maka tidak perlu lagi kita mendapatkan banyak pekerja luar. Sekarang masalah di ladang kelapa sawit ialah untuk memotong buah itu memerlukan tenaga, manual – tenaga manusia, sebab itu kita perlu mengimport banyak tenaga kerja. Mengapa tidak industri kelapa sawit itu memikirkan satu bentuk teknologi, mechanisation supaya jentera dapat direka bentuk supaya tidak lagi perlu kita...

Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin....

Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat Pengerusi, saya mohon sedikit penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kangar bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:...menggunakan tenaga badan.

Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. Memandangkan mandat FELDA iaitu dengan izin, Federal Land Development Authority adalah pada hakikatnya dalam soal kemajuan tanah dan kini sudah sampai ke tahap usaha memajukan tanah itu sudah selesai, bagaimanakah boleh kita pertahankan prinsip untuk mendukung cadangan seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Itu yang pertama.

Yang keduanya, saya mohon juga penjelasan, adakah Yang Berhormat mahu supaya peneroka-peneroka FELDA dan warisan mereka yang terdiri daripada orang-

orang Melayu bumiputera terus terikat dengan tanah di luar bandar sahaja. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Tan Sri. Perkara yang pertama sebab di FELDA sekarang ini mereka ada Felda Plantation. Saya kurang tahu berapa, banyak juga ribu ekarnya, mereka ada pendapatan daripada Felda Plantation, mengapa tidak menggunakan pendapatan ini untuk cross-subsidy kepada usaha untuk memberikan seterusnya penglibatan kerajaan di kawasan-kawasan luar bandar ini. Bukan saya mencadangkan kerajaan perlu memberikan peruntukan, tidak perlu. Ada sumber pendapatan dari ladang FELDA. Ladang-ladang FELDA ini sepatutnya dahulu dimasukkan peneroka tetapi satu keputusan telah dibuat di mana tidak diambil lagi peneroka-peneroka baru dan ladang-ladang ini tidak ada peneroka tetapi ada pendapatan. Mengapa tidak pendapatan di ladang FELDA ini digunakan sebahagian daripadanya untuk mewujudkan infrastruktur FELDA untuk membantu kawasan-kawasan ini termasuk juga perkara yang Tan Sri kata tadi Tan Sri bagi Kangar tadi mengatakan bahawa perlu kita fikirkan juga perkara-perkara lain selepas kejayaan kita fasa yang pertama. Bagaimana kita mahu membela anak-anak muda itu nanti

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rompin, masa untuk Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya hendak merumus sahaja. Merumuskan untuk membela juga perkara-perkara yang berbangkit daripada kejayaan kita dahulu kepada fasa yang kedua yang melibatkan generasi kedua anak-anak peneroksa FELDA.

Yang terakhir merumuskannya, Tuan Pengerusi, satu perkara saya meminta sedikit kalau bolehlah. Ini masih lagi pekerja-pekerja ladang FELDA ini, ada di antaranya yang mahu memohon masuk peneroka. Mereka ini dahulu bila menjadi pekerja ladang, mungkin ada sedikit bayangan diberi kepada mereka supaya mereka ini boleh memasuki peneroka tetapi sekarang ini masih lagi pekerja ladang. Ini menimbulkan satu permasalahan bagi mereka sebab harapan mereka menjadi pekerja ladang bukan mahu menjadi pekerja ladang, hanya fasa pertama untuk menjadi peneroka.

Yang terakhirnya, Tuan Pengerusi, ialah masalah jualan ini. Dewasa ini kita dengar bahawa di Kementerian Perusahaan Utama ada memberi lesen kepada ejen-ejen tertentu untuk membeli kelapa-kelapa sawit daripada peneroka-peneroka di kawasan

FELDA. Oleh kerana itu, sudah ada dua pasaran, satu harga yang diberi oleh FELDA, satu harga swasta. Ini menimbulkan satu masalah, Tuan Pengerusi. Buah-buah ini kadang-kadang sepatutnya dijual kepada koperasi FELDA tetapi dijual keluar. Oleh kerana dijual keluar tidak dibuat potongan oleh jawatankuasa kampung itu. Oleh kerana itu, tertunggaklah potongan-potongan tertentu. Saya meminta FELDA memberikan kedudukan yang sebenar tentang perkara ini sebab ini akan menimbulkan kesulitan dari segi pendapatan kepada jawatankuasa yang menerajui perkampungan FELDA-FELDA di kawasan Rompin dan saya yakin di kawasan-kawasan yang lain.

Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

11.40 pagi

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 050000, – Pembangunan Koperasi. Tuan Pengerusi, kerajaan mengadakan kementerian koperasi untuk menjaga pembangunan yang sihat untuk semua koperasi dan koperasi ditubuh untuk menjaga kepentingan ahli-ahli mereka tetapi apa yang boleh kerajaan ambil tindakan ke atas koperasi-koperasi yang menyelewengkan objektif mereka. Saya ambil contoh satu kes di mana KOBENA iaitu Yayasan KOBENA Berhad telah memperdayakan dua orang pekerja rendah di satu majlis kerajaan tempatan iaitu MPSP (Majlis Perbandaran Seberang Perai). Kedua-dua pekerja rendah ini ialah Encik Abdullah bin Ismail dan Encik Mohamad Zin bin Shaari. Mereka telah diperdayakan untuk menandatangani satu perjanjian jual beli antara kedua-dua pekerja ini dengan Yayasan KOBENA kononnya hendak memesan perabot-perabot yang dibekalkan oleh yayasan kepada mereka. Tetapi mereka sehingga sekarang tidak menerima apa-apa perabot bahkan diberi wang tunai sebanyak RM3,507 untuk masuk terus ke akaun pekerja ini iaitu bank Ban Hin Lee, nombor akaun 1091947133.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan. Adakah perkara ini sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Saya sudah membangkitkan perkara ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...baru-baru ini juga.

Tuan Lim Hock Seng: ... tetapi memandangkan jawapan tidak diberi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin jawapan akan diberi secara bertulis.

Tuan Lim Hock Seng: Tidak. Beliau pun tidak berjanji akan memberi jawapan apa-apa. Jadi saya ambil peluang ini kerana ramai pegawai-pegawai koperasi ada di sini berharap mereka boleh mengambil tindakan supaya slogan 'Barisan Nasional Membela Rakyat' ini dapat dilaksanakan dan bukan cakap-cakap umum sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat menteri bangun.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Minta penjelasan. Tuan Pengerusi saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Bagan sama ada perkara ini telah dibangkitkan dua tahun yang lalu di mana ahli koperasi kononnya menandatangani untuk membeli bukan sahaja perabot ada yang membeli barang kemas, emas dan berlian dan sebagainya atas tandatangan. Tetapi kemudiannya mereka dibayar wang. Sebenarnya mereka bertujuan meminjam wang bukan bertujuan untuk membeli barangan. Ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dua tahun yang lalu. Kalau ini sebenarnya saya minta Yang Berhormat menyoalkan sama ada amalan ini dibenarkan oleh jabatan koperasi atau tidak. Jangan bawa perkara ini sebagai penyelewengan koperasi bahkan sama ada perkara ini dibolehkan dalam akta koperasi atau diluluskan oleh jabatan koperasi. Terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih menteri yang selalu membela rakyatlah. Saya akan kata Yang Berhormat. Ya, memang betul saya pernah membawa kes serupa ini untuk perhatian Dewan ini tetapi Tuan Pengerusi, Dewan yang mulia ini sebenarnya kes-kes boleh dibawa ke sini dengan mendapat satu penyelesaian yang memuaskan. Tetapi sekiranya perkara itu dibawa dan dibawa tidak ada apa-apa tindakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi bererti tidak payah bawa lagilah.

Tuan Lim Hock Seng: Tadi saya mengambil contoh berharap seperti ada banyak pegawai-pegawai koperasi mereka ada semua di sini. Mereka boleh mengambil catatan ini demi untuk menjalankan satu siasatan yang lanjut dan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri sama ada amalan ini boleh diteruskan. Jikalau amalan ini tidak diberhentikan maka ramai lagi pekerja-pekerja khasnya mereka pendidikan mereka rendah. Mereka begitu mendesak supaya mahu dapat wang tunai. Tetapi sebaliknya misal saya kata mereka terima wang RM3,500 lebih kurang tetapi dipaksa untuk dipotong gaji setiap bulan melalui Biro Perkhidmatan Angkasa. Satu bulan potong RM282 – potong 48 bulan. Jadi sejumlah

lebih kurang RM11 ribu. Dapat RM3,500 potong RM11 ribu. Jikalau Barisan Nasional atau kerajaan hendak membenarkan amalan ini diteruskan lain orang tidak boleh buat apalah kerana orang yang kena aniaya adalah orang yang di bawahan. Mereka tidak akan membayar kepada – memperdayakan orang-orang yang tidak ada jawatan tetap. Seperti orang awam di tepi jalan mereka tidak boleh sebab nanti dia akan lari. Tidak dapat potong wang tidak dapat potong gaji. Tetapi orang yang bekerja dengan kerajaan tetap ada jawatan dan mengapa Biro Perkhidmatan Angkasa boleh membantu KOBENA Yayasan supaya memotong gaji mereka. Dan ini saya nampak saya teliti dalam kes ini ada bersubahat dengan tauke-tauke Cina juga. Yayasan membuat tandatangan dengan kontrak dia tetapi wang ini dibayar oleh seorang yang nama Chua Chan Poh, No.37A, Lubuk Gopeng off Jalan Nanas, Klang Selangor. Orang ini yang membayar wang tetapi orang ini dapat berapa dari Yayasan KOBENA itu. Tidak tahulah. Jadi perkara ini ada. Saya cuma membangkitkan satu misalan atau satu contoh untuk dijalan siasat oleh pegawai-pegawai koperasi. Dengan kes ini saya mintalah supaya pegawai-pegawai sekira ada minat untuk menyiasat saya ada segala butir-butir di sini, boleh berhubung dengan saya. Saya akan serahkan butir-butir ini kepada mereka sebab saya nampak ramai pegawai di sini tetapi mana seorang yang bertanggungjawab untuk pembangunan koperasi saya tidak kenal mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selepa sini boleh tanya Menteri lah.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli.

11.47 pagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya meneruskan Kepala Bekalan 43, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi izinkan saya merujuk kepada satu hadis Rasulullah SAW yang berbunyi [*membacakan sepotong hadis*], “*sampaikanlah dariku walaupun satu ayat.*”

Butiran 020000 – Pengurusan dan Perundangan Tanah, 020100 – Pentadbiran Tanah, 020200 – Kemajuan Pengurusan dan Perundangan Tanah, 020300 – Penyelarasan dan Operasi Tanah. Di bawah butiran 020000 peruntukan melebihi RM80 juta. Apa yang membimbangkan sekarang ini ialah setiap permohonan yang

bersangkutan dengan tanah adalah begitu mengecewakan. Setengah-setengah permohonan mengambil masa lebih daripada setahun untuk diluluskan. Malah banyak kali berlaku bila mana fail-fail permohonan tanah hilang di setengah-setengah pejabat tanah. Sama ada di Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan negeri-negeri yang lain. Dengan masa yang begitu lama maka kerajaan pusat dan juga kerajaan-kerajaan negeri kerugian besar. Pada suatu ketika dahulu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu yakni Tan Sri Dato' Musa Hitam menjanjikan bahawa setiap permohonan akan diselesaikan dalam tempoh 6 bulan. Tetapi setakat ini belum pernah berlaku mana-mana permohonan diluluskan dalam tempoh enam bulan. Keadaan ini bertambah meruncing bila mana melibatkan pengeluaran hak milik strata selepas itu, di mana kita lihat bangunan-bangunan bertingkat dibina di atas tanah dan tanah itu belum selesai dari segi hak milik.

Banyak pemaju-pemaju dan pihak-pihak perunding tidak sedar bahawa tapak di mana bangunan pelbagai tingkat yang telah dibina perlu diselesaikan terlebih dahulu. Sebab itu setakat ini belum ada bangunan pelbagai tingkat di Kuala Lumpur kepunyaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang memperoleh hak milik strata. Bangunan ini dibina secara langsung oleh DBKL dan bukannya dengan kerjasama sepertimana projek Genting Klang. Kepunyaan DBKL yang mempunyai hak milik strata walaupun telah dibangunkan melebihi 15 tahun termasuk bangunan-bangunan yang dibina di sekitar Sentul dan Taman Melati. Sebab itu saya mencadangkan adalah wajar pihak kementerian mewujudkan *once-stop-agency* dengan memberi tempoh tertentu kepada jabatan-jabatan yang terlibat dan juga pihak-pihak yang terlibat untuk memberi jawapan dalam tempoh yang tertentu.

Kalau tidak diberi jawapan oleh jabatan-jabatan berkenaan ataupun pihak-pihak yang berkenaan dalam tempoh tersebut maka permohonan ini dikira lulus. Ini adalah untuk memastikan pembangunan negara tidak terancam, tidak tergendala kerana masalah tanah. Selain daripada itu juga saya mencadangkan kerajaan menimbangkan supaya kakitangan-kakitangan kerajaan yang ditempatkan di jabatan permohonan tanah tidak ditukar kepada jabatan-jabatan yang lain, kalau hendak ditukarkan ke jabatan-jabatan, kalau nak dipromotekan dengan izin kakitangan-kakitangan ini promotelah dengan izin di jabatan yang sama iaitu jabatan memproses tanah.

Kerana apa yang berlaku di dalam kebanyakan kes setelah pegawai-pegawai yang berurusan ditukarkan, dinaikkan pangkat maka digantikan dengan pegawai-

pegawai yang baru dan pegawai-pegawai baru tidak tahu hujung pangkalnya tentang permohonan-permohonan tanah ini. Ini sangat serius terutama berlaku di sekitar negeri Selangor. Tambahan pula di sekitar Selangor banyak melibatkan bangunan-bangunan yang perlu dikeluarkan hak milik strata.

Seterusnya mengenai butiran 050000 – Pembangunan Koperasi. Akhir-akhir ini saya melihat bahawa koperasi telah tidak mendapat penekanan yang serius seperti mana berbanding dengan awal-awal tahun 70'an dulu di zaman pemerintahan kerajaan awal 70'an. Di mana pada ketika itu kerajaan banyak membantu koperasi-koperasi bila mana banyak tanah-tanah kerajaan telah dianugerahkan pada koperasi-koperasi untuk dibangunkan bahkan saham-saham terpilih, saham-saham bermutu tinggi dengan izin telah dianugerahkan kepada koperasi untuk dimanfaatkan oleh koperasi sehingga pada ketika itu wujud bank-bank yang berorientasi koperasi seperti mana bank kerjasama dan lain-lain pada ketika itu.

Walaupun saya sedar bahawa pada awal-awal 80'an koperasi-koperasi ini telah diselewengkan akaun dan juga perjalanan akaunnya oleh lembaga-lembaga pengarah pada ketika itu sehingga banyak koperasi-koperasi menghadapi masalah termasuk koperasi-koperasi milik MCA, koperasi-koperasi milik UMNO, koperasi-koperasi yang lain-lainnya, tetapi janganlah kerana nila setitik ini menyebabkan kerajaan tidak berhasrat untuk membantu pihak-pihak koperasi seserius seperti mana yang kerajaan buat pada awal 70'an. Kerana kita perlu sedar bahawa koperasi adalah hak milik rakyat terbanyak dan koperasi melibatkan rakyat terbanyak.

Sekarang ini banyak negara-negara yang sedang membangun umpamanya di Indonesia memberi penekanan kepada pembangunan koperasi demi kesejahteraan rakyatnya yang mana mereka menyedari bahawa yang menganggotai koperasi ini adalah rakyat yang teramai dan pada satu ketika Presiden Indonesia yang ketiga B.J. Habibie telah meletakkan seorang teknokrat yang cekap, yang handal yang bernama Addy Sosono untuk mengepalai kementerian dan jabatan koperasi ini sehingga banyak koperasi mendapat bantuan daripada kerajaan walaupun pada ketika itu kerajaan menghadapi kegawatan ekonomi yang serius.

Sepatutnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri boleh mengagih-agihkan permit AP kerana sebelum ini Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan bahawa setakat ini belum ada koperasi-koperasi yang diberi permit AP, maka saya menyeru supaya koperasi-koperasi buat

masa-masa akan datang diberikan permit-permit AP tanpa mengira hala tuju faham politik koperasi-koperasi ini dan juga Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri juga menyediakan saham-saham 'blue chip' begitu juga Kementerian Kewangan. Kita tidak mahu saham-saham 'blue chip' ini diagih-agihkan kepada orang-orang yang rapat dengan pemimpin-pemimpin UMNO ataupun saudara-mara, anak beranak pemimpin UMNO seperti mana pembahagian saham seperti mana syarikat 'Cable' kepada anak Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kira-kira empat lima tahun yang lepas.

Kalau – menantu minta maaf – kalau saham-saham yang terpilih ini diberikan kepada koperasi maka dengan sendirinya imej dan saham kerajaan naik tetapi kalau ada, kalau diagih-agihkan seperti mana filem Ali Baba Bujang Lapuk di dalam gua maka sudah tentu rakyat akan marah kepada kerajaan. Seterusnya Butiran 040000 – Pemetaan, 040100 – Urusetia Pemetaan, 040200 – Pusat Pemetaan Berkomputer. Saya membandingkan butiran ini dengan beberapa negara-negara yang pernah saya lawati seperti mana Sweden, Denmark, Norway, Finland dan Sepanyol. Kalau kita mempersoalkan kenapa negara kita sehingga hari ini masih belum menyediakan peta *mosaic*, m-o-s-a-i-c, peta mosaic terkini terutama bagi bandar-bandar besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Insya-Allah, ini termasuk Bandaraya Kuala Lumpur, kita jangan cakap bandar-bandar yang lain, Kuala Lumpur pun belum ada lagi peta mosaic terkini termasuk bandar-bandar yang lain. Peta-peta topography yang ada di negara kita bagi bandar-bandar ini sudah agak ketinggalan jika dibandingkan dengan kadar pembangunan yang berlaku pada tiap-tiap bandar ini. Sebab banyak kali pemaju-pemaju perumahan dan perunding-perunding yang terlibat dengan pembangunan terkeliru dengan keadaan topography berbanding keadaan sebenar di tapak. Lain di peta lain di tapak.

Tetapi kalau kita lihat negara-negara lain yang seperti mana yang telah saya sebutkan tadi maka kita akan perhatikan bahawa peta mereka adalah peta berbentuk mosaic di mana dilihat gambarnya dan dilihat garisan-garisan lot pada gambar tersebut. Ini untuk kebanyakan bandar-bandar besar di negara tersebut. Jadi itu saya meminta pihak kementerian supaya memastikan kita bermula dengan bandar Kuala

Lumpur terlebih dahulu untuk dijadikan *pilot project* sebelum diikuti dengan bandar-bandar yang lain kerana kita takut kita ketinggalan bila mana berlaku seminar-seminar antarabangsa kita tidak boleh mempamerkan peta yang terkini dan yang terbaik walaupun peruntukan yang disediakan sudah agak baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

12.47 tgh

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.43 butiran 020000 – Pengurusan dan Perundangan Tanah. Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum bahawa tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan kelulusan projek di lereng-lereng bukit adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan, tetapi apabila berlakunya tragedi-tragedi tanah runtuh banyak pejabat ataupun kementerian akan terus terlibat dan pada waktu sekarang saya dapati bahawa ramai penduduk ataupun rakyat dalam negeri ini hidup di bawah kebimbangan bahawa mereka akan ditimpa tragedi tanah runtuh dan saya juga mendapati bahawa pada sekarang kerajaan masih tiada satu mekanisma untuk melakukan langkah-langkah yang cepat untuk menolong mereka yang ditimpa tanah runtuh.

Saya hendak memberi beberapa contoh yang berlaku. Baru-baru ini berlaku lima rumah musnah di tanah runtuh di Salak South dan pada 25 Januari ada dua buah rumah ditimpa tanah runtuh di Bukit Mertajam. Pada hari yang sama juga ada mudslide yang berlaku di Jelebu dan 300 penduduk terpaksa hidup dalam kebimbangan. *Malay Mail* 25 Februari juga mengatakan satu budak kecil empat tahun, semasa mandi di rumah di buried alive kerana tanah runtuh. Saya bimbang bahawa ini akan menjadi fenomena yang biasa, yang mungkin berlaku tiap-tiap hari pada masa yang akan datang kerana di Pulau Pinang sahaja terdapat bahawa ada melebihi 100 projek yang di atas lereng bukit dan mungkin terjadinya tanah runtuh dan di Puchong, Taman Cempaka beribu-ribu penduduk bimbang rumah mereka akan runtuh kerana tanah runtuh.

Maka, saya harap Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, akan mengambil inisiatif untuk mengadakan satu Jawatankuasa Kebangsaan supaya ia akan menetapkan dan mengadakan satu mekanisme yang melibatkan semua kementerian yang terlibat untuk mengadakan satu mekanisme supaya bantuan boleh diberi kepada mereka yang terlibat dan juga masalah ini boleh ditangani dengan cepat. Saya beri

satu contoh yang berlaku di kawasan saya, dua buah rumah sahaja yang ditimpa tanah runtuh, ia berlaku di bulan September tahun lalu tetapi sampai hari ini mereka masih dalam keadaan begitu. Projek itu ialah projek JKR, diswastakan dan syarikat yang mengambil kontrak itu ialah pemilik tanah itu. Apabila tanah runtuh berlaku, JKR katakan projek itu dimantau atau dimonitor, dikawal oleh Pejabat DO dan DO katakan ini adalah projek MPSP dan mereka bermesyuarat, bermesyuarat tetapi masalah masih belum ditangani dan penduduk yang terjejas itu dinasihatkan supaya mengambil tindakan mahkamah sendiri.

Saya berpendapat bahawa ini adalah tidak adil kerana berlakunya tanah runtuh bukan kesalahan mereka tetapi ini adalah kelemahan perundangan di bawah kerajaan dan pejabat JKR mengatakan sekarang tidak ada undang-undang untuk memaksa atau memberi arahan kepada pemilik tanah untuk memastikan bahawa lereng-lereng bukit ini diperkukuhkan supaya tidak terjadinya tanah runtuh.

Maka, saya menyeru kepada kerajaan supaya mengadakan satu jawatankuasa dan ini bukan satu perkara yang baru. Pada tahun 1996 bahawa Menteri Kewangan sekarang telah menyeru supaya satu agensi pusat diadakan untuk mengawal pembangunan di lereng bukit. Kita hairan dan tidak faham mengapa, walaupun ada seorang pemimpin kerajaan yang tertinggi mengatakan begitu tetapi sampai hari ini tidak ada apa-apa tindakan dan beribu-ribu rakyat sekarang menghadapi masalah ini umpamanya di Highland Tower, 48 nyawa telah terkorban, mereka sekarang kehilangan rumah tidak cukup lagi mereka mesti mengambil tindakan mahkamah sendiri.

Di Pulau Pinang di Paya Terubong sahaja ada penduduk-penduduk di 'Sun Moon' City, di Bukit Saujana, Bukit Awana lebih kurang 20,000 penduduk juga hidup dalam ketakutan kerana tanah runtuh telah berlaku pada tahun 1998 dan sampai hari ini bukit itu belum dibuat apa-apa kerana kerajaan negeri kekurangan sumber dan ini ternyata kerajaan negeri, kerajaan tempatan apabila menghadapi masalah tanah runtuh scale seperti di Paya Terubong, seperti Highland Tower memang mereka tidak mempunyai sumber yang cukup untuk menangani masalah.

Maka saya menyeru supaya kerajaan atau Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi boleh mengambil inisiatif dengan cepatnya menubuhkan satu jawatankuasa melibatkan semua kementerian yang terlibat. Yang pertama, untuk mewujudkan satu mekanisme dengan serta merta untuk menangani masalah-masalah tanah runtuh yang telah terjadi, telah berlaku.

Yang kedua, untuk mengadakan, mewujudkan undang-undang supaya menetapkan pemaju yang mengadakan projek-projek di lereng bukit, mereka mesti bertanggungjawab kepada keselamatan mengenai tanah runtuh kerana sekarang penduduk-penduduk yang terlibat, mereka bukan sahaja rugi wang ringgit tetapi kehidupan mereka terus terjejas.

Yang kedua, kerajaan.....

Tuan Pengerusi: Yang ketiga, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya akan menggulung, kerajaan mesti menggunakan wang rakyat yang banyak untuk menangani satu masalah yang diakibatkan oleh pemaju, ini adalah tidak adil. Maka saya harap kementerian berkenaan akan mengambil tindakan yang cepat. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Larut.

12.07 tgh.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak menyentuh beberapa perkara yang khusus dalam kementerian di bawah B.43, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Di bawah Butiran 05000 iaitu Pembangunan Koperasi.

Kita tahu bahawa pada satu ketika kita menghadapi kegawatan ekonomi dan sekarang ini Alhamdulillah di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita, ekonomi kita sekarang ini hampir pulih. Saya hendak menyentuh berhubung dengan kedudukan koperasi-koperasi yang kita rasa, kita tahu mungkin terlibat terjejas akibat daripada keadaan ekonomi kita yang kita hadapi sedikit masa yang lalu. Jadi bagaimana kedudukan koperasi-koperasi tersebut yang mungkin telah gulung tikar dan bagaimana langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi balik kedudukan keadaan koperasi-koperasi ini setelah ekonomi kita dipulihkan semula.

Saya hendak sentuh berhubung dengan Bank Rakyat kerana pada satu ketika ada ura-ura bahawa Bank Rakyat hendak diapungkan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi bagaimana, adakah langkah ini akan diteruskan ataupun langkah-langkah lain yang akan diambil berhubung dengan kedudukan Bank Rakyat. Jadi, saya juga ingin tahu setelah saya sentuh berhubung dengan koperasi tadi bagaimana pula prestasi Bank Rakyat pada ketika ini sewaktu ekonomi kita telah pulih, langkah-langkah, rancangan-rancangan yang akan diambil oleh Bank Rakyat dalam usaha kita untuk mempertingkatkan lagi kedudukan Bank Rakyat ini kerana kita tahu pemegang saham ataupun ahli Bank Rakyat ini begitu ramai, begitu besar.

Jadi, bagaimana kedudukan Bank Rakyat yang menjadi salah satu agensi terpenting dalam negara kita dan sekurang-kurangnya kita tahu, rakyat mungkin ingin tahu, orang ramai mungkin ingin tahu, ahli-ahli Bank Rakyat ingin tahu tentang langkah-langkah seterusnya yang akan diambil oleh Bank Rakyat bagi menghadapi alaf baru ini dengan cara pendekatan yang mungkin lebih baik daripada tahun-tahun selepasnya.

Jadi, saya berharap sangatlah supaya pihak kementerian dapat memberi penjelasan berhubung dengan kedudukan Bank Rakyat. Saya rasa itu sahajalah yang saya hendak perbincangkan pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pokok Sena. Selepas itu menteri menjawab.

12.09 tgh.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P.43 Butiran 04600 iaitu berkenaan FELDA.

Kini kita melihat bahawa FELDA khususnya peneroka-peneroka, taraf hidup mereka masih tidak begitu baik dan pendapatan mereka pun masih lagi rendah dan kita melihat juga bahawa dunia kehidupan peneroka masih lagi dilingkari dengan hutang yang dijangka sepanjang hidup mereka, walaupun untuk bayaran kembalinya dapat diselesaikan untuk peringkat pertama tetapi mereka akan disambung balik dengan satu perjanjian yang baru yang akan menyebabkan mereka terus kekal dalam hidup berhutang.

Jadi oleh sebab itu kita melihat bahawa pendapatan penerokanya masih tidak bertambah seperti yang saya sebutkan tadi dan kita lihat juga bahawa ini ada kaitan dengan..., pendapatan peneroka yang tidak bertambah ini, ada kaitan dengan di mana tidak wujudnya satu persaingan dari sudut kilang-kilang yang membeli hasil tanaman mereka sama ada getah ataupun sawit di mana perjanjian yang dibuat antara FELDA dengan peneroka mereka mesti menjual kepada kilang yang ditentukan, kilang yang dipunyai oleh FELDA sendiri dan ini menyebabkan tidak wujud persaingan dan bila tidak wujud persaingan kita melihat bahawa seperti dilaporkan oleh pihak peneroka kepada saya bahawa perbezaan harga antara yang ditawarkan oleh kilang yang dimiliki oleh FELDA dengan kilang swasta itu sangat agak jauh dan ini sudah tentulah merugikan pihak peneroka.

Jadi, oleh sebab itu saya mengharapkan bahawa supaya perjanjian itu dapat dilonggarkan untuk membolehkan pihak peneroka sendiri memilih mana-mana kilang yang boleh memberikan pulangan yang lebih baik kepada mereka. Dan saya percaya

bahawa pihak FELDA tidak akan mengalami apa-apa kerugian dan peneroka tidak akan lari daripada FELDA kalau FELDA berjaya menyediakan satu perkhidmatan yang baik dan menawarkan harga yang lebih baik daripada kilang-kilang swasta yang terdapat, sudah tentulah peneroka akan memilih kilang yang dimiliki oleh FELDA tetapi yang penting di sini ialah wujud persaingan.

Bila tidak wujud persaingan, ini bermakna bahawa FELDA akan membuat apa sahaja kerana peneroka mesti jual kepada FELDA dan FELDA tidak ada pilihan yang lain melainkan mereka terpaksa jual dengan harga yang tidak begitu memuaskan. Dan juga saya melihat bahawa FELDA tidak seharusnya bimbang sebab FELDA mempunyai ladang yang sendiri di bawah FELDA Plantation sebanyak 600,000 ekar yang saya percaya bahawa FELDA telah berjaya untuk membina keuntungan yang begitu baik yang hasilnya tidak banyak diperolehi oleh peneroka sendiri.

Begitu juga dengan 12 anak syarikat ataupun perbadanan di bawah FELDA ini sama ada di bawah niaga pemasaran, pertanian, FELDA Agriculture, BENA dan sebagainya yang saya kira bahawa dilihat di sini bahawa kepentingan penerokanya tidak banyak di dalam syarikat-syarikat ini sedangkan syarikat ini berdiri membina keuntungannya atas titik peluh peneroka, tanpa peneroka sudah tentulah syarikat ini tidak akan wujud dan tidak akan berdiri.

Jadi, oleh sebab itu satu ruang harus disediakan untuk memastikan kepentingan peneroka itu akan ada dalam syarikat-syarikat ini, sama ada melalui koperasi yang dimiliki oleh peneroka FELDA ataupun dengan cara-cara yang lain. Walaupun masa ini ada tetapi sangat kecil dia punya penglibatan dan kepentingannya di mana peneroka sendiri tidak boleh menentukan polisi syarikat-syarikat tersebut kerana bagi saya penting jika peneroka boleh terlibat sama ada melalui koperasi dalam hendak menentukan polisi syarikat-syarikat ini, sudah tentulah mereka akan dapat menentukan polisi dan dasar yang mengambil kira soal kepentingan peneroka. Apabila peneroka tidak terlibat dalam membina dan membuat polisi syarikat ini, akhirnya syarikat ini banyak berorientasikan keuntungan dan berlakulah proses-proses tekanan terhadap masyarakat peneroka dan ini menyebabkan peneroka terus menghadapi tekanan-tekanan hasil daripada pelaksanaan pentadbiran FELDA sendiri.

Kemudian, Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh soal berkaitan dengan FELDA lagi, berkaitan dengan soal tuntutan tanam semula. Sekarang ini dilaporkan kepada saya bahawa amat sukar untuk mereka ini menuntut tanaman semula apabila mereka mengambil jalan untuk melakukan proses tanam semula itu secara

bersendirian. Ini yang berlaku, sedangkan tabung tanam semula ini yang dipotong daripada hasil titik peluh peneroka. Ini adalah wang peneroka yang disimpan oleh pihak FELDA yang sewajarnya pihak FELDA tidak boleh menghalang daripada mereka untuk menuntut tuntutan tanam semula ini.

Oleh sebab itu saya kira bahawa amat wajar untuk pihak FELDA untuk memberikan ruang yang lebih kepada peneroka untuk memilih jalan sendiri untuk mengusahakan tanam semula secara sendiri dan tabung tanam semula ini amat penting kerana bagi mereka adalah untuk mereka memproseskan usaha-usaha mereka. Kalau ada pun yang diperolehi melalui tabung tanam semula ini, setelah melalui proses tindakan mahkamah, umpamanya ambil lawyer dan sebagainya dan ini membebaskan peneroka. Saya ada beberapa laporan yang dibuat oleh pihak peneroka di mana mereka terpaksa mengambil lawyer dan sebagainya untuk semata-mata hendak dapat tuntutan daripada tabung tanam semula sedangkan itu pun bukan semua peneroka yang perolehi.

Kemudian saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan soal selepas daripada bayaran kembali yang pertama ini. Selalunya hanya diberikan sekarang ini surat hak milik yang bersyarat di mana mereka tidak mendapat hak mutlak ataupun mereka masih lagi menjadi orang yang terpaksa bergantung dengan FELDA. Dan ini sudah tentulah bahawa kebebasan yang tidak banyak yang menyebabkan hutang itu berterusan sebab bila sudah habis, umpamanya hutang sekarang ini lebih kurang antara 40,000 hingga 60,000 ribu peneroka-peneroka terpaksa menanggung hutang iaitu melalui bayaran kembali.

Tetapi apabila mereka selesai daripada itu, melalui surat perjanjian di mana mereka mesti menyerah kepada pihak FELDA untuk menguruskan ladang mereka menyebabkan mereka terus berhutang dan ini menyebabkan mereka tidak ada kebebasan sendiri. Oleh sebab itu, saya kira bahawa amat wajar untuk membebaskan peneroka ini daripada hutang, apa sahajanya surat hak milik itu atau pun geran itu diberikan secara yang bebas. Maknanya itu hak peneroka, bukan lagi meletakkan mereka itu sentiasa terikat dan terus terikat dengan pihak FELDA dan ini saya rasa bahawa sangat merugikan.

Macam saya katakan tadi bahawa FELDA tidak harus gusar apa-apa. Kalau FELDA berjaya menyediakan pengurusan yang baik, menyediakan peluang yang lebih baik, berjaya membantu peneroka melalui syarikat-syarikat tersebut terlibatnya kepentingan peneroka, saya percaya bahawa peneroka akan terus bersama dengan

FELDA. Cuma, peneroka berkehendakkan sekarang ini ialah kebebasan kepada mereka selepas mereka selesai daripada bayaran kembali.

Jadi, saya rasa iulah sahaja Tuan Pengerusi, yang saya harap dapat penjelasan yang sewajarnya daripada pihak kementerian. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ya, jawapan daripada kementerian. Ya, sila jawab.

12.17 tgh.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa Yang Berhormat yang memberi pandangan, komen-komen dan juga tindakan yang perlu dibuat oleh pihak kementerian.

Saya cuba bagi penjelasan tentang beberapa soalan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Serdang, tentang perkara kelewatan pengukuran akhir bagi lot-lot kampung baru. Proses ukuran hanya boleh dijalankan setelah Jabatan Ukur dan Pemetaan menerima permohonan ukur dari Pejabat Tanah iaitu dalam bidang kuasa kerajaan negeri.

Dalam usaha untuk mempercepatkan proses ukuran, beberapa usaha telah dan akan diambil oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan termasuk -

- Menggunakan peralatan moden dan terkini dengan mengambil kira aspek pengkomputeran dalam semua proses kerja jabatan bermula dari kerja ukuran di lapangan sehingga ke peringkat penyediaan hak milik.
- Menghantar pegawai-pegawai ukur ke Pejabat Tanah bagi membantu menyelesaikan sebarang permasalahan dalam penyediaan pelan permohonan ukur.
- Melaksanakan kerja-kerja lebih masa.
- Mengadakan unit khas secara mobilisasi pegawai dari JUPEM negeri ke JUPEM negeri yang mempunyai banyak kerja yang perlu diberikan keutamaan.

Dan juga untuk makluman Yang Berhormat bagi Serdang, semasa menjalankan ukuran Kampung Baru ini JUPEM juga menghadapi beberapa masalah terutama dalam mendapatkan kerjasama sepenuhnya daripada pemilik tanah. Dan juga soalan dari Yang Berhormat Serdang tentang ukuran siap tidak mengikut keluasan permohonan ukur. Bagi kampung-kampung baru yang telah dibangunkan, ukuran

tidak dapat dijalankan secara seratus peratus mengikut keluasan. Dalam hubungan ini, Jabatan Ukur boleh menjalankan ukuran mengikut usaha dengan berpandukan peraturan-peraturan yang terpakai.

Tentang Yang Berhormat bagi Tambun beberapa perkara mengenai FELDA dan bagaimana kedudukan pengeluaran hasil ladang sawit FELDA berbanding pengeluaran industri...

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr. Tan Kee Kwong: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan yang lebih jelas berkaitan dengan tidak begitu tepat pengukuran di tanah yang sebenarnya. Jadi apakah apabila diukur, tanah itu tidak seperti keluasan asal, jadi bagaimana itu sebenarnya? Jadi kita nak penjelasan yang jelas supaya mereka yang mengukur tanah dapat ukuran yang sebenar mengikut keluasan tanahnya dalam geran supaya jangan ada keraguan dengan jawapan itu, ini bukan keraguan. Minta penjelasan. Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Yang Berhormat. Kadang-kadang ada beberapa masalah tetapi kalau ada masalah kita boleh buat siasatan lagi dengan tiap-tiap negeri pun ada pihak bahagian JUPEM dan tiap-tiap negeri yang besar misalnya Perak atau Pahang lebih kurang ada kakitangan 300 dan kita boleh buat siasatan kalau ada kes-kes yang begitu.

Tentang jawapan, soalan-soalan Yang Berhormat Tambun mengenai FELDA. Pengeluaran hasil FELDA bagi 1998 iaitu 15.6 tan sehektar adalah setanding dengan pengeluaran industri 15.98 tan sehektar. Pengeluaran di FELDA kurang sedikit kerana kebanyakan kawasan iaitu 60% telah melebihi umur 15 tahun di mana potensi hasil pula menurun kira-kira 1,000 hektar kebun lagi masih belum berhasil selepas ditanam semula. Selain itu, kebanyakan kawasan FELDA terdiri daripada tanah, minta izin, in land yang kurang subur berbanding tanah coastal yang dimiliki estet swasta.

Mengenai perkara FELDA bercadang untuk meluaskan kegiatannya ke luar negara. Bidang kuasa yang diperuntukkan kepada FELDA hanya kegiatan pembukaan tanah di dalam negara. Ini berasaskan matlamat asalnya untuk memberi tanah kepada rakyat dan membasmi kemiskinan. Membuka tanah di negara asing tidak boleh menepati matlamat tersebut. Walau bagaimanapun, melalui anak syarikatnya FELDA telah berkembang dengan kegiatan hiliran. Usaha sama dengan

syarikat asing telah dilaksanakan di negeri China dan Pakistan dalam projek penapisan dan instalasi. Satu lagi projek kilang memproses getah juga dilaksanakan di Thailand dan juga purata pendapatan bersih peneroka getah iaitu RM763 sebulan.

Peneroka Rancangan Getah digalakkan menanam kelapa sawit apabila tiba masanya kebun mereka perlu ditanam semula....

Datuk Napsiah binti Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat, ya.

Datuk Napsiah binti Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin penjelasan, adakah Kementerian sedar bahawa tujuan utama FELDA ini adalah untuk membangunkan keluarga-keluarga di negara kita ini dari segi sosio-ekonominya, bukan saja dari segi keluaran getahnya dan sebagainya tetapi yang lebih penting ialah kesejahteraan keluarga. Tentang perkara ini memang kementerian telah buat banyak kerja yang baik, saya ucap tahniah tetapi ada juga tompok-tompok, kelompok-kelompok yang perlu diberi perhatian.

Misalnya saya sentuh perkara ini kerana tidak ada pengamalan keadilan, prinsip-prinsip keadilan kerana yang dimasuk ke dalam FELDA ini ialah wanita dan kaum bapanya sebagai satu keluarga. Bila diinterview, bila ditemuramah untuk menjadi peneroka adalah satu keluarga tetapi penghujungan ini bila pokok telah besar, hasil dah keluar, kaum bapa tidak begitu prihatin kepada kaum ibu. Ramai yang terpinggir hari ini, ke manakah mereka akan pergi? Saya berharap kementerian akan mengambil berat tentang perkara ini kerana ramai wanita yang rasa saya hari ini dianiaya kerana mereka yang bekerja bersama-sama menghasilkan, menaikkan, membangunkan kawasan-kawasan itu tetapi ada satu kes di mana ada seorang keluarga itu setelah setahun duduk di situ, bapanya lari tinggalkan skim itu tetapi si ibu di atas keprihatinan FELDA, ibu dan anak-anaknya dibenarkan duduk di skim dan terus membangunkan kawasan. Tetapi bila keluar hak milik, keluarnya di atas nama bapa itu. Bila ini berlaku masuklah ke dalam skim itu balik bapa ini tadi dan juga keluarga barunya, isteri baru dan anak-anak kandungannya dan diusirnya ibu dan anak yang telah pun berusaha berpuluh tahun di dalam rancangan itu. Saya harap kementerian akan mengambil kira mereka yang terpinggir begini supaya diberi juga mereka itu hak mereka kerana di atas keringat merekalah skim ini juga telah membangun dan menyumbang kepada ekonomi di dalam negara kita ini.

Di harap juga kementerian akan memberi perhatian yang lebih lagi kepada soal-soal sosial kerana banyak masalah sosial hari ini yang timbul juga di dalam rancangan FELDA. Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih, Yang Berhormat, tentang komen itu dan kita akui bukan tindakan atau peranan FELDA untuk untung sahaja tetapi hendak mengatasi perkara-perkara sosio-ekonomi dan kementerian saya ambil kira komen-komen itu. Dan juga untuk penjelasan sedikit, FELDA ada satu Tabung Sosio-Ekonomi Peneroka (TSEP) dan untuk kegunaan tabung ini menyediakan kemudahan pinjaman bagi aktiviti-aktiviti ekonomi kecil pinjaman perniagaan dan juga apa yang penting pinjaman pelajaran tinggi untuk anak-anak peneroka dan juga membaik pulih kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah agama, tadika, balai raya dan masjid dan juga apa yang penting tentang komen Yang Berhormat membiayai aktiviti pembangunan sosial termasuklah membiayai perbelanjaan Asrama Semai Bakti dan membiayai kegiatan-kegiatan anjuran belia.

Tentang komen-komen Yang Berhormat Tambun, peneroka rancangan getah digalakkan menanam kelapa sawit apabila tiba masanya kebun mereka perlu ditanam semula malah FELDA menyediakan pinjaman tanam semula kepada peneroka getah yang bersetuju untuk menanam semula kebun mereka dengan sawit. Selain faktor harga dan pendapatan lebih baik, tanaman sawit digalakkan kerana tempoh matang lebih pendek, mudah diurus dan keperluan guna tenaga kerja yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, tidak semua kawasan di FELDA sesuai dengan tanaman sawit. Kawasan permukaan bumi dan curam dan kawasan kurang hujan seperti di Utara Semenanjung kurang sesuai dengan tanaman sawit.

Tentang komen-komen Yang Berhormat bagi Tambun, peneroka rancangan getah digalakkan menanam kelapa sawit apabila tiba masanya kebun mereka perlu ditanam semula. Malah FELDA menyediakan pinjaman tanam semula kepada peneroka getah yang bersetuju untuk menanam semula kebun mereka dengan kelapa sawit. Selain faktor harga dan pendapatan lebih baik tanaman kelapa sawit digalakkan kerana tempoh matang lebih pendek, mudah diurus dan keperluan guna tenaga kerja yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, tidak semua kawasan di FELDA sesuai dengan tanaman kelapa sawit. Kawasan permukaan bumi dan curam dan kawasan kurang hujan seperti di utara Semenanjung kurang sesuai dengan tanaman kelapa sawit.

Dengan komen-komen Yang Berhormat bagi Tambun, terdapat koperasi yang tidak aktif atau berjaya. Kenyataan tersebut tidak dapat kerana peratus koperasi tidak aktif di bawah penyeliaan Jabatan Pembangunan Koperasi sehingga 31 Disember 1999 ialah 5.81%, iaitu sebanyak 235 buah koperasi dari bilangan koperasi yang didaftarkan sehingga tahun itu ialah sebanyak 4,045 buah koperasi. Tindakan JPK ialah dicadangkan mengambil tindakan di bawah Seksyen 64, Akta Koperasi 1993 dipulihkan semula dan ditutup. Juga koperasi menyalahgunakan konsep koperasi dicadangkan ditutup.

JPK sentiasa membuat pemantauan ke atas gerakan koperasi. Sekiranya terdapat koperasi yang terkeluar daripada prinsip-prinsip dan konsep koperasi maka salah satu tindakan berikut akan diambil:

- (i) latihan dan pendidikan kepada anggota-anggota lembaga dan anggota-anggota koperasi;
- (ii) pemantauan oleh pegawai JPK Negeri;
- (iii) pemeriksaan di bawah Seksyen 64, Akta Koperasi 1993 dan juga dikenakan kompaun di bawah Seksyen 93, Akta Koperasi 1993.

Juga tentang perkara JPK perlu ada satu institusi latihan yang lengkap. Memang masa ini satu pusat latihan khas yang diwujudkan semenjak 1957 untuk melatih korporator telah sedia ada, iaitu Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) di Petaling Jaya. MKM melatih korporator-korporator dari segi pengurusan koperasi, undang-undang dan lain-lain aspek yang berkaitan dengan koperasi.

Selain dari itu, Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) dan Angkasa ada juga memberi latihan dan pendidikan kepada korporator. Buat masa kini JPK sedang proses membina Pusat Latihan Koperasi di Sabah dan MKM telah membuka cawangan di Sabah dan Sarawak. Tenaga pengajar terdiri daripada pegawai dan kakitangan yang mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang koperasinya.

Juga, Yang Berhormat bagi Kepong ambil bahagian tentang salah guna dadah menjadi isu nasional di kawasan FELDA. Masalah ini berlaku di mana-mana sahaja dan tidak terkecuali di tanah rancangan. Mengikut bancian terdapat 1,500 kes dadah berlaku di seluruh Rancangan FELDA. Antara puncunya ialah ramai belia-belia bekerja di bandar-bandar berhampiran ulang-alik ke rancangan. Ada di antaranya menjadi pengedar dan penghasut. Kami memandang serius masalah ini. Antara langkah diambil ialah menubuhkan Pasukan Anti Dadah dan PEMADAM di setiap

rancangan. Selain itu, khidmat kawalan oleh RELA dan polis dipertingkatkan. Turut sama memainkan peranan ialah Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) dan juga Persatuan Belia. Walau bagaimanapun, langkah yang paling utama ialah menyedarkan ibu bapa supaya mengadakan kawalan ke atas anak-anak muda masing-masing dan membentuk akhlak mereka sejak dari kecil lagi supaya terbina benteng kukuh bagi menepis segala ancaman gejala negatif.

Mengenai tawaran tender di FELDA. Semalam Yang Berhormat bagi Kepong buat allegation yang serius, pengurusan FELDA tidak ikut prosedur. Saya juga hendak jelaskan tawaran tender FELDA. Proses pemberian tender dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan. Tender diluluskan oleh Jawatankuasa Tender di pelbagai peringkat mengikut nilainya. Kami sedia membuat siasatan jika ada aduan daripada orang ramai. Memang benar generasi muda sekarang kurang berminat bekerja di ladang dan peneroka-peneroka juga tidak melakukan kerja kebun kerana ramai yang sudah berumur. FELDA sentiasa menyediakan peluang-peluang pekerjaan ladang kepada anak peneroka. Namun, tidak ramai menyahutnya. Bagi mengatasi keadaan kekurangan tenaga kerja dari kalangan peneroka dan penggantinya, FELDA memperkenalkan sistem pengurusan kebun komersial. Di bawah sistem ini, kebun-kebun peneroka diserahkan untuk diuruskan oleh FELDA dengan menggunakan buruh. Peneroka diberi lebih pendapatan setelah ditolak kos pengendalian kebun.

Juga, Yang Berhormat bagi Kepong ada menyentuh perkara mengemaskinian peta-peta pembabitan JUPEM. JUPEM sentiasa mengambil langkah-langkah bagi mempercepatkan proses penerbitan peta yang terkini dengan mengoptimumkan penggunaan IT dengan semua kerja pemetaan. Ini telah diambil melalui penggunaan beberapa sistem telah digunakan seperti CAMS, FMS dan DTMS.

Selain itu, JUPEM juga sedang membangunkan satu sistem bagi menghasilkan atlas kebangsaan secara berkomputer yang akan diterbitkan dalam CD Rom yang dijangka produknya boleh dikeluarkan pada awal tahun 2001.

Mengenai soalan istilah ejaan. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong, istilah ejaan nama-nama tempat di atas peta adalah mengikut ejaan rasmi yang telah ditawarkan oleh kerajaan negeri. Dan juga di samping itu, JUPEM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan kamusnya sendiri terutama yang melibatkan istilah-istilah teknikal.

Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah menyentuh tentang kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Koperasi. Untuk penjelasan, kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Koperasi 1993 berkenaan dengan pelaburan Seksyen 45 telah membenarkan koperasi melabur syer-syer di Bursa Saham Kuala Lumpur. Pelaburan ini hendak dibuat dari wang lebihan koperasi dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi. Kuasa tertinggi di dalam koperasi adalah mesyuarat agungnya dan juga ada koperasi lain telah dikorporatkan selain dari KUB. Tidak hanya KUB sahaja. Setakat ini tidak ada koperasi lain yang ingin memohon untuk dikorporatkan sampai masa ini.

Tentang koperasi MOCCIS, Koperasi Polis dan sebagainya. Urusniaga kegiatan koperasi di tangan koperasi sendiri, JPK hanya menyelia asalkan kegiatan tidak terkeluar dari kehendak akta koperasi. Dan tentang perkara KOSIS, jabatan terpaksa bertindak ke atas semua aduan yang diterima, tidak mengira siapa yang membuat aduan, cepat dan lambatkah jawapan yang diberi, terpulang kepada pemeriksaan siasatan. Dan, juga soalan-soalan tentang Maktab Kerjasama Malaysia (MKM), tentang caruman, punca kewangan untuk membiayai MKM, adalah caruman 2% dari keuntungan bersih koperasi setiap tahun. MKM hanya mengarahkan deposit sahaja asrama untuk cooperator yang menghadiri kursus tetapi wang ini akan dikembalikan selepas berkursus sehingga barang-barang tidak hilang. Dan, juga tentang ijazah MKM. Sekarang ada diploma di MKM dan juga ijazah BBA dan MBA, program jarak jauh dengan Lester University, UK.

Dan juga cadangan Yang Berhormat yang baik tentang 'koperasi petani nasional'. Cadangan atau komen Prof. Diraja Ungku Aziz. Jawapannya ialah sedang dalam kajian kementerian dengan Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi: Arau bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak minta laluan daripada Yang Berhormat mengenai koperasi yang disebutkan tadi, Koperasi Pertanian. Setahu saya pada masa yang lalu ada koperasi-koperasi yang telah ditubuhkan di bawah pertanian dan telah pun dipindahkan kepada Kementerian Pertanian. Kalau saya tidak silap, koperasi ini masih lagi berada di bawah Kementerian Pertanian, dan koperasi ini tidak dapat menjalankan peranan yang begitu *significant* dalam negara kita sehingga hari ini. Jadi, sekarang timbul pula satu pandangan baru, hendak menubuhkan koperasi pertanian. Saya ingin bertanya di pihak kementerian, adakah kementerian hendak menubuhkan yang baru ataupun

hendak mengatasi masalah koperasi yang ada dalam Kementerian Pertanian yang dihantar ataupun yang telah di transfer daripada koperasi ini ke Kementerian Pertanian. Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih. Kerajaan kalau boleh selesai semua perkara sekaligus sebab Kementerian Pertanian pun ada koperasi dan kementerian kita pun ada koperasi berkaitan dengan pertanian. Dan, kita runding dahululah sebelum jawapan atau tindakan.

Tentang komen-komen Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, bahawa hak milik telah dikeluarkan hanya kecil sahaja. Saya pun ada memberi penjelasan dari soalan lisan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hak milik strata yang telah dikeluarkan di Kuala Lumpur telah banyak meningkat, tidak seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Bagi Kuala Lumpur, setakat 31 Disember 1999 sebanyak 51,024 hak milik strata telah dikeluarkan.

Tentang soalan denda dan sebagainya, untuk makluman, kerajaan memandang berat tentang kegagalan pemaju untuk memohon hak milik strata dalam keadaan yang diwajibkan. Dalam hubungan ini, pentadbiran tanah telah diingatkan untuk mengambil tindakan-tindakan terhadap pemaju-pemaju berkenaan. Dari segi denda yang dikatakan kecil jumlahnya, peruntukan undang-undang itu akan dikaji semula untuk jumlah denda yang boleh dikenakan.

Dengan komen-komen Yang Berhormat bagi Rompin, di kawasan dia ada banyak rancangan FELDA saya ingat. Memohon supaya beberapa orang pekerja ladang di terima peneroka dengan rancangan FELDA. Pengambilan peneroka baru telah ditangguhkan sejak 1990 ekoran keputusan Kerajaan Persekutuan. Salah satu sebabnya ialah kos pembangunan rancangan pada akhir terlalu tinggi hingga menimbulkan masalah kepada peneroka. Selaras keputusan itu, pengambilan pekerja ladang untuk menjadi peneroka tidak dapat dilaksanakan.

Dan, juga komen tentang teknologi baru. Penyelidikan dan pembangunan teknologi dilaksanakan oleh pihak PORIM di bawah Kementerian Perusahaan Utama. FELDA bersedia mengguna pakai mana-mana teknologi yang sesuai dari segi kos dan kegunaannya. Dan, tentang jualan hasil kelapa sawit peneroka dan tadi komen-komen dari Yang Berhormat Pokok Sena juga, kilang FELDA menawarkan harga yang bersaing untuk menarik peneroka menjual ke kilang FELDA. Peneroka yang belum menerima hak milik mesti menjual hasil ke kilang FELDA melalui surat perjanjian yang telah ditandatangani. FELDA sentiasa bekerjasama dengan PORLA untuk

mengawal pengeluaran lesen pembeli mulai Januari 1999. Lesen pembeli ditetapkan kawasan pembelian di luar kawasan FELDA.

Yang Berhormat bagi Bagan, komen dengan JPK, masalah penyelewengan koperasi. JPK telah membuat pemeriksaan dan telah mengenal pasti beberapa koperasi yang menjalankan aktiviti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, pinjaman barangan pengguna. Tindakan yang telah diambil ialah Ketua Pendaftar Koperasi telah menghantarkan pegawai-pegawai JPK dan surat pekeliling kepada koperasi-koperasi supaya tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti seumpamanya ini. Sekiranya aktiviti-aktiviti pinjaman pengguna hendaklah dilaksanakan, usahalah memenuhi syarat-syarat berikut:

- modal adalah dipunyai oleh koperasi sendiri;
- menyediakan lebih pameran dan tidak melalui ejen atau orang perseorangan; dan
- ANGKASA telah diarah tidak membuat sebarang potongan gaji tanpa persetujuan JPA terlebih dahulu.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan.

Dr. Tan Kee Kwong: Ya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebentar tadi Yang Berhormat ada berkata bahawa ANGKASA, bila perkhidmatan ANGKASA akan berhenti memotong gaji daripada orang yang terlibat sekiranya tidak dapat keizinan daripada pekerja tersebut. Kepada mereka yang telah bersetuju, adakah ANGKASA juga akan menyemak semula supaya perkara ini dapat diselesaikan?

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan. Hakikatnya sebelum pihak ANGKASA potong gaji, dia mesti terima surat tandatangani. Kalau tidak ada surat tandatangani, pihak ANGKASA tidak potong gaji tetapi banyak masalah ialah orang-orang yang hendak wang atau pinjaman tidak membaca agreement baik-baik. Dia dapat produk atau wang atau apa-apa alat dan lepas mungkin satu bulan atau dua bulan, boleh tahan potongan gaji dan selepas beberapa bulan, mungkin budgetnya pun tidak berapa baik dan dia menyeru kepada koperasi dan juga ANGKASA tindakan tidak adil. Tetapi sepatutnya sebelum tandatangan apa-apa agreement, dia mesti baca baik-baik. Kalau ada kes ini Yang Berhormat boleh beri saya dan kita buat siasatan kalau boleh bantu.

Komen-komen Yang Berhormat bagi Jeli tentang hak milik strata. Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Hakmilik Strata 1985 memperuntukkan dengan jelas keperluan asas yang hendaklah diperolehi terlebih dahulu untuk mengeluarkan hak milik strata bagi bangunan berbilang tingkat. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk memahami dan menunaikan keperluan-keperluan asas itu iaitu tanah itu dipegang di bawah satu lot. Hak milik itu hak milik tetap dan bangunan itu mempunyai dua tingkat atau lebih. Kadang-kadang Kerajaan Tempatan atau Local Authority dapat permohonan dari pemaju dan luluskan macam development order. Sepatutnya development order boleh diluluskan tetapi pemaju mesti buat satu permohonan untuk amalgamation. Kadang-kadang dia tidak buat dan sebab itu banyak masalah dengan perkara itu.

Tentang komen untuk koperasi dan MITI. Kerajaan telah memberi perhatian kepada koperasi sehingga adalah satu unit khas untuk koperasi di Jabatan Pembangunan Koperasi. Di antara apa-apa bantuan yang dibe ri adalah bantuan untuk pembelian perabot dan perkhidmatan pembayaran aset dan tabung modal pusingan untuk koperasi yang menghadapi masalah modal yang menjalankan aktiviti-aktivitinya. Dan juga tentang komen – banyak koperasi telah mendapat saham dari MITI iaitu secara pink form dan Koperasi Polis telah disenaraikan penerima tetap saham-saham dan permohonan hendaklah dimohon sendiri oleh koperasi terus kepada MITI. JBK hanya mengesah koperasi sendiri dan juga tentang komen-komen mozek iaitu sangat teknikal dan nampaknya Yang Berhormat bagi Jeli sudah jadi seorang pakar tentang perkara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Jeli penyediaan peta-peta mozek bukan merupakan aktiviti utama Jabatan Ukur dan Pemetaan. Walau bagaimanapun, jabatan mempunyai perancangan untuk menyediakan peta mozek malahan jabatan telah pun menyediakan peta mozek bagi kawasan MSC. Jabatan berasaskan peta-peta topografi terhad dan tidak terhad yang diterbitkan oleh jabatan sudah mencukupi untuk tujuan pembangunan dan keselamatan negara.

Tentang soalan peta-peta topografi tidak kemas kini dan dalam usaha mempercepatkan pengemaskinian peta-peta topografi, Jabatan Ukur telah menetapkan dasarnya dengan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang membangun dalam masa tiga tahun. Walau bagaimanapun, dasar ini telah dipercepatkan bila masa semua peta topografi siap disediakan dalam bentuk digital.

Tentang komen-komen Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, perkara ini adalah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Dr. Tan Kee Kwong: Walau bagaimanapun, adalah difahamkan suatu garis panduan telah disediakan oleh kementerian bagi maksud mengawal pembangunan tanah di lereng bukit.

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Chong Eng: Penjelasan. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang saya bimbang ialah sikap kementerian semacam ini iaitu satu kementerian katakan ini bukan dalam bidang kuasa saya, yang lain pun kata begitu. Tetapi sebenarnya ini melibatkan beberapa kementerian, dan kementerian Yang Berhormat tentu merupakan sebuah kementerian yang terlibat juga dan saya harap kementerian Yang Berhormat boleh mengambil inisiatif seperti yang saya katakan tadi, mengadakan satu polisi, sekiranya tanah runtuh bukan dalam bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, kementerian mana yang bertanggungjawab? Ini melibatkan beberapa kementerian, saya harap kementerian ini akan memikul tanggungjawab bersama-sama. Terima kasih.

Dr. Tan Kee Kwong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Saya akui ada lain kementerian juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Kerja Raya dan lain-lain. Kita cubalah mengatasi masalah ini, kita terima komen-komen dan juga tentang komen-komen dari

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta sambung sebelah petang ya.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguh hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

mempengerusikan Mesyuarat]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)

mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung jawapan, sila.

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Tan Kee Kwong]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Untuk menjelaskan komen-komen Yang Berhormat bagi Larut tentang kedudukan koperasi yang terlibat dengan kegawatan ekonomi, jawapan ialah sektor koperasi merupakan sektor yang tidak berapa terjejas dengan kegawatan ekonomi kerana koperasi memperolehi modal daripada anggota-anggotanya dan juga bukan daripada pinjaman luar dan perkhidmatannya adalah untuk anggota-anggotanya.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan soalan prestasi Bank Rakyat. Pendek kata - Pengerusi Bank Rakyat pun ada di sini, Bank Rakyat adalah satu contoh koperasi yang cemerlang dan untuk tahun 1999, Bank Rakyat untung lebih RM100 juta dan tahun ini fokus ialah untung Bank Rakyat lebih RM300 juta. Dan tentang komen-komen Yang Berhormat bagi Pokok Sena, penglibatan kepentingan peneroka dalam syarikat-syarikat FELDA. Penglibatan peneroka dalam syarikat-syarikat FELDA adalah melalui Koperasi Permodalan FELDA (KPF) di mana semua peneroka menjadi ahli, KPF memiliki sebahagian besar modal saham dalam syarikat-syarikat FELDA dan juga pendapatan utama KPF adalah daripada dividen syarikat-syarikat FELDA.

KPF pula akan mengisytiharkan dividen kepada semua ahli berdasarkan pendapatan yang diperolehi. Untuk tahun kewangan 1999, KPF mengeluarkan dividen dan bonus berjumlah 14% iaitu RM47 juta. Dan juga komen-komen lain, dua orang wakil peneroka berada di dalam setiap lembaga pengarah syarikat-syarikat FELDA dan juga tentang komen hendak menghapuskan syarat-syarat. Syarat-syarat nyata dalam hak milik bertujuan untuk menjamin keselamatan tanah peneroka dan soal hutang peneroka adalah pilihan mereka sendiri dan mereka tidak perlu menjamin jika mereka ada wang sendiri dan dengan itu mereka tidak berhutang.

Tentang perjanjian dan juga penjualan buah-buah sawit. FELDA menyediakan kilang-kilang sebagai kemudahan kepada peneroka untuk memproses buah sawit dan seterusnya membelinya. Jika tiada kilang ini, peneroka akan kerugian kerana buah-buah tidak boleh diproses atau dijual, terutamanya di kawasan pedalaman. Perjanjian perlu ada untuk menjaga kepentingan-kepentingan kedua-dua pihak dan juga tentang komen-komen tanam semula, peneroka yang ingin menanam

semula sendiri boleh dibayar wang tanam semula jika kerja-kerja tanam semula dilaksanakan dengan sempurna mengikut amalan agronomi yang baik.

Bayaran dilaksanakan mengikut kemajuan kerja sebanyak empat kali bayaran sejumlah RM1,700 seekar. Dengan komen-komen ini, Tuan Pengerusi, saya harap dapat memberi sedikit penjelasan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa wang sejumlah RM259,996,800 bagi Maksud B.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sejumlah RM259,996,800 bagi Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM204,290,000 bagi Maksud P.43 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendak diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM204,290,000 bagi Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B. 44 [Jadual] –
Maksud P. 44 [Anggaran Pembangunan 2000] -**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut. Saya yang pandang dia dahulu dan dia yang bangun dahulu. *[Ketawa]*

2.37 ptg.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Maklumlah petang-petang begitulah keadaannya.

Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Pengerusi dan saya bangun untuk memberikan pandangan dalam beberapa perkara berkaitan dengan B.44, Kementerian Penerangan.

Sejak Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia ditubuhkan, ada beberapa kekeliruan dan perpindahan berlaku. Kita dapati soal-soal yang berkaitan dengan dasar penyiaran negara kini kelam-kabut kerana selepas diletakkan di bawah kementerian baru, rangka dasar dan peraturan-peraturan penyiaran seolah-olah tidak lagi dikawal. Sehingga ini ketika kita memasuki alaf baru, kini belum disajikan dengan satu dasar komunikasi yang konkrit. Saya masih ingat Dasar Komunikasi Negara mula digubal ketika Menteri Penerangan diterajui oleh bekas Menteri Penerangan yang lalu, selepas beberapa menteri dan kini katanya dasar ini digubal oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, ia belum menampakkan tanda positif.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 020000 mengenai Perkhidmatan Penyiaran. Saya ingin khususkan kepada berita RTM. Perkara pertama ialah waktu perdana. Apakah wajar kita mengekalkan waktu perdana pada jam 8.00 malam. Berita Perdana di semua stesen televisyen dikatakan patut disiarkan pada jam 8.00 malam. Bagaimana pun stesen swasta ntv7 dibenarkan untuk sementara menyiarkan *Berita Perdana* pada jam 7.00 malam. Saya difahamkan sebelum ini, ketika dasar dan peraturan diletakkan di bawah Kementerian Penerangan, perkara ini tidak boleh ditolak ansur. Walau apa juga waktunya saya berpendapat waktu paling sesuai untuk *Berita Perdana* ialah jam 8.30 atau 9.00 malam kerana ketika ini waktu Maghrib sudah pun habis. Apa lagi ketika waktu kita dipercepatkan setengah jam pada tahun 1981, jam 8.00 ketika itu sebenarnya adalah jam 8.30 malam.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan *Berita Perdana* ini, saya juga ingin membuat cadangan bagi memperbaiki mutu kandungan dan sedikit teknikal:

- (i) saya melihat *backdrop* atau '*chroma chie*' berita RTM sering bertukar. Malah, *Berita Jam 6* lagi hebat, seolah-olah ikut selera producernya, dengan izin. RTM perlu dikekalkan identitinya sebagai stesen utama dan miliki kerajaan. Carilah yang paling sesuai pada zaman ini;
- (ii) gangguan teknikal sering berlaku di mana visionnnya sering tidak dapat disiarkan. Ini boleh memalukan kerana RTM bukan stesen baru;

- (iii) gangguan audio sepatutnya juga tidak berlaku kerana RTM adalah berpengalaman;
- (iv) keutamaan berita sewajarnya dinilai semula kerana ia adalah stesen milik kerajaan; dan
- (v) penekanan kepada isu yang bersifat menjelaskan (informative) dan sokongan terhadap kerajaan adalah keutamaan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 030000 berkaitan dengan Perkhidmatan Penerangan atau Geraksaraf. Saya melihat pada tahun ini tidak ada sesen pun diperuntukkan berbanding dengan RM675,700 pada tahun sebelumnya. Saya ingin bertanya apakah tugas ini sudah tidak penting. Apakah kita tidak perlu lagi Geraksaraf ini, sedangkan ancaman berbentuk baru sedang melanda masyarakat kita. Tohmahan, cerca, fitnah dan sebagainya semakin menjadi-jadi. Saya perlukan penjelasan Menteri mengenai perkara ini.

Mengenai Butiran 040000 Perkhidmatan Filem Negara, saya mencadangkan supaya dokumentari penting negara terus dikeluarkan. Ingatan masih segar di kepala kita bagaimana pada tahun 1950-an dan sekitar tahun 1960-an ketika kita memerangi komunis, ancaman konfrontasi dan perpaduan kaum, filem-filem keluaran Filem Negara memainkan peranan penting untuk meningkatkan semangat patriotisme, sayangkan negara dan berjuang di kalangan rakyat khususnya generasi muda, apakah peranan ini tidak boleh dimainkan sekarang.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat Filem Negara masih berpotensi besar untuk meneruskan agenda ini. Cumanya carilah peneraju yang mampu menjalankan tugas berkenaan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan bangun, minta penjelasan.

Tuan Moktar bin Radin: Saya mahu tanya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, okaylah.

Tuan Moktar bin Radin: Duduk dulu. Ini saya mahu tanya Ahli Parlimen bagi Larut, apakah ekoran dari tidak ada peruntukan untuk Jabatan Penerangan di Bahagian Geraksaraf menandakan negara kita sudah aman? Apakah Yang Berhormat bagi Larut masih beranggapan ada anasir-anasir jahat lagi yang boleh mengancam negara kita sehingga memerlukan peruntukan lagi untuk Geraksaraf ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dekat itu, jangan berkelahi ya. Ya sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, tidak. Terima kasih di atas pandangan sahabat saya bagi Kinabatangan. Memang saya bersetuju dengan apa yang telah diluahkan oleh Kinabatangan tadi dan itulah yang kita harapkan, supaya senario suasana yang kita hadapi pada hari ini dapat kita pintas, supaya yang kita fikirkan lebih penting lagi ialah rakyat di peringkat akar umbi supaya benar-benar faham dengan dasar kerajaan supaya ianya tidak diputarbelitkan oleh mana-mana pihak.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya mohon memberikan sedikit pandangan mengenai Butiran 01900 iaitu Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR) yang diiktiraf di negara dunia ketiga dan beberapa negara maju. Ia menjadi pusat latihan yang berjaya, malangnya asrama IPTAR masih kekal seperti tahun 70-an. Oleh itu diharap penaikan taraf kelengkapan IPTAR turut memberi kesan kepada asrama IPTAR.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tumpat.

2.46 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Maksud B.44 Kementerian Penerangan. Pertamanya saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 Perkhidmatan Penyiaran dan 020100 Rancangan.

Tuan Pengerusi, mengikut laporan Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 2000, objektif program Perkhidmatan Penyiaran ialah menyediakan perkhidmatan penyiaran, menyebarkan maklumat melalui radio dan televisyen bagi membina sikap, peribadi, pemikiran dan nilai-nilai yang sesuai untuk memajukan dan menjayakan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat selaras dengan cita-cita negara. Ini adalah suatu hasrat yang mulia dan oleh sebab itulah saya dalam Dewan yang mulia ini ada bertanya kepada Kementerian Penerangan satu soalan lisan yang menanyakan tentang peratusan program-program di Radio Televisyen Malaysia 1, RTM2, TV3 dan ntv7 mengikut peratusan-peratusan beritanya, rencananya, agamanya dan sukannya dan jawapan yang kita perolehi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia ialah bahawa untuk TV1 RTM1 program hiburannya 35%, program beritanya 27%. RTM2 program hiburannya 64%,

program beritanya 3%, TV3 program hiburan 52%, program berita 30%, ntv7 program hiburan 85% manakala program berita hanya 9%. Program agama pula TV1 - 8%, TV2 - 2%, TV3 - 2%, ntv7 - 0%.

Jadi, Tuan Pengerusi, adalah amat menghairankan bagaimana Kementerian Penerangan boleh mempunyai suatu matlamat dan hasrat untuk meningkatkan dan membina sikap, peribadi, pemikiran, nilai-nilai yang sesuai dan sebagainya kalau dibandingkan dengan program-program peratusan tadi nampak tidak sehaluan dengan matlamat tersebut. Apatah lagi tujuan kerajaan yang terakhir ini amat bimbang akan kononnya tidak wujudnya perpaduan ummah, maka dengan sebab cita-cita yang baru ini dan dibandingkan dengan program-program agama sudah tentu ianya tidak selaras dan saya ingin mencadangkan supaya dengan sebab itu kerajaan memikirkan semula berkaitan dengan peratusan-peratusan program ini dan cuba meningkatkan program yang berbentuk berita, rencana dan agama.

Saya ada juga membuat perbandingan, Tuan Pengerusi, dengan program-program televisyen oleh negara-negara yang lain seperti BBC Television di England di mana di BBC 1 misalnya peratusan program berita ialah pada hari Isnin 44.1%, pada hari Selasa 44.79% dan sebagainya. Manakala program BBC 2 berita dan program kanak-kanak dan program dokumentari pada tiap-tiap hari melebihi 50% daripada program-program yang disiarkan oleh stesen-stesen televisyen BBC 1 dan BBC 2.

Begitu juga sebagai perbandingan, Tuan Pengerusi, televisyen Jepun yang Jepun ini merupakan negara teladan bagi negara Malaysia kita ini yang mana segalanya perlu kita contohi. Televisyen NHK memberikan lebih daripada 90% program-program daripada tiap-tiap hari menumpukan kepada program-program berbentuk berita. Jadi saya ingin supaya Kementerian Penerangan selepas ini memberikan tumpuan dan penekanan yang lebih kepada program-program yang bersifat berita dan agama. Ini kita beri fakta-fakta ini tanpa mengira program-program yang disiarkan melalui stesen televisyen satelit seperti Astro dan sebagainya.

Keduanya, dalam Dewan yang mulia ini juga, Tuan Pengerusi, saya ada membangkitkan berkaitan dengan kod iklan Kementerian Penerangan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa kod iklan ini dirangka oleh Kementerian Penerangan atas dasar kepentingan melindungi orang awam, negara dan kerajaan daripada anasir-anasir yang boleh mengancam perpaduan dan pertumbuhan negara. Sekali lagi saya ingin ulangi yang saya sebutkan pada hari itu bahawa dalam

Advertising Code For Television And Radio yang diterbitkan oleh Kementerian Penerangan ada beberapa perenggan-perenggan yang jelas maksudnya. Misalnya 3(a)(1) – *advertisement may not be inserted by on behalf of anybody the object of which, dengan izin, are wholly or mainly of a religious or political nature. Advertisement must not be directed to was any religious political end or any relation to do with industrial distribute.* 13(a)(1) – *advertisement, dengan izin, must not discredit or attack unfairly other products, services or advertisements.* 13(a)(2) – *advertisement must not contain derogatory, remarks or innuendoes about other person or organization.* 13(c) – *advertisement must not without justify reason play on fear.*

Bermaknalah iklan-iklan yang sepatutnya diluluskan oleh Kementerian Penerangan tidak seharusnya menyentuh apa-apa yang berkaitan dengan politik atau agama dan walaupun ada yang dibenarkan dalam bidang-bidang yang lain tidak boleh menjatuhkan orang-orang lain, produk lain, organisasi lain, tidak boleh mewujudkan perasaan takut rakyat terhadap keadaan dalam negara kita ini. Tetapi sebagaimana yang kita semua tahu dalam kempen pilihan raya tahun lalu kerajaan, Kementerian Penerangan telah mengizinkan iklan-iklan yang mempunyai slogan-slogan, gambar-gambar yang berbunyi *vote opposition and you will vote the country into cal, vote the opposition and you will vote away your religious freedom, vote opposition and you will vote away your cultural freedom.* Ini, Tuan Pengerusi, perlu dijelaskan dengan sejelas-jelasnya oleh Kementerian Penerangan bagaimana program-program yang menyalahi etika kod pengiklanan kementerian telah diizinkan penyiarannya oleh Kementerian Penerangan.

Saya ingin beralih kepada butiran 030000 dan 030200 Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat. Saya secara khususnya ingin menyentuh berkenaan satu jabatan di bawah kementerian ini iaitu berkaitan dengan Penerangan Khas. Sebagaimana kita semua tahu penerangan khas ini anggotanya dipenuhi oleh pegawai-pegawai yang mana tujuan khususnya untuk membantu politik Barisan Nasional dalam negara ini, saya ingin menyeru kepada pihak kementerian untuk memberi penilaian yang sebaik-baiknya agar dapat dilibatkan sama pegawai-pegawai yang lain untuk memastikan bahawa matlamat mencapai perpaduan negara dan supaya pembaziran wang kerajaan tidak berlaku melalui jawatan-jawatan dalam Jabatan Penerangan Khas, Kementerian Penerangan ini.

Kemudiannya butiran 040000, Perkhidmatan Filem Negara. Saya mempunyai pandangan yang berbeza sedikit daripada sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut tadi. Saya merasakan memang benar bahawa di zaman tahun 50-an dan 60-an zaman Malayan Filem Unit itu sebelum wujudnya teknologi televisyen dan yang canggih-canggih ini memang teknologi filem adalah hanya teknologi yang tercanggih ketika itu, maka dengan sebab itu sama ada Malayan Filem Unit ataupun Filem Negara memainkan peranannya. Sekarang ini teknologi sudah banyak bertukar dan teknologi yang digunakan menerusi filem sudah pun agak ketinggalan ataupun teknologi ini boleh diserapkan di dalam teknologi penerbitan yang lainnya di bawah Kementerian Penerangan. Maka dengan sebab itu saya ingin mencadangkan bahawa kajian dibuat sama ada perkhidmatan Filem Negara ini boleh serapkan ke dalam jabatan-jabatan yang lain yang terdapat dalam kementerian tanpa menghilangkan atau tanpa kita tidak mengakui sumbangan baik yang diberikan oleh jabatan ini sebelum daripada ini.

Butiran 050000, Dasar Baru. Saya ingin menyentuh berkenaan 050100, Program Membanteras Gejala Sosial dan Hiburan Bermaklumat K3P. Secara khususnya saya ingin merujuk kepada apa yang disebutkan sebagai perhimpunan-perhimpunan sivik yang diadakan oleh Kementerian Penerangan. Ini amat lancar dan amat rancak dilakukan dalam tahun 1998 dan 1999 yang mana dalam perhimpunan-perhimpunan sivik ini Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet hadir sebagai penceramah-penceramah utama. Yang saya hendak bangkitkan di sini ialah terdapat banyak unsur-unsur pembaziran dalam program-program ini. Misalnya, biasanya jika program itu akan dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri maka persiapannya, makan minumannya dan segala khemah kerusinya, persiapannya ialah untuk 50 ribu orang hadir dan sebagainya. Tetapi sebagaimana yang kita semua lihat yang hadir jarang sekali sampai 50 ribu orang, yang hadir biasanya yang dipaksa di kalangan guru dan pegawai-pegawai kerajaan dan pekerja-pekerja kilang yang hadirnya daripada jangkakan dan persiapan untuk 50 ribu, yang hadirnya biasanya 5 ribu ataupun 10 ribu. Ini membazirkan makanan dan persiapan-persiapan.

Kadangkala pula sudahlah yang hadir itu 10 ribu atau 5 ribu, mereka hanya makan sahaja dan sebelum Perdana Menteri sempat berucap mereka sudah meninggalkan stadium atau dewan itu. Maka terpaksa kerajaan kadangkala mengunci pintu-pintu stadium dan sebagainya. Ini sekali lagi berbentuk pembaziran dan saya menyeru kepada Kementerian Penerangan untuk memastikan supaya pembaziran-

pembaziran seperti ini tidak berulang lagi dalam tahun ini yang belanjawannya kita luluskan pada sesi ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat habis, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Butiran 0....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kalau satu dua ayat lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu dua ayat bolehlah.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Dua ayat. Pertamanya Butiran 060900 iaitu Perkhidmatan Mencetak Gambar YDP Agong RM600,000. Saya pohon supaya diperincikan tentang belanjawan RM600,000 untuk projek pencetakan gambar YDP Agong.

Point kedua, Butiran 051500, Kenaikan Kadar Sewa Ruang Menara Kuala Lumpur RM996,000. Ini pun saya pohon penjelasan sama ada ini kadar sewa atau ini kenaikan ditambah kepada kadar sewa yang sebelumnya dan kalau begitu apakah sebenarnya kadar sewa dan adakah kadar sewa ini berpatutan dengan perbandingan-perbandingan kadar-kadar sewa yang lainnya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Sri Gading ya.

2.58 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya mohon untuk sama-sama membahaskan B.44 Penerangan. Kita sedar dan maklum bahawa TV dan radio hari ini sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita sehari-hari yang melibatkan semua lapisan rakyat. Oleh yang demikian, peranan TV dan radio sudah menjadi satu perhatian yang menyeluruh oleh rakyat, maka saya ingin hendak membahaskan atau memperkatakan beberapa perkara berkaitan dengan penerangan ini.

Yang pertama berkenaan dengan butiran 020000. Ini berkaitan dengan siaran TV yang ada kaitan dengan rancangan soal drama. Saya hendak menarik perhatian pihak Kementerian Penerangan bahawa sudah ramai penonton Melayu rasa jemu dan jelak tengok drama ini. Jadi saya ingin hendak mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apakah kelayakan atau syarat-syarat yang menyebabkan satu-satu drama

itu boleh disiarkan di TV. Kerana mutakhir inilah saya lihat semua drama Melayu ini sama sahaja lebih kurang, baik dia punya temanya, mutunya, dialognya, plotnya dan sebagainya lebih kurang sama kerana kalau kita tengok drama-drama Melayu di TV ini dia tertumpu kepada lapan perkara sahaja – lapan tempat. Semua drama itulah dia. Kalau bilik tidur - nangis. Semua drama nangis kat bilik tidur. Asal hendak nangis masuk bilik tidur. Ini drama Melayu sekarang kat TV...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada kerja lain ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak ada kerja lain. Kalau tunjuk kat pejabat bertengkar. Antara manager dengan pekerja bertengkar dalam pejabat. Ini semua banyak drama dia begitu. Kalau dalam kereta pulak - tempat yang ketiga dalam kereta - bertengkar juga. Kononnya kalau tunjuk kereta daripada keluar gosan sampai macam kita penonton tidak pernah tengok kereta. Kemudian kalau di meja makan kita akan lihat tengah makan itu ada yang bangun bertengkar - emak dengan anak, anak dengan bapa, suami isteri bertengkar. Jadi tidak pernah selesai makan. Orang Melayu digambarkan begitu. Asal makan - bertengkar. Kalau di surau masjid tengok orang pakai serban sahaja. Apa orang pakai serban sahaja datang ke masjid surau ini. Songkok hitam pun boleh juga pakai pergi ke masjid surau. Kemudian drama Melayu mesti ada orang pakai telefonlah. Pakai telefon entah dia telefon suami dia. Dia punya suami telefon. Macam-macam telefon. Kemudian akan tunjuk hospital. Kalau di hospital, kalau tidak beranak, sakit jantung. Lain tidak ada, itulah dia punya. Kemudian yang kelapan tempat mesti kelab malam...

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagan minta penjelasan.

Tuan Lim Hock Seng: Adakah Yang Berhormat bagi Sri Gading juga hendak mencadangkan supaya drama-drama yang sedia ada ini mengikut rentak Hindustani di mana mereka menari-menari, menyanyi-menyanyi di taman-taman bunga. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya sebenarnya suka macam Hindustan fasal Hindustan dia mesti happy ending. Mesti hero dengan heroin kahwin. Ini filem Hindustan, fasal kalau tidak kahwin panggung kena bakar. *[Ketawa]* Itu kata kat Indialah.

Kemudian kalau dia buat drama purba, ini penonton lebih sakit hati. Kalau drama purba pakai bukan main warna-warni macam pakaian raja tetapi jalan dalam hutan. Dalam hutan saja. Apa kampung Melayu dulu hutan semuakah? Dalam hutan sahaja saya tengok, tidak percaya Tuan Pengerusi tengoklah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya selalu tengoklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, dengar tu! [*Ketawa*] Kemudian kalau drama purba ini mesti ada warung. Semua drama purba warung dia yang ada pisang, nenas. Makan pisang, nenas sahajakah. Ini pahlawan, bukan main bertanjak, pakai warna-warni bersongket. Sudahlah dalam hutan, warung nenas, pisang. Lepas itu ada sedikit betik. Itulah, lain tidak ada. Kemudian kalau bersilat dia, ini satu, silat dia bukan silat Melayu. Bila zaman 500 tahun dulu pahlawan Melayu macam Kung Fu. Bila kung fu dia belajar? Saya belajar silat sinding, saya tahu silat ini....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena berdiri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat. Ini memang pengamat filem Melayu. Cuma saya hendak tanya adakah Yang Berhormat sedar bahawa apa yang Yang Berhormat komen tadi tentang filem-filem ataupun drama-drama Melayu ini kebanyakan sebahagiannya ia diarah oleh syarikat-syarikat filem swasta yang diberikan oleh mana-mana siaran ini diarah ataupun diterbit oleh pengarah-pengarah bukan daripada Malaysia yang sebahagiannya adalah daripada Hong Kong dan Taiwan yang tidak tahu tentang budaya Malaysia dan juga budaya orang-orang Melayu itu sendiri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebenarnya saya akan sampai ke situ. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, teruskanlah, jangan panjang sangat. Masa habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kemudian bahasa drama - campur Melayu-Inggeris. Kasihan makcik saya kat kampung tidak faham campur Bahasa Inggeris ini. Kalau hendak melaram, hendak Bahasa Inggeris, engkau buatlah drama Inggeris, terus Bahasa Inggeris. Jadi makcik saya kat kampung tidak risau. Ini nak tengok drama Melayu. Hendak tengok tidak faham. Ini semua pencemaran dan tidak menghormati Bahasa Kebangsaan. Ini saya harap dapat diperbetulkan.

Kemudian siaran berita. Siaran berita ini satu siaran yang didengar, yang dilihat oleh jutaan orang. Gunakanlah Bahasa Melayu yang betul. Nahu dia, tatabahasa dia jangan sembarangan, kena bahasa yang standard betul, bahasa yang betul tinggi. Bahasa mengikut nahu, loghat yang terang. Suara yang terang, perkataan yang terang. Jadi saya harap siaran berita ini kena dilihat segala seginya supaya tidak mencemarkan dari segi bahasa dan memahami orang yang mendengar.

Kemudian siaran berita ini pula hujungnya ada ruangan sukan. Ruangan sukan ini kadang-kadang ialah TV ini pun satu juga, sakit jantung kita tengok. Katakanlah Itali lawan Brazil. Brazil siaran dalam berita ini dia selit ruangan sukan. Brazil mendahului Itali 3-2, dia pun tunjuk. Tunjuk orang tendang bola masuk gol. Baru dia tendang gol belum masuk, dia alih gambar lain. Ya Allah, sakitnya hati. Engkau tunggulah sampai gol itu masuk. *[Ketawa]* Jadi kita hendak tengok berita itu dengan gambar dia sekali. Main bola ini yang paling syok tengok gol masuk itu. Bola masuk dalam gol. Bola masuk dalam gol itu dia potong cerita ke lain, tengok muka pemberita itu. Siapa hendak tengok lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia suruh penonton itu fikir masukkah tak masuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal ini Tuan Pengerusi, Barisan Nasional hilang undi.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini yang kelima berkaitan dengan iklan, ini satu, iklan. Iklan terlampau banyak. Lebih panjang iklan daripada cerita tu. Jadi kita tengah menengok, syok betul-betul dia hendak tembak 'pop' iklan masuk. Jadi tak dapat nak tengok hujung dia ni, lepas itu iklan tu panjanglah sampai lupa kita cerita tadi, baru sambung balik. Betullah, kita tahu iklan ini salah satu sumber kewangan tetapi patut-patutlah. Berilah sikit kerehatan kepada penonton, berilah kepuasan kepada penonton, jangan beri kepuasan semata-mata mencari kewangan. Waktu malam kita nak berehat, nak menengok siaran TV tiba-tiba itulah gangguan iklan terlampau panjang iklan sehingga kita hilang selera nak menengok satu-satu persembahan di dalam TV.

Yang keenam Tuan Pengerusi, ini lagu-lagu Melayu. Ini juga saya nak tanya. Apa dia punya kelayakanlah lagu ini boleh disiarkan di radio ini. Kebanyakan lagu-lagu anak muda sekarang saya minta maaf, kalau sayalah Menteri Penerangan semua

tak layak siar Tuan Pengerusi tinggi-tinggi 10% sahaja, macam gendang perang, lagu dia tak ada, tak ada apa tu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak ada seni.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak ada seni, tak dia punya kemanisan irama tak ada. Tak macam P. Ramlee, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee, S.M.Salim, Ahmad Jais, Saloma, Sharifah Aini, S harifah Aini jangan lupa

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Lagu pula lepas itu tak ada cerita lain. Lagu anak muda sekarang ini yang menjahanamkan anak muda dan merosakkan mereka, lagu cerita lain tak ada, cinta putus, asal bercinta putus, asal bercinta putus. Semua lagu bercinta putus, kalau dah bercinta putus, lebih baik tak usah bercinta, kahwin sahajalah terus. Ini lagu-lagu yang terdapat di kalangan anak muda langsung tidak ada satu daya tarikan yang menyebabkan kita rasa syahdu. Tidak rasa..., kita tidak dapat menikmati sebenarnya lagu, tak seperti penggubah-penggubah lagu yang di masa-masa yang lalu.

Jadi saya harap radio dan TV kena ketatkan sikitlah ya, syarat-syarat yang berkaitan dengan siaran untuk memberikan kerehatan kepada fikiran dan emosi penduduk dan rakyat negara ini supaya benar-benar TV dan radio memberikan kesan yang baik kepada penonton. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini, ini....., Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

Beberapa Ahli: Belakang tak tengokkah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tengok, tunggulah saya bagilah. Tak boleh ungkit, kalau saya tak beri langsung lagi teruk. Sila Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Di sini saya suka merujuk kepada B.44 Butiran 020000 Perkhidmatan Penyiaran mendapat peruntukan sebanyak RM377 juta dan di bawah P.44 Butiran yang berkaitan dengan 01200, Liputan TV dan Radio VHF/FM dan 04600 Penggantian Alat Pemancar Radio Gelombang Pendek (RTM) dan Butiran 04900 Tambah Pemancar FM di Sabah, Sarawak dan Radio 3 Semenanjung.

Tuan Pengerusi apa yang ingin saya bangkitkan dalam perkara ini adalah pertama sekali ialah fungsi radio itu sendiri. Fungsi radio bagi membangun minda, penyaluran maklumat dan penghebahan dasar kerajaan di samping hiburan. Apa

yang mendukung kami di Kelantan khususnya berkenaan dengan Radio KADA yang satu masa dahulu cukup-cukup istimewa yakni radio yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu ataupun KADA pendeknya. Sebelum ini dibenarkan berfungsi tetapi telah ditamatkan dan timbul pula satu radio baru yang beroperasi di gelombang yang sama iaitu gelombang FM 88.7 MHz yang dikendalikan dengan Radio Manis FM. Apa yang dimusykilkan lagi hala tuju penyiaran bagi Radio Manis FM ini adalah kontradiksi dengan hala tuju Radio KADA iaitu untuk memajukan golongan petani dan penternak di samping penghebahan maklumat terbaru berhubung dengan modenisasi sektor pertanian.

Sementara fungsi dan hala tuju Radio Manis FM adalah mengutamakan hiburan dan business oriented yang tidak mensasarkan pembangunan golongan petani dan penternak. Persoalannya ialah sebab apa Radio KADA dihentikan penyiarannya sedangkan ia banyak kesan positif kepada petani dan penternak serta usahawan tani. Ia telah banyak membantu agensi KADA dalam meningkatkan pengeluaran hasil pertanian di Kelantan terutamanya pengeluaran padi. Kemudian apakah justifikasi pihak kementerian meluluskan siaran Radio Manis FM yang nampaknya tidak banyak membantu bagi golongan petani sedangkan fungsi yang sama telah dimainkan oleh Radio 3, Radio Malaysia Kelantan.

Saya mencadangkan supaya kerajaan melalui Kementerian Penerangan dan Jabatan Penyiaran dapat mengadakan siaran radio tani sekiranya Radio KADA tidak mahu dipulihkan siarannya semula.

Yang kedua ialah sehubungan dengan itu apakah sikap kerajaan dalam kebebasan penyiaran melalui radio dan bilakah Kerajaan Negeri Kelantan yang saya telah diberi maklum telah memohon untuk mengadakan siaran radio sendiri. Bilakah kebenaran akan diberikan bagi membolehkan Kerajaan Negeri Kelantan memanfaatkan radio bagi menyebarkan maklumat dan dasar-dasar kerajaan negeri kepada rakyat Kelantan memandangkan peranan Radio 3 Kelantan tidak memberi langsung kepada kerajaan negeri dan tidak memberi peluang sedikit pun kepada Menteri Besar Kelantan untuk muncul bersuara di udara melalui Radio 3 Kelantan atau pihak kementerian boleh mengambil sikap lebih terbuka bagi menyahut cabaran globalisasi atau informasi.

Kementerian Penerangan akan memberi ruang kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pentadbiran PAS menyampaikan mesejnya kepada rakyat dan pihak Kerajaan Negeri Kelantan telah

pun beberapa kali menghantar surat kepada pihak kementerian bagi mendapatkan kelulusan atau sekurang-kurangnya bagi mendapat ruang kepada Kerajaan Kelantan khususnya Menteri Besar Kelantan supaya sekurang-kurangnya untuk menyampaikan Selamat Hari Raya khususnya pada rakyat Kelantan tetapi ianya masih lagi tidak mendapat jawapan dan membisu daripada pihak kementerian.

Yang ketiga ialah Tuan Pengerusi satu perkara berkenaan gangguan TV dan radio di Kelantan sekarang ini yang nampaknya kementerian membiarkan begitu lama golongan pendengar dan penonton mengalami gangguan tersebut, dan secara kebetulan saya berada di sempadan Malaysia -Thai memang jelas sekali radio di sekitar bandar Kota Bharu, Bandar Pasir Mas khususnya dan malah di kompleks pejabat kerajaan Kelantan sendiri pun di Kompleks Kota Darul Naim sering terganggu dan kerap kali suara radio bertindih ataupun bertindan dengan suara radio daripada bahasa-bahasa lain khususnya Bahasa Tamil dan Bahasa Thai.

Kalau kita perhatikan pula di segi TV di sempadan ini khususnya di Kota Bharu dan Pasir Mas, Rantau Panjang termasuk gangguan daripada siaran TV Saluran 2 daripada TV Yala Thailand, Selatan Thai ini menyebabkan gambar bertindih atau bertindan dan kabur dengan gangguan suara terutama sekali lokasi di sepanjang pantai dan sempadan Kelantan-Thai. Apakah kerajaan belum mempunyai teknologi penyiaran yang sesuai bagi menangani masalah gangguan gelombang itu. Saya dimaklumkan oleh pencinta-pencinta atau pendengar-pendengar ataupun orang-orang yang terlalu suka atau melihat TV ini mengatakan bahawasanya gelombang yang digunakan oleh TV dan radio Selatan Thai itu lebih power ataupun lebih kuat pancaran daripada apa yang digunakan oleh TV dan radio kita di Malaysia ini.

Saya harapkan zaman moden ini dan alaf baru ini supaya kerajaan mengambil berat perkara ini supaya menyelesaikan dengan segera, supaya jangan mengalihkan pandangan rakyat Kelantan khususnya daripada melihat TV dan radio Malaysia ini kepada radio Selatan Thai. Kerana radio Selatan Thai juga banyak mempunyai kaitan dari segi siaran-siaran dengan rakyat Kelantan khususnya orang Melayu dan Islam ini kerana banyak siaran-siaran agama disiarkan melalui TV, dan radio di Selatan Thai ini. Kalau nak bandingkan dengan TV, radio di Malaysia sekarang seperti mana yang disebutkan oleh sahabat saya bagi Tumpat sebentar tadi di mana pihak TV Malaysia khususnya TV3, ntv7 khususnya tidak ada langsung siaran-siaran berkaitan dengan agama tetapi TV di Selatan Thai lebih banyak

menyiarkan perkara agama khususnya malah ada disiarkan juga ceramah-ceramah agama yang disuarakan oleh pihak alim-alim ulamak di Kelantan sendiri.

Ini menyebabkan pihak rakyat Kelantan sendiri khususnya gelisah dalam menentukan sikap sama ada hendak melihat atau menonton TV daripada Malaysia ataupun TV daripada Selatan Thailand.

Dan Butiran 051300 Sewaan Bekalan Filem yang diperuntukkan sebanyak RM24 juta lebih dan saya ingin mendapatkan sedikit pandangan daripada pihak kementerian, adakah benar sebagaimana yang disebutkan oleh sebahagian besar rakyat sekarang bahawasanya pihak yang diberi tanggungjawab untuk menyewa filem-filem ini sama ada dalam negeri atau luar negeri ini telah pun terpengaruh dengan trend baru iaitu trend filem Hindustan sekarang ini.

Saya dimaklumkan bahawasanya siaran filem-filem Hindustan ini daripada biasanya petang Jumaat, sekarang ini ditambah sehari lagi iaitu petang Sabtu. Ini menyebabkan sebahagian anak-anak kita yang biasanya pada hari Jumaat dan Sabtu menghadiri kelas-kelas tambahan ataupun tuisyen tetapi nampaknya tidak dapat hadir kelas-kelas tersebut kerana ingin menunggu dan melihat filem-filem Hindustan yang diimport masuk ataupun disewa oleh pihak yang bertanggungjawab dalam kementerian ini.

Saya mengharapkan supaya kerajaan kaji kembali filem-filem yang akan disewakan ini supaya betul-betul boleh menggambarkan satu filem yang memberi pendidikan kepada rakyat khususnya kepada anak-anak muda kita ini. Jangan hanya memberi hiburan sahaja dan menggalakkan percintaan kepada belia dan beliawanis kita hasil daripada melihat filem-filem yang ghairah, filem yang boleh dikatakan menjadi sambutan hangat khususnya daripada Bollywood ini, yang setengah sebahagian besarnya filem ini boleh mengatasi filem-filem daripada Hollywood dan akhirnya saya mencadangkan supaya Kementerian Penerangan dapat mengambil langkah-langkah yang bijaksana dan informatif bagi membangunkan rakyat tanpa mengambil kira batasan negeri dan politik.

Sebagai kesimpulan daripada apa yang saya lihat peruntukan diberikan kepada kementerian ini menampakkan kepada kita kementerian ini benar-benar menunjukkan kepada kita seronok ataupun memang berhasrat untuk memberi kepuasan atau memberi sepuas-puasnya pada rakyat ke arah hiburan ini.

Saya mengharapkan supaya pegawai yang baru dilantik di kementerian ini iaitu salah seorang calon yang tewas di Kelantan baru-baru ini telah pun diletakkan

di kementerian ini supaya mereka ini boleh mengatasi pegawai-pegawai ataupun golongan-golongan yang lebih banyak menyiarkan siaran-siaran hiburan ini daripada siaran-siaran agama. Harapan ini bukan sahaja harapan daripada saya seorang tetapi rakyat Kelantan khususnya mengharapkan kepada cabn yang tewas baru-baru ini yang dilantik di kementerian ini supaya memainkan peranannya dan menggunakan segala ilmu yang ada pada mereka ini untuk mengembalikan ataupun menambahkan siaran-siaran agama khususnya kepada TV, radio yang masih dikuasai oleh kerajaan.

Adapun melalui ntv7 yang tuannya ada di Dewan yang mulia ini, saya harap dengan pendedahan yang dibuat oleh sahabat saya daripada Tumpat tadi dapat menyedarkan mereka ini sekurang-kurangnya kalau dapat 1% siaran agama pun sudah cukup. Ini kalau dah sampai peringkat 0% siaran agama ini, ini sudah keterlaluan. Saya mengharapkan supaya pihak kerajaan mensyaratkan supaya lain kali kalau hendak meluluskan mana-mana lesen TV ini supaya disyaratkan, dimasukkan siaran agama sebagai salah satu program di dalam TV tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Lupar.

3.20 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 010200 - Perancangan Pembangunan dan Penyelidikan.

Saya ingin bertanya dengan pihak kementerian 31 Mei dan 1 Jun tidak lama lagi akan sampai, orang Kadazan daripada Sabah, orang bumiputera dari Sabah, orang bumiputera dari Sarawak yang bukan beragama Islam akan meraikan hari Keamatan mereka pada 31 Mei dan 1 Jun. Jadi, berapa tahun saya telah lihat tidak pernah pun lihat program khusus dibuat untuk hari-hari keraian yang demikian. Saya berharap ini diambil perhatian berat dan saya sentiasa bercakap, saya sentiasa dan terus bercakap selagi saya ada di Dewan ini sampai pihak kementerian mengambil berat soalan ini dan memberi program-program, janganlah tunjuk sarkas daripada Russia, sarkas daripada Spain dan daripada Perancis untuk hari keraian ini. Saya harap program-program khusus untuk orang bumiputera Sarawak 28 kerusi yang telah lalu juga dari Sabah yang begitu banyak menyokong mendapat dua pertiga di Dewan ini, kena diambil kira juga.

Secara ringkas Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara lain kepada Butiran 051300 - Sewaan Bekalan Filem RM24 juta disediakan. Saya tidak tahu sama ada untuk membeli filem untuk televisyen daripada luar negara ataupun peruntukan

untuk membeli, sewa ataupun menyewa filem yang dibuat dalam negara. Tetapi yang nyata Tuan Pengerusi, iaitu filem-filem yang dikeluarkan dan ditayangkan di seluruh televisyen kita adalah tidak berkualiti langsung, bahkan tidak layak dilihat. Ada juga pendedahan sebagaimana Yang Berhormat bagi Sri Gading sebut tadi budaya yang ditunjuk yang dikatakan budaya orang Melayu adalah bukan budaya orang Melayu. Kalau bercakap bunyi bergaduh, kalau duduk semeja pun macam bergaduh, di pejabat pun bergaduh, di mana-mana pun bergaduh. Kalau tidak yang isteri cari lelaki lain, yang lelaki lain cari isteri lain. Bermacam-macam budaya yang berlainan daripada sebenarnya yang ditunjukkan.

Jadi, saya berharap kita menunjukkan budaya yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat kita. Kalaupun perkara inidi'dramatize'kan, saya bersetuju drama ini memang dramatize, keadaan semasa yang ada wujud di negara kita, tetapi sepatutnya janganlah over dramatize sangat, kalau hendak bercakap bunyi bergaduh, kalau hendak berbincang bunyi bergaduh, tidak ada pun cerita-cerita lain yang baik.

Jadi Tuan Pengerusi, kalau kita lihat di Hollywood umpamanya, apabila pihak Jews mengambil alih semua syarikat filem yang terbesar di Hollywood, tujuan Jews ialah satu haluan sahaja, mencemarkan nama baik pihak Nazi dan mencemarkan nama baik pihak Jepun, ditunjukkan beberapa tahun sampai akhir tahun 70-an, gambar-gambar yang menunjukkan betapa jahatnya orang Germany, berapa jahatnya orang Jepun ditunjukkan. Tetapi apakah haluan pihak industri perfileman negara kita, adakah hendak tunjuk orang Melayu bergaduh sama sendiri, orang Malaysia ini memang tidak bertamadun, orang Malaysia ini tidak berbudi pekerti. Kalau itulah yang ditunjuk sebenar dalam hidup orang pelakon ataupun orang-orang filem ini, pengarah filem, penyunting filem dan sebagainya, itulah yang dikatakan tidak layak mereka ini menunjukkan untuk tontonan 20 juta rakyat Malaysia yang lain.

Saya berharap pihak kementerian membuat satu hala tujuan industri ini di mana, macam mana pihak Jew di Hollywood membuat hala dan tujuan perjalanan industri Hollywood sampai pun sekarang ini. Kita lihat macam mana mereka mencemarkan nama orang Arab umpamanya, agama Islam umpamanya, telah ditunjuk-tunjukkan, tetapi apa yang kita lihat orang Melayu yang dicemarkan, bergaduh siang malam di dalam bilik tidur, di meja mesyuarat dan di dalam kereta, macam mana Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi sebut.

Saya setuju dan ada satu lagi yang saya sebut beberapa tahun, dalam filem yang tunjukkan saya boss, sini boss, boss sana, boss sini, ini boss punya culture sudah

jadi culture orang Melayu, ini sebab oleh filem. Dahulu masa cerita *Fantasy Island*, Mr. Roque dengan Tatoonya, sekarang orang Melayu di Malaysia, semua orang Malaysia ini sudah panggil siapa orang lain di atas 'boss'. Sebenarnya, orang tidak faham ' 'R-o-q-u-e' itu apa maknanya - 'orang jahat'. Itulah dalam *Fantasy Island*, penipu orang, itulah Mr. Roque.

Jadi kita pula kena panggil boss, kiri boss, kanan boss, tidak ada pakcik, tidak ada tuan, tidak ada abang, tidak ada itu lagi, gunakan perkataan boss. Bahkan dalam filem Melayu semua boss kiri, boss kanan, kita tunjuk culture yang buruk yang kita ambil daripada filem Barat kita gunakan dalam filem kita. Bahkan anak yang kecil panggil 'yes boss' kepada bapa. Ini dikatakan budaya yang baik, apa budaya? Filem sepatutnya menunjukkan budaya yang indah untuk ditonton dan diikuti oleh masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada Butiran 051600 - Measat. Saya bercakap sedikit hal Astro Saya memuji Astro banyak memberikan maklumat dan soalan-soalan pendidikan bagaimana juga bahan hiburan kepada masyarakat Malaysia. Tetapi Tuan Pengerusi, tiap-tiap hari hujan Astro tidak nampak gambar. Bolehkah kita lain kali, bila kita hendak bayar pun jangan hantar gambar duit kita bayar dengan Astro - tidak boleh, kurang pun tidak boleh. Kenapakah kualiti, yang diguna pemancar Astro itu tidak begitu baik. Apabila hari hujan kita sudah tahu dalam rumah macam mana pun tertutup kita sudah tahu yang hari di luar itu hujan sebab gambar Astro tidak keluar. Duduk dalam peti besi pun kita tahu, kalau tengok Astro kerana gambar tidak keluar, hari hujan di luar, walaupun panas mungkin hujan di atas langit kena satelit itu.

Jadi, tolonglah sikit, carilah teknologi yang lebih canggih, lebih baik, jangan di short change kan masyarakat Malaysia ini, bayar Astro yang ikut fee yang tertentu, tetapi bila hari hujan jangan tengok Astro. Saya bukanlah peminat Astro sangat tetapi saya bayar duit.

Jadi Tuan Pengerusi, saya pindah kepada perkara 060700 - Perkhidmatan Mencetak, Membekal Poster Kabinet dan Poster Yang DiPertuan Agong. Saya hendak sebut sedikitlah, ada kawan-kawan tadi kata kaji semula benda ini, saya kata tambah semula perkara ini kerana pembahagian poster-poster Yang DiPertuan Agong, poster-poster menteri-menteri dari Kabinet tidak mencukupi terutama sekali dalam konteks orang daripada Sarawak. Kita tidak hendak tengok Perdana Menteri yang pertama dahulu masih ditayangkan di tiap-tiap rumah panjang di Sarawak sebagai

Perdana Menteri sekarang. Dia kata siapa Perdana Menteri? Yang Teramat Mulia Tuanku Abdul Rahman Apa Dr. Mahathir dalam radio, dalam TV tetapi dia orang tidak tengok TV dan radio sebab gambar itu masih di sana.

Jadi, kita mintalah pencetakan ini diperbanyakkan, Ahli-ahli Yang Berhormat diberi gambar-gambar ini untuk dihantarkan setiap rumah panjang dan rumah-rumah penghulu dan tempat-tempat kerajaan di luar bandar supaya orang tahu macam mana muka Menteri Penerangan, macam mana muka Timbalannya, semua menteriilah, di samping kita boleh memperkenalkan menteri kita, kita juga boleh memperkenalkan calon Barisan Nasional yang akan datang.

Jadi, saya berharaplah pihak kementerian mesti mengambil berat perkara ini kerana tidak tahu ada perkara berlaku Tuan Pengerusi. Tidak lama dahulu apabila Datuk Abang Johari, Menteri daripada Sarawak hendak melawat ke kawasan Penan. Dia buat satu sepanduk mengatakan selamat datang menteri, 'Selamat Datang Tuan Menteri Queen Elizabeth', kata dia. Ini menunjukkan orang Penan belum sedar yang kita ini sudah merdeka.

Tuan Pengerusi [Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini cerita betul Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul Tuan Pengerusi, ada gambar, tanya.... berdiri beritahu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apa. Teruskan.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tersebar dalam surat khabar 'Tuan Queen Elizabeth', yang menteri datang orang Malaysia, orang Melayu, yang dia kata selamat datang Queen Elizabeth. Jadi, perkara macam ini kita tidak hendak. Jadi, siapa sahaja menteri kalau umpamanya, atau Ketua Pembangkang jadi menteri pun, gambar kena tunjuk, kena tunjuk sebar seluasnya supaya orang di luar bandar terutamanya yang jarang ada berjumpa dengan masyarakat di bandar akan tahu siapa menteri dan bila pertukaran berlaku sahaja saya harap janganlah tunggu enam tujuh bulan baru gambar itu sampai, cepatlah datang tunjukkan muka siapa menteri-menteri kita, Yang Di-Pertuan Agong kita dan raja-raja kita supaya tidak ada kekeliruan sekurang-kurangnya boleh kita lihat orang yang kita sanjung.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, selamat datang, 03801....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selamat datang dan hendak beritahu masa sudah cukup. *[Ketawa]*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi, Studio Sound Stage. Ini saya berpendapat kementerian mempunyai perancangan untuk mengadakan sound stage di tiap-tiap negeri kerana Tuan Pengerusi, kita melihat negara kita mungkin maju dalam apa segi sekalipun, maju kita dalam ekonomi, maju kita dalam pendidikan, tetapi dalam segi kebudayaan kalau tidak dimajukan kita akan hilang satu perkara. Jadi, budaya kita mestilah dipertunjukkan, menunjukkan wayang kita, pementasan kita, semua akan ditunjukkan supaya membangunkan perasaan, mungkin bukan sahaja membangunkan kebudayaan itu sendiri tetapi juga membangunkan perasaan cinta dan kasih sayang anak-anak di negara ini.

Kita percaya kementerian ada mempunyai peruntukan tetapi peruntukan yang diperuntukkan untuk di Sarawak, hanya RM7 juta untuk membinakan sound stage yang serupa apa yang ada dalam RTM di Sarawak yang begitu canggih dan baik sekali, mungkin tidak cukup kerana kita hendak beli tanah, hendak beli rumah dan sebagainya, menyediakan perkakas-perkakas yang tertentu dan tempat ini adalah tempat yang canggih. Semua penyelidikan dan pembinaannya mestilah baik tetapi kalau kita tidak adakan benda ini, maknanya penglibatan orang-orang tempat tidak dapat dilaksanakan dan maknanya pembangunan masyarakat daripada segi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah lebih satu minit.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah lebih satu minit, tetapi tayangan masih belum turun Tuan Pengerusi, jadi kita hendak membangunlah kebudayaan ini secara menyeluruh supaya Malaysia secara total, secara all round majunya sebagaimana yang telah kita buat selama ini dan walau bagaimanapun, saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah mengusahakan usaha-usaha kementerian walaupun dalam keadaan yang susah, dalam keadaan yang dikritik tetapi boleh menjayakan tugas-tugas kementerian dan ucapan menyokong dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau. Tak mahu cakapkah.

3.33 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Mahu. Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan B.44 terutama dalam bahagian Penyiaran, Butiran 02000, 020100, 050100, 010200.

Yang pertama Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh atas ura-ura kerajaan untuk mewujudkan satu sistem saluran TV ketiga yang khusus untuk dikhaskan dalam bidang agama. Dalam masalah ini Tuan Pengerusi, kerajaan perlu menyegerakan siaran ini memandangkan, tadi pun telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung kekurangan dalam masa penyiaran agama. Jadi, pada saya program ini patut disegerakan memandangkan masalah ini amat serius di kalangan muda-mudi kita pada hari ini, jadi dalam program ini kita penuhkan dengan beberapa acara keagamaan untuk ditonton oleh semua rakyat khususnya yang beragama Islam terutama dalam masalah pendidikan agama kita banyakkkan buat penyiaran, kita banyakkkan hukum-hukum dalam agama, kita banyak menyiarkan fatwa-fatwa yang telah diputuskan oleh Majlis Agama Islam, kita siarkan melalui TV kerana yang salah kita kena juga menyiarkan beritahu rakyat bahawa yang ini betul dan yang ini tidak betul dan juga kita banyakkkan menyiarkan program fardu ain, fardu kifayah dan juga termasuk dalam membanyakkkan program mengerjakan haji dan umrah. Tidakkah waktu hendak tiba musim haji barulah program ini disiarkan. Tetapi kita jalankan seterusnya sepanjang masa bila ada program siaran tambahan yang ketiga itu Tuan Pengerusi.

Yang kedua, dalam program itu juga kita boleh mengadakan kuiz agama, memberikan peluang kepada penuntut-penuntut mengambil bahagian kuiz agama ini kita banyakkkan dalam program ini dan juga kita mengadakan pertandingan nasyid dan sebagainya, kita ada dalam program ini. Mengadakan Forum Perdana yang sekarang ini disukai ramai, tidak pada waktu malam Jumaat sahaja tetapi kalau ada penyiaran dan tambahan saluran tiga ini kita adakan forum-forum perdana. Kita banyakkkan program-program agama dalam siaran yang dikhaskan itu. Dan begitu jugalah kita tahu masalah sosial, masalah dadah, masalah maksiat dan sebagainya, jadi kalau ada dalam program ini, Tuan Pengerusi, kita boleh membantu orang yang kurang faham dan kurang jelas dari segi hukum Islam dan hukum-hukum yang melanggarnya, dia boleh terangkan dalam program yang dicadangkan oleh kerajaan itu.

Tuan Pengerusi, begitu juga saya ingin menyentuh pihak kementerian patut mengadakan satu program khas kepada penuntut-penuntut yang tidak mampu, ibu bapa menghantar anaknya mengambil tuisyen, tentang masalah bayaran, jauh perjalanan, boleh atau tidak kementerian ini, saya cadangkan mengadakan satu tuisyen pendidikan – dikhaskan masa satu jam atau 45 minit dalam mata pelajaran

tertentu sama ada Ilmu Hisab, Sains, Kimia dan sebagainya, diadakan satu program khas pendidikan supaya anak-anak kita dapat kita jaga. Ibu bapa pun dapat jaga masa anak itu. Katalah 8.30, 9.00 atau 10.00, bahagian pendidikan. Beri tuisyen, jadi tidaklah ada sebahagian orang dalam bandar, dia okaylah, mengha ntar anak ke tuisyen, ada bayaran yang tinggi dan sebagainya, perjalanan yang jauh, jadi dapat memberi peluang kepada anak-anak yang ibu bapanya tidak mampu tetapi kita adakan siaran khas sebagai satu tuisyen kepada anak-anak kita, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Akhir sekali, berhubung dengan masa waktu drama. Waktu drama ini pada saya, waktu Maghriblah, dekat-dekat Maghrib itu – kadang-kadang tengah-tengah drama, berhentilah sekejap, bang. Habis anak kita kat rumah, kita pun tidak bergerak, drama tengah separuh jalan hendak tunjuk penghujung dia. Jadi, ini mungkin pada saya mengganggu sedikit waktu itu. Boleh atau tidak kementerian bercadang dari segi yang elok supaya tidak waktu Maghrib itulah ditayangkan drama, waktu itulah kita hendak suruh anak kita sembanhyang, waktu itulah kita hendak suruh anak kita mengerjakan ibadat tetapi TV itu, saya tidak nafilah, ada dia berhenti sekejap untuk waktu bang. Lepas bang, anak kita tidak mahu bergerak.

Kadang-kadang ada sekali, ada dia beritahu pada saya anak dia sembahyang pantas, pasal hendak mengejarkan masa, bang sahaja dia masuk sekejap sembahyang, lepas itu tidak beberapa minit sudah keluar balik tengok TV. Mungkin baca pun tidak tahulah. Ini ada berlaku. Jadi, saya ingat siaran masa ini dapat diperbaiki lagilah. Saya tidak nafi mungkin ada masalah lain tetapi kementerian patut menimbangkan apa yang saya sebutkan itu tadi.

Dan akhir sekali, saya pun tadi menyokonglah rakan saya daripada Sri Gading dan juga tadi supaya TV ini banyak penyanyi lamalah. Tetapi walau macam manapun saya setuju jugalah, tidaklah semua lagu-lagu lama P. Ramlee itu suka, barangkali orang-orang tua pun suka juga lagu-lagu baru termasuk lagu Siti Nurhaliza. [Ketawa] Kadang-kadang kala pun, lagu-lagu lama itu maklum sahajalah tetapi lagu-lagu baru pun elok juga sekali-sekali dengar, dapat melapangkan fikiran macam lagu *Cindai*, umpamanya ini. Ha, kita siarkan sikit.

Cerita Hindustan ini, saya pun setuju, masa cerita Hindustan ini dia tidak ada pendek. Macam cerita Tamillah sampai empat jam, tiga jam dia punya siaran. Jadi, Hindustan ini pun waktu dia pun orang suka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat suka pendekkah?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa pendek.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Pendek apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi kata Yang Berhormat kata panjang.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, siaran Hindustan. Hindustan ini pun sakitkan jiwa, hati pun sakit, kalau darah tinggi, tidak tahulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya Yang Berhormat, saya hendak tegur sikit, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, saya memang suka memberi peluang untuk Yang Berhormat berucap kerana dari segi masa, tidak payah buat teguran.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, yelah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, faham ya?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, terima kasihlah. Akhirnya, telah saya kata tadi, cerita Hindustan ini sakitkan jiwa pun adalah. Dia kadang-kadang peluk-peluk, tak jadi. Jadi, Yang Berhormat itu sahajalah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, memang bagus. Kota Melaka.

3.40 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 Perkhidmatan Penyiaran dan Aktiviti 020100 di bawah Program Rancangan.

Dalam bulan Julai tahun lalu, Yang Berhormat Menteri Penerangan telah berkata bahawa, dengan izin, "*Radio dan Television Malaysia will not give air time to opposition parties to air their views or criticize the government*". Jadi, saya ingin menanya apakah polisi kerajaan mengenai layanan kepada parti pembangkang? Oleh kerana kita selalu berkata Malaysia adalah satu negara demokrasi dan dalam negara demokrasi, salah satu pra-syarat yang harus wujud ialah bahawa, dengan izin, *there shouldn't be any monopoly of propaganda by the ruling party*. Dan pra-syarat yang kedua ialah *there must not be any institutional control of communications facility*.

Dan dalam konteks ini, oleh kerana itu saya kata adalah tidak begitu adil bagi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Radio dan Televisyen Malaysia tidak

akan memberikan air time kepada parti pembangkang dan sekiranya kerajaan meneruskan polisi sebegini, saya akan kata bahawa ini telah menjadikan National Human Rights Commission yang telah ditubuhkan semalam itu sebagai satu bahan ketawa orang ramai. Bagaimanakah rakyat akan memandang serius penubuhan National Human Rights Commission sekiranya Radio Televisyen Malaysia ini mengamalkan satu polisi yang tidak adil.

Saya juga ingin mengkritik RTM oleh kerana selalunya RTM digunakan, diperalatkan apabila pilihan raya sampai ataupun seperti apa yang telah berlaku di Sanggong, seolah-olah radio televisyen ini menjadi Radio Televisyen Mahathir dan ini adalah tidak adil sebab RTM ini memang dibiayai daripada cukai orang ramai. Jadi, kita juga tahu, tiap-tiap kali apabila Perhimpunan Agung UMNO diadakan, RTM mengadakan siaran langsung. Saya rasa RTM harus mengutip wang daripada UMNO oleh kerana ini bukan kerajaan, ia satu *ruling party*. Dan saya tahu banyak kritikan telah dibuat dan alasan yang dibagi oleh kerajaan ialah bahawa orang Malaysia begitu berminat dengan Perhimpunan Agung UMNO. Saya rasa ini satu cerita yang cuma orang UMNO sahaja akan percaya.

Yang Berhormat bagi Gua Musang ada di sini, saya rasa dia tahu bagaimana fikiran orang Melayu sekarang terutama orang muda dan saya harap RTM akan sedar bahawa walaupun kerajaan yang berkuasa, boleh melakukan apa sahaja tetapi dari segi prinsip, UMNO tidak boleh begitu bangganya mengatakan bahawa ia adalah satu kerajaan yang berprinsip sekiranya ia tidak mengubah prinsip sedemikian yang tidak memberikan layanan yang adil kepada parti pembangkang.

Dan untuk DAP, kadang-kadang kawan-kawan saya daripada luar negara, kalau dia datang, dia tonton TV kita, seolah-olah di Malaysia pembangkang tidak wujud, DAP tidak pernah wujud dan DAP cuma wujud apabila pengkhianat kita dapat liputan yang begitu baik. Cuma apabila dia orang keluar parti DAP, keluar parti dan hentam Lim Kit Siang, RTM bagi peluang yang banyak. Ini adalah satu polisi yang tidak betul tetapi saya tahu kerajaan akan teruskan polisi ini oleh kerana kerajaan tidak percaya terhadap kebijaksanaan rakyat seperti saya sudah katakan, walaupun mereka sentiasa mengatakan bahawa mereka memang mengamalkan prinsip demokrasi.

Yang keduanya, saya ingin merujuk kepada [*mencari kertas rujukan di atas meja*] Mana pergi kertas saya? [*Ketawa*] Where is my paper? Berkenaan dengan Sewaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Butiran berapa, Yang Berhormat?

Tuan Kerk Kim Hock: Saya sudah hilang.... Sewaan Bekalan Filem kalau tidak silap saya 051300 di bawah Butiran Dasar Baru. Baru-baru ini kontroversi ASTRO telah dipertingkatkan. Saya tahu ASTRO bukan di bawah Kementerian Penerangan, saya tidak akan ucap banyak tetapi saya rasa bahawa isu kontroversi ASTRO telah berlaku, salah satu sebab yang sebenarnya ialah oleh kerana *local film industry* tidak begitu berkeyakinan terhadap produksi mereka. Jadi, saya harap juga kementerian dapat memainkan satu peranan yang boleh meningkatkan mutu produksi filem tempatan

Saya sendiri pernah menonton rancangan tempatan, saya kadang-kadang begitu kecewa dengan kandungan filem itu. Saya bagi satu contoh. Saya pernah tonton satu cerita di mana seorang peon yang hantar surat ke sini ke sana, dia pakai kot, dia pakai tie, naik skuter. Mana di Malaysia ada peon sebegitu? Pakai kot, pakai tie, dan naik skuter pergi hantar surat-surat. Ini semua adalah tidak begitu tepat dengan keadaan sebenarnya.

Dan lagi ada banyak cerita yang saya telah tonton dengan sendiri, seorang mahasiswi yang telah diugut – dia hampir-hampir diperkosa. Ini cerita sahaja, oleh seorang kawan dalam universiti. Akhirnya, bila dia hendak membuat laporan polis, mengikut cerita pihak lelaki itu ugut supaya dia akan membuat laporan polis, dia telah mencederakan dengan sendiri dan mengatakan you yang salah lukakan saya. Akhirnya, mahasiswi itu dipaksa keluar dari universiti dan semasa beliau menuntut di universiti, dia adalah seorang pemimpin pelajar. *So, how can this happen in real life?* Seorang pemimpin pelajar hampir-hampir diperkosa dan telah dipaksa keluar universiti oleh kerana pihak yang cuba memperkosanya melukakan sendiri dan membuat ugutan *So, this is all false thing that cannot* ditayangkan.

Jadi, saya harap pihak kementerian akan memainkan satu peranan supaya kita boleh meningkatkan mutu penerbitan filem tempatan supaya orang bukan sahaja menonton program-program ASTRO dan mereka juga akan berminat dengan gambar-gambar yang akan ditayangkan di Radio Televisyen Malaysia.

Dan akhir sekali, Tuan Pengerusi dalam butiran yang sama. Saya tahu beberapa tahun dahulu, filem-filem Cina terbitan tempatan, apabila di akhir tayangan gambar itu, senarai penerbit, senarai pelakon itu, dia memang menggunakan bahasa Cina. Oleh kerana itu, kita senang tahu siapakah pelakon tetapi sekarang saya tidak

tahu apakah sebabnya tiba-tiba polisi ini ditukar dan sekarang semua senarai itu dalam bahasa Malaysia sahaja.

Jadi, saya hendak tahu apakah polisi kementerian? Adakah salah kalau kita membenarkan nama-nama senarai penerbit, pelakon itu dalam bahasa Cina bagi cerita Cina. Macam dalam Berita Cina juga, tiba-tiba kita dengar 'Sin wen ti yau', kita tengok semua bahasa Malaysia sahaja. Apakah salahnya kita juga adakan bahasa Cina bagi tajuk berita. Saya rasa ini bukan satu soal yang sensitif, orang-orang semua boleh faham. Orang yang lihat Berita Cina itu, memang faham bahasa Cina.

Apalah salahnya kita tunjukkan, tayangkan bahasa Cina itu dalam tajuk sahaja. Jadi, saya hendak tahu apakah tiba-tibanya, mungkin ini sudah berlaku beberapa tahun senarai penerbit, senarai pelakon sebab saya tahu dari awal tidak pernah berlaku. Kemudian, kerajaan ubah polisinya. Jadi, saya hendak tahu apakah polisi RTM mengenai bahasa Cina. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sibü.

3.50 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibü]: Terima kasih, Datuk Pengerusi. Saya ingin merujuk Butiran 020100 Rancangan dan 020200 Kejuruteraan.

Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Sarawak ialah satu negeri terbesar di dalam negara kita. Beberapa kali wakil rakyat dari negeri Sarawak sentiasa merayu kepada kementerian-kementerian Persekutuan di Dewan yang mulia ini, jangan treats Sarawak sama satu negeri biasa di Semenanjung. Contohnya di Sarawak, RTM hanya mempunyai TV camera crew di Kuching sahaja. Miri, Sibü, Bintulu, itu kota utama tidak ada iaitu hanya radio yang ada interview, pakai radio yes tapi TV tidak ada. Saya fikir ini kerana jika Sarawak begitu besar minimumnya RTM perlu sediakan TV camera crew team di Miri, Sibü dan Bintulu. Itulah supaya ini berita-berita dan aktiviti-aktiviti boleh disiarkan dengan balance, dengan seimbang. Ini adalah satu rayuan, saya ingin merayu di sini untuk kementerian beri perhatian dan kajilah semula. Tambahan pula beberapa kali wakil rakyat keturunan Tionghua bukan Kantonis di negara kita telah merayu beberapa kali di Dewan yang mulia ini rancangan program TV Tionghua atau Cina cubalah disiarkan di dalam bahasa Mandarin tetapi kalau kita nampaknya sekarang majoritinya TV series tambahan pula local produksi, contohnya Focus City disiarkan dalam TV2 pun di dalam bahasa Kantonis.

Saya tahu dialek Kantonis ialah lingua franca untuk keturunan Tionghua di Kuala Lumpur sinilah tetapi RTM perlu jaga kemesraan lain punya dialek, contohnya Hokkien dan lain-lain iaitu saya fikir cubalah, tak usah pakai dialek, pakai Mandarinlah. Ini ialah common dialek untuk keturunan Tionghua. Saya di Sarawak kerana Kantonis bukan majoriti di sana, saya telah menerima beberapa banyak aduan dari penonton TV RTM iaitu saya haraplah RTM boleh timbang semula supaya program Cina disiarkan di dalam dialek Mandarin. Kali ini saya pun nampak NTV7, ada satu siri TV yang sangat popular, [*Menyebut dalam Bahasa Cina*] ‘Kwan Chu Ker Kerk’. Itu asli...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu ‘Kwan Chu Ker Kerk’, Yang Berhormat?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: ‘Kwan Chu Ker Kerk’ ialah itu puteri [*Disampuk*] princess, ini Chin Dynasty. Asalnya produksi ini dari Taiwan di dalam Bahasa Mandarin tetapi pindah ke Bahasa Kantonis. Ini saya kurang faham. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tak bersetujulah?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya tidak setuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tengok itu program ke? Ada tengok ke? Ada lihat itu program....

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ada, ada, tapi tidak begitu faham kerana saya tak faham dialek

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tak seronok patut tak mau lihat

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Okay, now terus, saya merujuk Butiran 01000 Penggantian Alat-alat Studio Radio. Di Sibul, Studio RTM, saya kurang tahu mungkin 30 tahun sudah tua. Orang ini - reporter datang interview saya pakai satu alat vintage punya, itu tape recorder. Saya kata ini berapa tua, berapa lama [*Ketawa*], oh, lebih kurang 25 tahun. Ini pakai itu alat. Sekarang sudah masuk era digital, man [*Ketawa*] masih pakai itu besar punya ini. Ini pakai itu tape lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu interview adakah berkaitan dengan itu peralatan?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Yalah, saya tahu tapi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi awak sudah ada siaran, cukuplah.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tetapi ini tidak begitu berkesan. Saya punya suara pun tidak terang kalau dia siarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab itulah.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya, penyokong saya pun kompelin banyak, 'YB, kenapakah bahasa Mandarin begitu teruk. *[Ketawa]* Bukan standard bahasa Mandarin saya tetapi alat itu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, suara awak tiada terang sebab itu peralatan yang lamalah *[Ketawa]*

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya, itulah Yang Berhormat Datuk Speaker, sokong sayalah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang sokong, saya memang sokong *[Ketawa]*. Jadi minta Timbalan Menteri ambil perhatian, ya.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya pun setuju dengan penuh dengan apa yang dicadangkan oleh kawan saya Batang Lupar. Sound Stage, ini RTM perlu wujud atau bina sounds stage di seluruh kota-kota atau bandar-bandar utama di seluruh negara kita. Sekarang kalau you nampak kontribusi atau ini program dari Sarawak dan Sabah tidak begitu banyak atau mungkin ini waktu siaran kadang-kadang boleh ini khasnya untuk penonton di Sarawak atau di Sabah, bolehkah saya kurang tahu. Ini mungkin boleh program local tempatan, itu boleh disiarkan.

Contohnya negeri China. Di negeri China lebih kurang dua ratus stesen TV. Tiap-tiap wilayah (province) mempunyai satu stesen TV untuk siarkan program produksi tempatan dan sebahagian siaran berita nasional dan lain-lainnya. Itu saya fikir mungkin kerana Malaysia kalau kata kecil tidak begitu kecil, kerana ia ada Semenanjung Malaysia dan East Malaysia, Sabah dan Sarawak iaitu saya haraplah lebih banyak program dibuat tempatan disiarkan khasnya untuk ini kawasan atau negeri ya, lebih banyak peluanglah untuk artis-artis tempatan access di dalam program TV....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi, banyak lagi?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Satu minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat cukuplah, yang bangkit kalau boleh selesai pun kira baik.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Kalau Tuan Pengerusi tanya banyak, saya sudah lupa saya mau cakap apa. Oh ya, tambah pula ini Astro. Astro mempunyai

empat stesen Chinese tetapi di dalam itu TV Asia, 'Wah Loi Tai' – ini luar, saya tidak begitu suka. Terlalu banyak 'talk show' ini TV Asia di dalam Mandarin tetapi dari Taiwanlah. Ini 'Talk show' tidak begitu meaning, dengan izin. Saya merayu mungkin melalui RTM ataupun melalui kementerian ini menggalakkan, encourage, dengan izin, Astro company siarkan TV CentralChinese Beijing atau one or two dari China. Ini kerana Beijing itu negeri China mempunyai potensi yang sangat besar untuk niaga dengan Malaysia. Itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan Datoh.

4.00 ptg.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]: Terima kasih, Datuk Pengerusi. Saya ingin menyentuh Perkara B.44, Butiran 030000, 030200, 040000, 060500, 020100.

Datuk Pengerusi, saya ingin bertanya dengan pihak Kementerian Penerangan, apakah bentuk wajah jati diri yang mahu kita ubah bagi mewujudkan bangsa Malaysia berdasarkan kepada Dasar Komunikasi Negara kita. Dalam masyarakat majmuk kita mempunyai pelbagai budaya, kita mempunyai pelbagai latar belakang dan mempunyai pelbagai sensitiviti sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya daripada Sibu yang ekspeksinya cukup menarik. Dia mahukan ada rancangan daripada Central China, daripada Beijing, dia tidak mahu talk show tetapi banyak cerita-cerita yang boleh tentunya menggambarkan budaya, membentuk budaya bangsa. Itu yang beliau maksudkan. Begitu juga sahabat saya daripada Batang Lupar yang orang selalu 'lupar' kepada dia.

Oleh kerana kita berada dalam masyarakat majmuk, pada hemat saya, Dasar Komunikasi Negara belum dibentuk walaupun kita telah bincangkan sejak tahun 1983. Tahun 1983, penggubalan dasar telah dibuat tetapi implementasi belum lagi. Oleh kerana itu kita harus ada hala tuju yang jelas, yang nyata mengenai Dasar Komunikasi Negara ini agar pelaksanaan pada perancangan-perancangan ini tidak cacamarba dan kita mahu walaupun menteri bertukar setiap kali selepas pilihan raya umum, kita mahu dasar-dasar tetap kekal, tetap utuh dan kita mahu ada hala tuju masyarakat dan pengamal-pengamal media mahu mengikutinya. Dan kalau dasar kongres negara ini belum dapat diterapkan dan dijadikan sebagai dasar utama yang akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini maka kita harus memanggil ahli-ahli akademik yang secara langsung terlibat dalam bidang komunikasi dan media serta perhubungan awam serta pakar-pakar komunikasi, budayawan serta ilmuan serta

pengamal-pengamal media ini untuk bersama-sama supaya tidak jadi satu bentuk komunikasi yang cacamarba.

Saya membuat satu tinjauan, Tuan Pengerusi, semalam jam 6.00 petang sekembalinya daripada Dewan yang mulia ini untuk ke rumah, ada enam rangkaian radio dalam kereta saya. Apabila saya petik rangkaian 95.3, lagu Inggeris, 100.3, lagu Inggeris, 98.3, Inggeris dan enam-enam rangkaian Inggeris. Saya fikir kita dah lama terlepas dari jajahan Inggeris. Walaupun kita tak tahu bahawa apakah agenda di belakang siaran-siaran lagu-lagu ini tentulah mahu ada current trend, dengan izin, trend semasa yang mahu membawa anak-anak muda untuk mendengar lagu-lagu ini tetapi soalnya tanpa Dasar Komunikasi Negara, budaya bentuk apa yang kita mahu bawa anak-anak muda ini, adakah kita mahu menoleh ke belakang dan kita mahu terpengaruh dengan budaya kuning yang masih ada kerana lagu adalah salah satu unsur seni yang halus, yang boleh dihayati dan boleh ditolak. Kita tidak mahu menafikan bahawa bidang muzik, bidang seni ini sesuatu yang baik tetapi kalau disebutkan oleh Sri Gading tadi, lagu-lagu lama atau lagu-lagu baru yang boleh dicerna semula dijadikan indahnya seni kata, dijadikan indahnya muzik itu sesuai dengan selera anak-anak muda, sesuai dengan selera tempatan, jadi terbentuklah wajah jati diri bangsa Malaysia ini walaupun kita mempunyai pelbagai keturunan.

Tuan Pengerusi, saya fikir hala tuju ini penting dan marilah kita sama-sama, tidak kira sama ada kita berada dalam kerajaan di kalangan pegawai-pegawai atau di kalangan rakan-rakan saya, parti-parti pembangkang, marilah kita bersama-sama membentuk Dasar Komunikasi Negara ini supaya jati diri bangsa kita, bangsa Malaysia ini dapat dibentuk.

Selanjutnya, Tuan Pengerusi, tentang perkara Perkhidmatan Penerangan dalam Butiran 030000 di mana kita lihat pecahannya seperti 030200 Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat kerana perkhidmatan penerangan ini adalah perkhidmatan secara langsung ke akar umbi. Sekali lagi kita mahu tanya dengan pihak kementerian, sejauh mana keberkesanan rancangan Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat ini berbanding dengan media-media yang lain seperti radio dan televisyen yang cakupannya, liputannya cukup meluas berbanding dengan perkhidmatan komunikasi secara langsung di peringkat akar umbi.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 040000 - Perkhidmatan Filem Negara, kerana kita dapat tahu Filem Negara telah diswastakan ataupun mungkin sedang proses penswastannya. Tetapi saya kasihan melihat rakan-rakan saya daripada Filem

Negara yang menjadi jurukamera atau juruteknik yang membuat liputan peristiwa besar seperti Ucapan Pembukaan Perasmian Dewan Yang Mulia ini. Saya lihat rakan-rakan daripada rakan TV yang lain menggunakan kamera digital yang canggih. Tetapi Filem Negara saya lihat masih lagi pakai kamera zaman Ahmad Nisfu yang 35mm itu. Kalau diputar bunyi prr...itu - ganggu. Yang di-Pertuan Agong hendak berucap pun ganggu - kasihan kawan-kawan saya. Hendak katakan kawan-kawan ini tidak mahu bawa, mereka terpaksa bawa, ya. Saya kasihan kadang-kadang mereka malu untuk bawa kamera itu tetapi Yang Berhormat bagi Sri Gading mungkin setuju cara itu sebab tentulah besar kemaluan mereka kalau mereka tidak bawa kamera. *[Ketawa]* 35mm bukan digital lagi, analog pun tidak, sebelum itu lagi.

Jadi, saya fikir oleh kerana Filem Negara ini penting mendokumentasikan peristiwa-peristiwa besar negara. Jadi, apa salahnya kalau pun belum diswastakan ataupun sedang dalam proses penswastakan. Equipment atau peralatan itu mestilah canggih kerana kita tidak mahu delegasi asing yang berada di sana, di tempat sana melihat Filem Negara dengan kameranya yang begitu, saya fikir ini memberikan imej yang tidak baik pada negara kita. Mungkin sahabat saya, Timbalan Menteri Penerangan pun bersetuju supaya perkara-perkara ini diubah, beliau mempunyai latar belakang kewartawan yang cukup lama sebagai Setiausaha Akhbar kepada menteri, bekerja dengan akhbar yang begitu lama, baru-baru ini pula diiktiraf Ijazah Kedoktoran Falsafah, tahniah kepada beliau. *[Tepuk]* Atas anugerah itu saya harap perubahan-perubahan baru dengan Menteri yang baru akan dapat dibuat kepada Kementerian Penerangan.

Begitu juga dengan Butiran 060500 - Liputan Sukan dan TV Right ataupun Hak TV ini. Baru-baru ini terdapat sedikit permasalahan apabila liputan sukan ini hanya diambil oleh sebuah rangkaian saluran TV swasta sahaja sedangkan TV swasta itu mempunyai cakupan seramai 300,000 penonton berbanding dengan RTM 1, RTM 2 atau TV3. Tetapi oleh kerana right .itu telah dibeli oleh saluran swasta itu maka jumlah tontonan itu kurang dan rakyat yang sepatutnya boleh melihat dan diliputi dengan rancangan demikian, tidak dapat melihat.

Oleh kerana itu harus ada persepakatan antara TV swasta ataupun TV kerajaan - RTM 1 dan RTM 2 tentang hak penyiaran ini supaya rancangan-rancangan siaran yang mempunyai nilai-nilai komersial dan nilai-nilai etika yang baik dapat diberikan peluang kepada seluruh rakyat Malaysia dan tidak hanya terbatas kepada kumpulan-kumpulan tertentu. Kita tahu bahawa TV swasta memerlukan pengiklanan untuk

membayai kos dan kita tahu RTM 1 dan RTM 2 juga mahukan pengiklanan untuk membayai kos dan mendapat sedikit keuntungan. Bagi saya, perkara-perkara seperti ini mestilah dilihat, diperhatikan dan diberikan perhatian yang secukupnya dan saya harap apa yang telah saya sarankan itu dapat diberikan perhatian.

Tuan Pengerusi, saya tahu masa saya telah sampai ke hujung. Saya ucapkan sebanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pokok Sena.

4.10 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada B.44 - Butiran 020000.

Saya bersetuju dengan apa yang disarankan tadi oleh rakan saya, Yang Berhormat bagi Bagan Datoh, tentang keperluan kepada - memikir dan menyusun semula tentang dasar komunikasi ataupun dasar penyiaran negara yang telah pun disentuh oleh rakan-rakan yang lain bahawa mutakhir ini kita lihat Dasar Penyiaran Negara ini agak berkecamuk dan kita juga melihat bahawa walaupun wujud garis panduan siaran yang diterbitkan oleh Kementerian Penerangan Malaysia, yang ada di tangan saya ini tetapi kita lihat bahawa kandungan yang terdapat dalam garis panduan siaran ini sama ada ia masih belum lengkap ataupun yang wujud juga tidak dipatuhi oleh kebanyakan stesen-stesen TV yang terdapat dalam negara kita. Umpamanya yang ingin saya sentuh bahawa dalam garis panduan siaran ini termasuklah juga dalam Perkara 82 - Menghormati Sensitiviti dan Kepekaan Rakyat.

Kemudiannya, dalam hal yang berkaitan dengan soal hiburan umpamanya, disebut di sini bahawa ciri-ciri siaran hiburan yang digalakkan lagu-lagu yang sesuai dengan citarasa Malaysia dan mencerminkan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni. Muzik, nyanyian, seni lakon, seni tari yang membina watak dan peribadi manusia yang sihat, berbudi bahasa, cergas dan maju.

Ciri-ciri siaran hiburan yang tidak boleh disiarkan, tarian-tarian yang tidak sopan, bertentangan dengan seni tari Malaysia (counter culture), senikata menghairah, tidak bersopan, biadap dan lucu dan banyak lagi yang terkandung dalam garis panduan siaran yang diterbitkan oleh Kementerian Penerangan.

Apa yang saya sebutkan tadi, yang saya baca tadi bahawa yang dipamerkan dalam stesen-stesen TV mutakhir ini langsung tidak bertepatan dengan garis-garis panduan ini. Kalau kita melihat bahawa dalam rancangan-rancangan hiburan televisyen khususnya sama ada di RTM, TV3 ataupun ntv7, kita melihat bahawa

pencemaran terhadap budaya masyarakat Malaysia yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak dan nilai-nilai baik yang sepatutnya dibina kepada masyarakat kita sangat bertentangan. Dan program-program hiburan ini tidak menyumbang kepada pembentukan keperibadian sahsiah dan juga mutu dan daya intelektual sepatutnya kita bina kepada masyarakat kita, sebaliknya kita disogok dengan hiburan-hiburan yang melampaui daripada ba tas-batas kebudayaan yang sepatutnya kita bina dalam masyarakat kita. Begitulah kita lihat bahawa, saya sendiri walaupun ada disebut oleh rakan-rakan tadi tentang kegilaan terhadap Bollywood, industri perfileman daripada India, daripada Hindustan ini pun kita lihat bahawa akhir-akhir ini filem-filem ini sangat tidak menguntungkan kita.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh saya tanya?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kacau.

Tuan Mohamad bin Sabu: Pokok Sena, adakah sedar mengapa orang minat filem Bollywood? Di antara filem Bollywood ia menceritakan realiti misalnya peranan polis jahat, hakim jahat. Kalau drama Malaysia, polis mesti baik, hakim mesti baik. Tetapi dalam filem 'Phir Bi Dil Hai Hindustani' [*Ketawa*] Bagaimana peranan hakim jahat dan polis jahat, begitu Duplicate, 'Bazigar' dan sebagainya menyebabkan anak-anak muda suka lihat ini filem yang betul. Tetapi kalau di Malaysia, drama mesti polis baik, ustaz jahat dalam drama 'Siti Zulaikha', perompak dan sebagainya. Jadi, ini tidak kena ini sebab orang itu minat kepada Bollywood, balikkan cerita-cerita yang masyarakat boleh menilai supaya bongkar skandal-skandal sebenar.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Saya bersetuju bahawa beberapa konsep yang dipamerkan dalam filem-filem Hindustan ini banyak membentuk budaya yang lebih sihat, tentang kepekaan masyarakat dan rakyat terhadap satu isu yang berlaku dalam masyarakat, dalam negara mereka sebab itu dipamerkan dalam gambar-gambar Hindustan ini kebanyakan ialah konspirasi politik jahat antara orang politik, antara menteri dengan hakim, dengan polis dan sebagainya. Sedangkan kalau di sini kita lihat bahawa filem-filem kita lebih mempamerkan artis itu sendiri, lebih mempamerkan pemujaan terhadap artis dan sebagainya. Tetapi dalam beberapa hal saya lihat bahawa industri filem daripada Bollywood ini juga tidak menguntungkan kita dari sudut pencemaran terhadap budaya sehingga pula kita melihat bahawa stesen-stesen TV ini macam tidak

ada penapisan walaupun itu bidang kuasa Lembaga Penapisan Filem, tetapi seharusnya stesen-stesen TV....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan Datoh....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Amat peka dengan kepentingan nilai budaya masyarakat Malaysia. Sebab saya lihat bahawa kebanyakan stesen TV ini akhir-akhir ini mempamerkan secara yang begitu meluas filem-filem Hindustan sehingga benda-benda yang tidak sepatutnya diperlihatkan, dipertontonkan, apatah lagi filem-filem Hindustan ini banyak mempamerkan bukan lagi dengan budaya asli Hindustan tetapi dengan dicampuri oleh budaya Barat dengan mempamerkan pakaian-pakaian yang tidak menguntungkanlah kepada pembentukan keperibadian bangsa kita.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Hendak tanya kerana sudah beri laluan ini. Saya ingat ada kesepakatan antara Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dengan Yang Berhormat bagi Pokok Sena ini. Yang mahu disampaikan sebenarnya, saya fikir minat penonton- penonton atau peminat filem pada rancangan Hindustan, selain daripada cerita-cerita yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan Yang Berhormat bagi Pokok Sena itu, saya fikir selalunya tergambar di minda penonton- penonton itu tentang statistik pelakon-pelakon wanitanya, ertinya rupa bentuk. Mungkin kerana pelakon lelaki Shah Rukh Khan yang diminati oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah daripada dulu dan filem-filem seperti 'Hello Brother dan Mann'.... *[Ketawa]* Okaylah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Masa saya panjang. Tetapi tidak apalah mungkin lepas ini Yang Berhormat bagi Bagan Datoh boleh buat satu filem yang mungkin mirip dengan filem Hindustan, iaitu konspirasi politik di Malaysia ini. Boleh Yang Berhormat sendiri jadi heronya sebab duduk sudah lama, terpinggir dah. *[Ketawa]*

Jadi, ini yang harus dilihat. Begitu juga kadang-kadang saya tengok dalam ntv7, rancangan-rancangan muzik selingan dan sebagainya mempamerkan budaya Barat yang sangat meruntuhkan akhlak dan saya rasa bahawa ini harus dilihat semula tentang dasar penyiaran, tentang garis panduan siaran dan sebagainya.

Saya juga hendak menyentuh tentang industri perfileman dalam negara kita. Yang dilihat di sini bahawa seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, kebanyakan syarikat-syarikat penerbit-penerbit filem dalam negara kita

ini, filem-filem itu diarah oleh orang-orang asing yang menyebabkan mereka tidak dapat memahami budaya-budaya masyarakat Malaysia, keaslian budaya masyarakat Malaysia dan sebagainya. Sebab itu wujud pertentangan dengan realiti budaya yang sepatutnya dipamerkan. Umpamanya syarikat-syarikat itu daripada HVD, Wayang Tinggi, yang saya difahamkan kebanyakan pengarah-pengarah filem ini, pengarah-pengarah drama ini, walaupun drama-drama Melayu, tetapi kebanyakan pengarah-pengarah ini daripada Hong Kong dan juga daripada Taiwan, yang menyebabkan silat sudah bertukar menjadi kungfu ataupun silat sudah bertukar menjadi taekwando dan sebagainya tidak mempamerkan persilatan yang betul. Tetapi yang lebih jelas, saya hendak pameran di sini bahawa akibat kesan daripada pengarah-pengarah ini bukan daripada Malaysia yang mereka tidak dapat memahami budaya politik Malaysia, budaya masyarakat Malaysia

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak gulung. Akhirnya boleh memberikan satu pencemaran kepada masyarakat kita.

Begitu juga saya melihat bahawa ada keluhan-keluhan daripada pengusaha-pengusaha filem dalam negara kita. Akibat daripada stesen-stesen TV ini seperti melakukan satu diskriminasi terhadap penerbit-penerbit filem dalam negara kita sebab kebanyakan yang diperolehi bukan daripada syarikat-syarikat filem dalam negara kita tetapi diperolehi macam yang saya sebut tadi HVD, Wayang Tinggi, Makmur Megah, Bettercome dan sebagainya, mereka ini yang banyak mendapat peluang-peluang dalam slot-slot dengan bayaran yang begitu mahal umpamanya HVD, Wayang Tinggi diberikan satu slot itu sehingga RM65 ribu sedangkan mereka daripada bumiputera khususnya terpinggir dan terpaksa mengikut saluran yang dikehendaki melalui HVD dan juga Wayang 'Makmur'.

Sebab itu saya minta pihak kementerian supaya melihat kepentingan di samping harus juga diambil kira mengorientasi semula industri perfileman dalam negara kita ini supaya yang hendak dipamer dalam wayang, dalam gambar itu bukannya artis, bukannya penampilan budaya artis itu sendiri tetapi cerita bentuk pameran, cerita yang boleh membangun, membantu, menyumbang kepada pembangunan, budaya, akhlak dan juga pembangunan daya intelektual dalam negara kita.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya juga mengharapkan supaya garis panduan dan Dasar Penyiaran Negara ini mengambil kira tentang kepentingan stesen-stesen

TV ini juga turut membantu kepada memperkukuhkan amalan demokrasi dalam negara kita. Bukannya mempamerkan satu penyimpangan dan penafian terhadap amalan demokrasi yang sepatutnya juga diperolehi oleh seluruh masyarakat Malaysia umpamanya parti pembangkang dinafikan hak untuk mendapat peluang dalam siaran-siaran TV dan sebagainya.

Begitu juga kita melihat bahawa Perhimpunan Agung UMNO lebih banyak diberikan liputan daripada parti-parti politik lain yang terdapat dalam negara kita. Juga sepatutnya siaran terus-menerus itu boleh dibuat oleh stesen-stesen TV ini dengan persetujuan daripada pihak Parlimen tentang siaran, tentang perbahasan Sidang Parlimen ini yang diadakan seperti ini supaya masyarakat tahu apa sebenarnya yang diperdebat, yang diperbahaskan, yang diperkatakan oleh Ahli-ahli Parlimen yang ada dan ini akan membantu memperkukuhkan amalan ataupun institusi demokrasi yang sepatutnya kita pertahankan dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tambun

4.20 ptg.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil masa yang ringkas sahaja untuk menyentuh Butiran di bawah Perkhidmatan Penerangan. Saya ingin memulakan dengan menyatakan jika lihat dari segi sejarah bahawa bangsa dan tamadun yang maju, anggota masyarakatnya terdiri daripada orang-orang yang mempunyai pemikiran yang tinggi. Dengan pemikiran yang tinggi inilah yang membina budaya kerja cemerlang yang berasaskan mempunyai matlamat yang jelas berinformasi yang membolehkan anggota masyarakat membentuk perancangan yang sistematik. Saya lihat dari segi negara kita, struktur masyarakatnya berbentuk piramid, di atas sekali terdiri dari golongan intelek, di sebelah tengahnya, golongan yang berinformasi dan sebahagian besar daripada anggota masyarakat terdiri daripada masyarakat biasa yang tidak mempunyai maklumat.

Jika, kita lihat dari segi struktur tersebut, kita dapati golongan intelektual ini tidak ramai, golongan yang berinformasi pun tidak ramai. Walaupun tidak ada satu kajian dibuat, kita boleh membuat andaian bahawa golongan intelektual dan berinformasi lebih kurang dalam 10% hingga 20% daripada keseluruhan anggota masyarakat, warganegara kita. Dalam erti kata dengan 20 juta penduduk hanya dua, tiga juta yang intelektual dan berinformasi, yang lagi 16 juta warganegara kita adalah golongan anggota biasa yang tidak berinformasi. Dan, keadaan ini tentunya

merbahaya kepada masa depan negara kerana anggota masyarakat hidup dalam keadaan yang gelap berusaha membina kehidupan mereka.

Berasaskan kepada suasana itu, saya dapati bahawa kita akan mewujudkan satu negara yang pembangunannya lobe sided, dari segi partisipasi daripada anggota masyarakat. Dari segi pembangunan susur budaya, kita akan dapat lihat satu golongan yang begitu cemerlang dan sebahagian besar yang tidak cemerlang. Begitu juga dari segi politik, satu masyarakat yang cemerlang, kita tahu dalam sistem demokrasi, ia berasaskan sistem elitist, hanya sebahagian, segelintir kecil sahaja individu yang betul-betul terlibat dalam politik, manakala yang lain adalah penyokong. Dan, penyokong ini mempunyai peranan besar kerana mereka akan menentukan siapakah yang akan duduk untuk memerintah sesuatu negara. Dan sekiranya penyokong ini tidak berinformasi ini akan mewujudkan keadaan yang cukup merbahaya kepada negara. Begitu juga kepada dari segi ekonomi, individu atau masyarakat yang intelek dan berinformasi akan kaya, manakala majoriti yang saya kata dalam 15, 16 ribu akan hidup sebagai manusia yang biasa.

Jadi, sehubungan dengan itu, di bawah Perkhidmatan Penerangan, kita ada satu program yang cukup menarik iaitu perkhidmatan komunikasi dan pembangunan masyarakat. Dari pemerhatian saya, program-program begini, sekarang ini tidak banyak dilakukan, maksud saya dalam bentuk perkhidmatan komunikasi dan pembangunan masyarakat, secara memberi penerangan face to face, secara bertemu dengan anggota masyarakat, sekarang ini tidak ada. Mungkin kita rasa sudah out of fashion kerana kita ada internet, ada televisyen dan sebagainya.

Saya menekankan kepada konsep face to face ini kerana ia mempunyai satu kekuatan dari segi kefahaman. Kita lihat dalam masyarakat kita, terutama masyarakat orang Islam, kita ada pengajian agama, baik di masjid atau di surau. Kalau kita ikutkan, pengajian agama ini bukan bidang yang mudah, kalau kita berbicara soal akidah, kefahaman kita dalam konsep makrifat Allah dan sebagainya, itu bukan satu konsep yang mudah difahami. Tetapi kerana adanya secara komunikasi face to face ini, ia lebih mudah untuk difahami oleh anggota masyarakat. Jadi, saya berpendapat bahawa pihak kementerian harus menekankan balik kepada program ini. Macam program kursus sivik dan sebagainya secara face to face dan apabila face to face baru kita dapat mengetahui sama ada individu-individu yang diberi penerangan itu akan memahami atau tidak apa yang dibawa oleh kementerian.

Di samping itu, dari segi perkhidmatan komunikasi dan pembangunan masyarakat ini mempunyai kaitan juga dengan penerbitan. Saya dapati pada masa lalu, semasa kursus-kursus sivik diadakan atau sekali-sekala kursus-kursus diadakan, kementerian biasanya membekalkan maklumat-maklumat, ucapan-ucapan pemimpin, belanjawan dan dasar-dasar tertentu. Dari segi anggota masyarakat yang saya kata 10%, 20% tadi, yang inte lektual, berinformasi, maklumat-maklumat ini berguna, mereka akan membaca kerana golongan ini adalah golongan yang minat kepada membaca. Tetapi yang 80% tadi, mereka tidak begitu minat membaca. Jadi, dengan kita membekalkan dokumen-dokumen yang tebal, ucapan yang tebal, belanjawan negara yang susah difahami oleh anggota masyarakat ini, akhirnya dokumen yang dibekalkan ini akan disimpan di rumah dan tidak pernah dibaca. Jadi, maklumat-maklumat yang kita cetak dengan harga yang begitu tinggi, dengan harapan yang begitu tinggi supaya kita dapat melahirkan masyarakat berinformasi ini tidak tercapai.

Pada pandangan saya, saya lihat di Jabatan Statistik kita, ada banyak informasi-informasi, informasi-informasi yang mudah difahami. Kalau kita lihat data tentang sosial umpamanya, dia kata beberapa banyak sekolah, berapa banyak orang guru, dalam bentuk data dan statistik, jalan raya berapa panjang, berapa banyak doktor. Jadi, ini lebih mudah difahami untuk masyarakat biasa memahami tentang kedudukan sosial di negara kita ini. Malah ada statistik mengenai berapa orang yang pergi ke Mekah. Statistik-statistik ini, walaupun pada kita tidak penting, tetapi pada anggota masyarakat penting. Terutama dalam suasana, dalam masyarakat sekarang ini ada beberapa golongan yang akan kadangkala mengelirukan maklumat kepada anggota masyarakat. Jadi,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung, masa suntuk.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Oh! Sikit betul ye.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata, sikit sahaja.
[Ketawa]

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Okay, saya gulung.

Dari segi ekonomi ada KNK, per kapita income, pendapatan isi keluarga, perdagangan dan sebagainya. Bila ada maklumat-maklumat mengenai dengan pendapatan isi keluarga, tidak boleh dieksploitasi, kerana kita tahu perbezaan antara kaum Melayu, kaum Cina, kaum India, dari segi orang yang paling kaya berapa peratus, paling miskin berapa peratus, maklumat-maklumat ini penting supaya

pemikiran masyarakat stabil dan kita dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai pemikiran yang tinggi. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jeli.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya hanya membenarkan seorang berucap, lepas ini Timbalan Menteri boleh menjawab. Jadi, saya fikir berikan peluang kepada yang kurang berucap. Padang Terap.

4.19 ptg.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad [Padang Terap]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Bekalan 44, Butiran 030000. Saya rasa amat gembira apabila ramai pihak yang telah menyentuh tentang pentingnya siaran televisyen dan radio itu diperuntukkan lebih banyak kepada penyiaran-penyiaran berhubung dengan agama. Ini adalah satu ke sedaran yang timbul dengan baiknya apabila ramai pembangkang telah mencapai kemenangan pada kali ini, yang mereka rasa bahawasanya sebab kurangnya memberi tumpuan kepada agama dan ini menyebabkan PAS menang kerusi di Parlimen ini. *[Disampuk]* Memang hak dia. *[Disampuk]* Kalah itu pasal hak dia awal-awal lagi *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

6.30 ptg.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Saya ingin mengambil kesempatan ini tentang perlunya dilihat semula siaran-siaran agama yang disiarkan di televisyen dan radio kerana tajuk-tajuk yang diperkatakan di dalam televisyen atau radio, umumnya saya perhatikan adalah berkisar daripada tajuk-tajuk yang klasik yang tidak lari daripada masalah fardu ain tetapi kurang ditumpukan kepada fardu kifayah.

Misalnya, pada suatu ketika dahulu ada peruntukan diberi untuk Tafsir Al-Quran tetapi siaran-siaran ataupun perbincangan yang dibuat dalam Tafsir Al-Quran itu tidak mendedahkan tentang Al-Quran sebagai sebuah kitab yang mengandungi hikmah ataupun source ilmu yang luas. Ada diperbincangkan misalnya, ayat-ayat berhubung dengan Ayatul Kursi misalnya, sebagai satu contoh. Ayat Kursi ini hanyalah ditekankan tentang fadhilat ayat Kursi apabila dibaca boleh menghalau syaitan atau sebagainya tetapi setengah-setengah orang yang membaca ayat Kursi syaitan tidak lari pun, dia gelak sahaja. Dia kata, "Aku baca fasih daripada hang". Kalau syaitan Kedahlah, syaitan Johor saya tidak tahu, syaitan Pahang saya tidak

tahulah macam mana? [*Ketawa*] Sebab dia kata, yang hang baca pun tidak begitu fasih, macam mana dia hendak lari.

Hal ini adalah berasaskan penafsiran hadis-hadis yang menjelaskan tentang fadhilat ayat Kursi tetapi ada fadhilat-fadhilat yang lebih significant, yang lebih besar daripada itu tidak disentuh. Al-Kursi di sini sebenarnya bukanlah merupakan *chair* ataupun kerusi yang kita duduk, Al-Kursi di dalam ayat ini ialah satu alam yang lebih besar daripada buana yang kita lihat ini. Alam buana yang kita lihat ini adalah terlalu luas, di dalam ayat itu disebutkan [*membaca sepotong hadis*] “Allah itu memiliki alam langit dan bumi.” Alam langit dan bumi adalah alam yang cukup luas yang tidak bertepi tetapi ingat Allah s.w.t katakan ada satu alam yang lebih luas daripada itu ialah alam AlKursi.

Jadi, alam AlKursi ini boleh memuat, boleh masuk di dalamnya alam-alam langit dan bumi ini dan kalau dimasukkan ke dalam alam Al-Kursi, dunia yang luas ini tidak lebih merupakan pasir-pasir ataupun ketul-ketul batu yang kecil sahaja. Ini tidak pernah didedahkan

Begitu juga kalau kita lihat rancangan Forum Perdana. Pada suatu ketika dahulu disiarkan bersama oleh TV3 National Geography. Saya kadang-kadang walaupun menonton Forum Perdana itu tetapi yang diperbincangkan tengok tajuk-tajuk tidak menarik. Saya terpaksa beralih kepada TV3, oleh kerana di situ saya boleh dapat banyak maklumat daripada saya mendengar Forum Perdana, minta maaflah kalau sesiapa yang terlibat dalam Forum Perdana. Mereka membincangkan tajuk-tajuk yang klasik, yang tidak membuka sangat minda, itulah yang sering dibincangkan seolah-olah Al-Quran ini terlalu sempit isinya. Bagaimanakah hendak menarik pelajar-pelajar untuk melihat, mendengar ataupun mengikutirancangan agama. Ayat [*membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Maksud ayat ini kadang-kadang disiarkan di dalam rancangan dokumentari dalam bentuk filem-filem. Allah menjelaskan bahawa di dalam bumi ini terdapat *Kita'ulmutajawirah*. *Kita'ulmutajawirah* adalah istilah sains. Sayangnya apabila diterjemahkan dalam bentuk yang literal, ia disebut ‘bahagian-bahagian yang berhampiran’ terjemahan itu tidak ada makna yang boleh kita faham dengan lebih mendalam. Apa makna ‘bahagian berhampiran’?

Sebenarnya apabila kita lihat, kita kaji dengan secara mendalam istilah ini sebagai satu istilah sains barulah kita mengetahui maksudnya dengan lebih mendalam. Antara maksud firman Allah s.w.t [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] “Di dalam bumi itu ada *Kita'ulmutajawirah*”, ialah bahan-bahan sebatian. Maksudnya kerana

wujudnya Kita'ulmutajawirah di dalam tanah itu, maka jika kamu tanam apa juga tanaman [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] disiram dengan satu jenis air, dibajakan dengan satu jenis baja tetapi [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] Kami mampu mengeluarkan hasilnya dalam bentuk yang berbagai-bagai rasa.

Ini menunjukkan bahawa *Kita 'ulmutajawirah* itu ialah satu istilah yang perlu dikaji secara saintifik. Begitu juga ayat-ayat Al-Quran yang berhubung dengan ayat-ayat Kauniah, ia tidak pernah didedahkan. Oleh kerana ia tidak didedahkan, maka Al-Quran itu dianggap sebagai satu yang *ritual*. Surah Yassin umpamanya, mempunyai significant yang cukup luas dan cukup besar. Ramai orang yang menghafal surah Yassin, Rompin hafaz surah Yassin saya rasa tetapi what Yassin is, dengan izin, itu harus kita kaji dengan secara mendalam. Dalam surah Yassin

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Ya. Rompin bangun ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya sungguh tertarik apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa pendekatan pengetahuan agama kita terlalu lebih kepada *ritual*. Saya melihat ini bukan dalam penerangan sahaja tetapi dalam cara pendidikan agama di negara itu sendiri. Macam masa kita kecil dahulu, kita belajar membaca ayat Al-Quran lepas itu kita khatam, itu baru sunat sudah jadi manusia Islam ataupun yang kamil tetapi tidak, itu belum lagi sehingga kita tahu tafsir ayat Al-Quran itu sendiri dan hikmah-hikmah yang lain.

Saya setuju Yang Berhormat, tetapi adakah hanya di seluruh negara kita melihat bahawa pendekatan cara Islam ini mesti lebih kepada *ritual* tetapi pada keadaan yang sebenar seperti Yang Berhormat kata. Saya bersetuju, menyokong.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih kepada Rompin. Oleh itu kita berharap supaya pihak Kementerian Penerangan memberi ruang yang luas kepada mereka yang mampu mendedahkan Al-Quran itu dalam bentuk yang lebih luas supaya pengajian Al-Quran dapat benar-benar membentuk *insanul kamil*, bukan '*insanul camel*' [*Ketawa*] kalau tidak difahami dengan luas.

Berbalik kepada significant surah Yasin, antaranya Allah s.w.t berfirman, "*Sebenarnya Allah s.w.t yang menjadikan api daripada pohon-pohon yang hijau.*" Apakah makna yang sebenar yang tersirat di sebalik ayat ini? Bagaimanakah semua pohon yang hijau itu boleh menerbitkan api atau boleh melahirkan api yang kamu dapat nyalakan dengan segera.

Dalam satu kajian yang dibuat 30 kati tahi lembu – minta maaf, boleh mengeluarkan gas yang mampu digunakan oleh keluarga kecil memasak untuk satu hari. Lembu-lembu makan pohon yang hijau. Inilah significant yang ada, yang kalau kita membuat satu kajian yang mendalam ataupun membuat huraian, yang lebih jelas sudah tentu ianya dapat memberi peluang kepada pihak-pihak yang mampu dan berminat untuk membincangkannya. Saya mencadangkan supaya satu saluran ataupun satu ruang khas disediakan bagi tafsir Al-Quran dalam bentuk yang lebih luas, bukan hanya dalam bentuk yang *ritual* semata-mata.

Saya juga mencadangkan supaya pihak Kementerian Penerangan memberi ruang ini, tidak kiralah sama ada dia itu daripada parti pembangkang atau daripada mana-manakah sekiranya dia mampu berilah ruang. Dahulu saya ada diberi satu slot oleh radio untuk satu siaran Tamadun Islam malangnya apabila saya melibatkan diri dalam politik, maka saya tidak lagi dibenarkan menjejakkan kaki ke Wisma Radio dan slot itupun telah dipadamkan.

Jadi, saya berharaplah walaupun umpamanya kita

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Menyampuk*]
[*Ketawa*]

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Ya. [*Ketawa*] Terima kasihlah, kalau pergi belah itu, kalah di Padang Terap. [*Ketawa*]

Demi untuk menjelaskan sesuatu yang lebih menyeluruh umpamanya pihak-pihak seperti mana JAKIM, Maahad Tahfiz dan TV Pendidikan dan lain-lain hendaklah bekerjasama antara satu sama lain membentuk satu team. Umpamanya, bagaimana kita hendak mengisikan slot rangkaian tiga yang mungkin akan diwujudkan, mengikut apa yang saya faham, supaya rangkaian itu benar-benar memberi satu penjelasan yang betul-betul bermanfaat, penjelasan agama yang betul-betul bermanfaat yang berasaskan kepada Al-Quran dalam bentuk yang lebih luas. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.40 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Bismillah-Rahmanir-Rahim. Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya suka terlebih dahulu untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pelbagai pandangan, teguran malahan kritikan yang saya terima dengan

baik dan saya harap apa jua pandangan-pandangan, teguran-teguran dan kritikan-kritikan itu akan dapat kita teliti dengan cermat dan di mana yang kita fikirkan munasabah, kita akan cuba terapkan dalam apa juga kegiatan yang kita buat melalui kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya akan memberikan suatu jawapan dalam bentuk umum dan spesifik atas perkara-perkara yang saya fikir perlu diberikan penerangan. Pertamanya, secara amnya walaupun Akta Penyiaran telah dibubarkan dalam tahun 1998 dan diganti dengan Akta Komunikasi dan Multimedia yang mula dilaksanakan sekarang dan ianya menyebabkan pemisahan kepada dua kementerian yang terlibat dalam soal-soal penerangan ini iaitu Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Namun demikian, kita di Kementerian Penerangan cukup jelas tentang visi, matlamat, peranan yang mesti kita mainkan supaya rakyat, orang ramai pokoknya mendapat terutama sekali maklumat-maklumat yang betul, maklumat-maklumat yang tepat dan dengan pantas. Ini penting untuk membolehkan rakyat memahami akan keadaan-keadaan dan hakikat-hakikat yang sebenar tentang pelbagai dasar dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan dari satu masa ke satu masa.

Dalam masa yang sama juga, kita berperanan untuk memberi pendidikan melalui program-program yang kita pancarkan ke udara dan juga melalui kaca-kaca televisyen dan saya cuma dapat memberikan penekanan kepada TV1 dan TV2 sahaja kerana TV-TV yang lain adalah diawasi oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Satu lagi yang kita uruskan selain daripada kita menyalurkan maklumat, mendidik dan kita juga memberikan hiburan melalui program-program yang kita siarkan itu, walaupun digunakan istilah hiburan di situ, tetapi dalam program-program hiburan kita juga, ianya mengandungi unsur-unsur ataupun elemen-elemen dan nilai-nilai yang kita fikirkan boleh membina pemikiran rakyat dan melentur sikap rakyat supaya berada dalam keadaan yang sewajarnya.

Saya tidak nafikan mungkin ada kelemahan-kelemahan yang terselit ataupun didapati di dalam rancangan-rancangan hiburan kita terutama sekali dari segi seni kata lagunya ataupun kandungan yang ditonjolkan melalui drama-drama dan lain-lain program yang kita salurkan pada setiap hari.

Jadi, di atas apa jua kekurangan yang saya tidak mahu hendak nafikan itu tadi, saya hendak memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini, iaitu Kementerian

Penerangan sentiasa meneliti akan setiap perkara-perkara yang diketengahkan melalui siaran radio ataupun televisyen kita dengan harapan kita dapat memberi dan menyajikan rancangan-rancangan yang setakat termampu oleh kita dapat memberikan kesan-kesan yang baik kepada rakyat kita yang sama ada mendengar ataupun menyaksikan program-program tersebut.

Tuan Pengerusi, misalnya, soal agihan masa ataupun slot yang melibatkan syarikat-syarikat swasta untuk membekalkan program-program terutama dalam bentuk drama dan juga membekalkan filem-filem yang diimport daripada luar negara, kita sudah pun meneliti akan perkara-perkara ini dan kita akan cuba melalui cara yang mula diamalkan sekarang, iaitu setiap syarikat yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat yang ditetapkan, mereka mesti misalnya kalau hendak menyediakan atau hendak membekalkan sesuatu drama, maka kita mempunyai suatu panel terdiri daripada pegawai-pegawai yang mahir di pelbagai bidang penyiaran dan lain-lain di kementerian ini untuk meneliti skrip-skrip yang diolah oleh mana-mana syarikat yang hendak menyediakan satu-satu drama itu tadi.

Dan kalau sekiranya kita dapati ada perkara-perkara yang misalnya berlawanan dari segi soal akhlak, soal jenayah dan lain-lain, maka skrip itu akan kita minta diperbetulkan dan kita akan cuma dapat bersetuju untuk membenarkan mereka membuat satu-satu filem ataupun satu-satu drama, selepas panel yang dipertanggungjawabkan itu berpuas hati di atas kandungan rupa bentuk dan isi kandungan satu-satu drama yang hendak disiarkan oleh TV.

Tuan Pengerusi, saya suka tegaskan di sini, iaitu kita berasa bertanggungjawab untuk memastikan supaya apa jua program yang dipancarkan melalui RTM dapat mencapai matlamat akhir kita iaitu untuk memberi maklumat, mendidik dan sambil kita menghiburkan rakyat kita melalui program-program yang kita laksanakan tadi.

Tuan Pengerusi, pada peringkat ini, saya hendak menekankan betapa pentingnya kandungan ini (content), kandungan baik, lagu baik, drama dan apa sahaja yang disiarkan melalui RTM, kita memberikan penelitian dan penekanan yang cukup kuat supaya dapat menampung apa yang disarankan, diketengahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, baik dari segi jati dirinya, baik dari segi akhlaknya dan lain-lain, kerana kita kata kita berada dalam zaman digital, tetapi kalau program kandungan rancangan yang disajikan itu tidak mengandungi unsur-unsur dan nilai-nilai yang betul-betul dapat membina insan itu, ini pada hemat saya, kita sudah gagal dalam peranan dan tanggungjawab kita dan tugas kita di Kementerian Penerangan

ialah untuk memastikan unsur-unsur itu, nilai-nilai itu dapat sentiasa dilihat dan pada akhirnya dijadikan sebagai suatu panduan dan amalan dalam hidup masyarakat kita.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, ini Yang Berhormat dari Kepong tidak cakap, apa yang dia hendak tanya? Peliklah dia ini! [*Ketawa*]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dengan pendek sahaja kerana tidak ada masa. Sebab saya hendak berucap tetapi tidak ada masa untuk berucap.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okay.

Dr. Tan Seng Giaw: Cuma satu persoalan Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat berikhtiar dengan sekuat-kuatnya untuk menjawab, itu baik, memang baik. Seperti kita hendak melatih atlet juga tidak?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Dia ke situ juga perginya, Allah!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat pun tahu tiap-tiap tahun Kementerian Penerangan mendapat hasil hampir setengah bilion ringgit – tiap-tiap tahun dan wang ini dimasukkan kepada Kumpulan Wang Disatukan dan sebab itu tidak dapat dikeluarkan untuk membayar artis, membayar director, membayar programmer untuk rancangan-rancangan, projek-projek, program-program yang bermutu tinggi kerana kita bersaing dengan stesen-stesen komersial dan adakah kementeriannya bercadang untuk mengkorporatkan ataupun menswastakan jabatannya supaya kita dapat menyelesaikan kelemahan-kelemahan yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat termasuklah yang difahamkan sebagai ketidakadilan ke atas pihak-pihak seperti kita di sini. [*Ketawa*]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, memang ada rancangan kerajaan ke arah hendak mengkorporatkan agensi-agensi yang ada di bawah Kementerian Penerangan ini tetapi ianya masih di dalam pelbagai proses pengurusan dan pentadbiran. Yang Berhormat tunggulah jadi atau tidak jadinya.

Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak pergi kepada perkara-perkara yang spesifik yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Saya hendak mula daripada Ahli Yang Berhormat bagi Larut yang pertamanya menimbulkan soal waktu penyiaran *Berita Perdana*. Ini memang satu perkara yang sudah lama disebut-sebut di

dalam dan di luar Dewan ini. Cuma, kita di kementerian kena memikirkan keperluan keseluruhan warga kita terutama sekali di Sabah dan Sarawak.

Jadi, oleh kerana hendak cuba menampung segala-galanya ini yang kadangkala timbul macam-macam penilaian yang dibuat dan pada hemat kita, ini pun..., is debatable, dengan izin. Ini pun Tuan Pengerusi, macam cadangan hendakkan perubahan masa siaran pada jam 8.30 atau pukul 9.00 malam, ia akan melibatkan juga penonton-penonton kita di Sabah dan Sarawak. Begitu juga yang kita fikirkan waktu itu mungkin sudah agak terlewat bagi mereka yang ada di Sabah dan Sarawak, mungkin awal bagi kita yang ada di Semenanjung. Ini perhitungan-perhitungan yang diambil kira oleh pihak kementerian yang pada hemat kita untuk sementara waktu ini, waktu penyiaran *Berita Perdana* jam 8.00 malam itu kita fikirkan sesuai dan dapat diterima baik oleh, walaupun tidak seratus peratus majoriti, sebahagian besar daripada rakyat kita. Itu yang pertama.

Yang keduanya, Yang Berhormat juga meminta supaya Filem Negara ini terus mengeluarkan filem-filem dokumentari dan filem-filem yang patriotik dan disiarkan untuk tontonan rakyat. Ini memang benar, Kementerian Penerangan melalui Filem Negara ini sejak dahulu lagi dan sampai sekarang sentiasa mengeluarkan filem-filem dokumentari ini dan untuk makluman Dewan yang mulia ini sejak Jabatan Filem Negara merakamkan pelbagai peristiwa semenjak ianya ditubuhkan, setakat ini kita mempunyai 10,000 peristiwa yang kita simpan. Bahan-bahan ini merupakan bahan yang amat berguna dan sebahagian daripada koleksi tersebut tidak terdapat di mana-mana tempat dan ini kita simpan. Untuk masa-masa yang akan datang ini, sekarang ini pun Jabatan Filem Negara mengeluarkan 38 filem dokumentari setahun dan filem-filem ini disiarkan untuk tontonan umum oleh stesen TV kerajaan dan juga swasta, Jabatan Penerangan, sekolah-sekolah dan kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negeri.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah soal peruntukan Geraksaraf yang tidak ada dalam peruntukan kali ini. Sebenarnya mulai tahun ini fungsi Geraksaraf ini telah dicantumkan di bawah aktiviti Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat dan segala aktiviti Cawangan Geraksaraf yang akan dijalankan ditampung perbelanjaan itu di bawah Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat dan untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti Geraksaraf ini masih kita teruskan di sepanjang masa.

Selain daripada itu Yang Berhormat bagi Sri Gading telah menimbulkan soal banyak sangat gangguan iklan tatkala kita menonton TV. Sebenarnya kita sentiasa

memastikan supaya masa siaran iklan tidak melebihi 10 minit sahaja bagi setiap jam rancangan dan kalau sekiranya perkara ini tidak diteliti dengan cermat, mungkin berlaku seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tetapi setakat yang saya dimaklumkan itulah panduan yang kita gunakan. Cuma kadangkala, entahkah kita sambil-sambil menengok itu kita tidak berapa perasan, kerana ada gangguan-gangguan lain, kita rasa banyak sangat iklan ini tetapi yang sebenarnya kita ada panduan seperti yang saya katakan tadi, 10 minit bagi setiap jam rancangan yang kita siarkan itu.

Soal penerbitan drama ini. Saya sebut pada peringkat awal tadi secara kasar sahaja dan saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Kadangkala itu memang membosankan jugalah bila kita tengok setengah-setengah drama ini. Itu yang saya kata peringkat awal kita sedang teliti perkara-perkara ini dan kita akan cuba perbaiki di masa-masa yang akan datang.

Satu lagi perkara yang saya hendak beralih ialah kepada Yang Berhormat bagi Tumpat. Jadi Yang Berhormat bagi Tumpat ini telah membangkitkan satu perkara yang saya rasa amat perlu saya perbetulkan. Saya tidak tahu daripada mana Yang Berhormat dapat jangka waktu yang disebutkan tadi tetapi saya cuma hendak mengatakan bahawa dari segi TV1, dalam masa seminggu, kita mempunyai 13 rancangan yang kita kategorikan; ada 13 jenis rancangan dan 13 kategori rancangan ini meliputi berita, kanak-kanak, wanita, remaja, agama Islam, rekreasi, drama dan lain-lain – 13. Yang saya hendak betulkan ini begini; rancangan berita dan hal ehwal semasa maknanya dengan izin, information, masa yang kita sediakan dalam tempoh seminggu yang ada 126 jam itu tadi ialah 33.47 jam iaitu 26.56% daripada masa 126 jam itu tadi 33.47 jam ialah khusus untuk berita dan hal ehwal semasa sahaja. Satu.

Yang keduanya, ini tentang soal rancangan agama Islam. Rancangan agama Islam masa yang kita peruntukkan dalam seminggu daripada 126 jam itu tadi ialah sebanyak 9.50 jam. Maknanya, 9 jam 50 minit ataupun bersamaan 7.54% daripada waktu yang disediakan itu tadi. Dan saya boleh beri semua detail 13 program ini, saya fikir tidak perlu kerana dari segi kita melaksanakan rancangan ini mengikut jadual-jadual yang memang kita teliti dengan cermat supaya seboleh-bolehnya biarlah sebaik yang mungkin. Selain daripada 9 jam 50 minit ataupun 7.54% untuk rancangan-rancangan agama Islam itu tadi kita juga ada peruntukan sebanyak 9.53 jam – 9 jam 53 minit lagi. Waktu kita membuka stesen-stesen kita bermula dengan bacaan-bacaan al-Quranul-Karim, kita.....[Disampuk] Hang dok kacau aku buat apa,

diamlah! ...dengan selingan-selingan yang semuanya berunsurkan keagamaan. Jadi, saya kata tadi saya tidak tahu di mana Yang Berhormat dapat angka itu tetapi ini angka-angka rasmi rancangan-rancangan di TV1 tahun 2000 mengikut kategori.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat hendak minta penjelasan tidak apalah dik duduk. Jadi, itu keadaan....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat kata tadi daripada mana angka-angka itu diperolehi....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tak apalah, saya tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:....tetapi angka itu diperolehi oleh penjelasan Yang Berhormat sendiri dalam Parlimen. Penjelasan yang bertarikh...

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya tidak bagi jalan ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Tidak bagi jalan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Allah awat tak tahu cara ini. Buat koman. [*Disampuk*]. Jadi, itu keadaannya dari segi masa ini. Dan selain daripada itu, saya hendak beralih - tidak payah panjang cerita sangat. Saya hendak beralih kepada satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat juga tentang perhimpunan sivik yang diadakan ini. Sebenarnya, perhimpunan sivik yang diadakan ini yang dikatakan ada unsur-unsur pembaziran ini, saya suka hendak jelaskan bahawa ini kita buat melalui program K3P kita yang sekarang ini hendak kita pertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang. Tinggal lagi bagaimana Yang Berhormat menilai program ini itu saya fikir hak Yang Berhormat bagi Tumpat, tetapi melalui perhimpunan-perhimpunan sivik ini kita mempunyai matlamat-matlamat yang khusus dari segi hendak merapatkan lagi hubungan di antara rakyat dengan kerajaan, menerangkan dasar-dasar kerajaan dan lain-lain perkara yang ada hubung kait dengan hidup dan kehidupan rakyat kita keseluruhannya.

Selain daripada itu, Yang Berhormat bagi Tumpat juga telah membangkitkan soal Jabatan Hal Ehwal Khas yang ada di bawah kementerian ini. Saya suka hendak jelaskan di sini bahawa penubuhan cawangan ini ataupun sekarang ini hendak kita pertingkatkan hendak jadikan sebuah jabatan bukan untuk membantu politik Barisan Nasional. Cawangan ataupun jabatan ini ditubuh untuk meningkatkan kefahaman dan penghayatan rakyat terhadap dasar-dasar dan rancangan-rancangan pembangunan

kerajaan di samping menerapkan nilai-nilai Islam ataupun nilai-nilai murni yang progresif sesuai dengan konteks pembangunan sosioekonomi negara kita masa kini. Dan kita harap dengan penubuhan ataupun peningkatan taraf cawangan ini kepada jabatan, ianya akan dapat mempertingkatkan lagi keberkesanannya melalui program-program yang kita susun dan kita selenggarakan dari satu masa ke satu masa.

Ini soal peruntukan RM600,000 fasal hendak mencetak gambar Yang DiPertuan Agong ini Yang Berhormat Tumpat minta teliti, Yang Berhormat bagi Batang Lupa pula minta tambah. Jadi, itu ada pandangan-pandangan yang berbeza-beza, tetapi saya cuma hendak nyatakan bahawa ini peruntukan anggaran belanjawan. Anggaran yang disediakan. Kadangkala kita belanja lebih kadangkala kita belanja kurang, tidak habis. Bila belanja lebih kita minta supplementary budget di sini, tetapi itu saya fikir munasabah kerana ini merupakan kerja-kerja biasa yang disediakan oleh kerajaan supaya rakyat kenal mana ketua negara kita ini dan pemimpin-pemimpin yang lain juga. Jadi, saya fikir anggaran itu dilaksanakan ataupun dikuatkuasakan selama ini pun untuk menampung keperluan seluruh pihak.

Dan patut saya sebut juga tentang Jabatan Filem Negara ini sekali lagi seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Larut, tadi saya sebut sikit sahaja. Saya hendak nyatakan bahawa kerajaan memangnya sedang menilai semula peranan Filem Negara Malaysia yang kini dianggap telah pun melepasi peranan asalnya iaitu menyediakan filem-filem dokumentari.

Perkara yang sedang ditimbang ialah sama ada untuk mengkorporatkan Filem Negara Malaysia atau ia diserapkan ke dalam satu organisasi yang lebih besar seperti mewujudkan suatu lembaga perfileman dan dengan tidak ataupun tanpa menghilangkan mana-mana fungsi yang dijalankan oleh Filem Negara selama ini.

Ini satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah berkaitan dengan soalan yang telah pun saya berikan jawapan kepada soalan ini, cuma pada peringkat ini saya hendak mengatakan tentang kod iklan ini iaitu kod iklan kementerian penerangan dirangka sebagai garis panduan yang boleh digunakan oleh pengiklan-pengiklan untuk menerbitkan iklan-iklan mereka. Ianya tidak statik dan boleh dipinda pada bila-bila masa mengikut keperluan. Kementerian Penerangan tidak menghalang siaran mana-mana iklan yang dibayar siarannya selagi ianya tidak menyentuh sensitiviti masyarakat berbilang kaum di negara ini dan tidak mengancam keselamatan negara. Saya boleh sebutlah iklan yang dimaksudkan itu, yang disiarkan semasa pilihan raya itu adalah dibayar oleh orang yang minta menyiarkannya. Yang

Berhormat bagi Rantau Panjang telah menimbulkan soal gangguan siaran TV di kawasan sempadan Kelantan-Thailand. Memang benarlah Yang Berhormat kadangkala berlaku gangguan.

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta penjelasan sebelum Dato' pergi jauh fasal iklan tadi.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Boleh. Awat!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang Berhormat Dato' kata iklan itu dibayar. Syarikat mana yang membayar iklan tersebut? Dan adakah jika ada syarikat yang membayar, sedangkan menjadi satu polisi garis panduan pengiklanan yang ditentukan oleh pihak kementerian oleh RTM dan sebagainya adakah boleh kita benarkan walaupun dia bertentangan dengan garis panduan kod etika iklan itu? Berapa bayaran itu?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat, saya pun ada naskhah tentang kod etika ini. Jadi, Yang Berhormat bagi Tumpat rujuk kepada Fasal ataupun Perkara 3(a), 13(a),(b),(c). Saya pun boleh refer perkara 2(b). Jadi, ini soal penilaian. Dalam itu disebutkan dengan izin, "*Minister of Information reserves the right in exceptional circumstances to make changes to the code from time to time in the overall international and public interest.*" Jadi, ini kalau bagi pada lawyer, bagi kepada 10 lawyer sepuluhlah tafsiran kita dapat. Jadi, itu keadaannya. Saya harap tidak timbul apa-apa lagilah, saya sudah cuba beri penjelasan, sudah cukuplah itu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Yang saya tanya belum dijelaskan lagi, syarikat mana yang membuat iklan dan berapa jumlah pembayarannya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya tak payah sebutlah, apa payah saya hendak beritahu Yang Berhormat. Kalau saya tanyakan PAS bayar untuk cetak semua keperluan pilihan raya ini siapa tukang bayar, Yang Berhormat hendak cakap tak?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini Parlimen. Yang Berhormat menjadi Menteri, saya berhak untuk mendapat tahu, ini Parlimen.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya pun berhak tak payah jawab.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak sewajarnya bila Yang Berhormat mengatakan syarikat, adakah syarikat itu daripada pemimpin UMNO?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Sudahlah, saya sudah beri jalan atau belum ini.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Cukuplah, saya sudah bagi chance sedikit tadi itu, cukuplah.

Seorang Ahli: Bagi tahulah syarikat itu siapa punya pemimpin UMNO.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Baik, tak kiralah pemimpin UMNO kah atau bukan pemimpin UMNO, hang susah hati buat apa? Jangan usik saya. Saya cukup tenang, steady.

Baik, jadi Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang ini tadi, tadi saya kata memang benarlah kadang-kadang berlaku gangguan siaran TV dan radio di kawasan-kawasan sempadan ini. Bagaimanapun, perkara ini telah di atasi dari masa ke semasa melalui mesyuarat tahunan, dengan izin, Frequency Management Malaysia-Thailand. Mengenai gangguan yang masih berlaku di kawasan sempadan Kelantan, RTM akan merujuk perkara ini kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk siasatan lanjut.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat ada yang bangun ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Bolehlah, apa pulak ini.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat, saya hendak dapat tahu berkenaan dengan syarikat iklan itu ditaja oleh satu syarikat dan bukan ditayangkan oleh RTM dengan sendirinya tetapi RTM menerima satu iklan oleh satu syarikat tertentu walaupun iklan ini agak bertentangan dengan kod etika.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Dah habis dah cerita itu, Tuan Pengerusi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak habis lagi soalan ni. Yang Berhormat, sekejap ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Saya sudah jelaskan tadi cukuplah. Apa nak tanya lagi?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, sekejap, sabar,sabar. Ada kah syarikat itu wujud atau tidak? Kalau Yang Berhormat tak boleh namakan syarikat itu, saya menganggap Yang Berhormat berbohong di Dewan ini. Syarikat itu memang tak wujud.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Itu Yang Berhormat tak boleh kacau, saya bagi jalan nak cari gaduh, itu tak betul, duduklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tak, bukan nak cari gaduh, ini hendak cari benda yang sebenar.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Itu minta maaflah. Kalau nak pergi jauh sangat, saya tak boleh layan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya faham bahawa....

Tuan Pengerusi: Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Saya tak beri jalan ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, dia tak beri jalan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Bagi tak bagi masalah dia, tetapi.....

Tuan Pengerusi: Cukup, cukuplah. Dia tak beri jalan sudahlah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Itu tak baiklah, saya cuba beri laluan, jadi nak melepaskan tuduhan macam ini tak baiklah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Itu hak sayalah hendak beritahu, tak beritahu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Ini apa hendak ini, budak datang dari mana ni?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan: Maaf, sila ulang apa Yang Berhormat kata tad?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Saya tak beri jalan, Tuan Pengerusi.

Puan Fong Po Kuan: Saya minta ulang apa yang dia kata.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Saya tak beri jalan.

Puan Fong Po Kuan: Kalau tidak, saya guna peraturan mesyuarat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Saya tak beri jalan, gunalah peraturan mesyuarat, guna!

Puan Fong Po Kuan: Peraturan.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk] [pembesar suara dimatikan]* Yang Berhormat itu telah keluar. Saya hanya minta....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Saya kata budak tang mana ni, what do you want?

Puan Fong Po Kuan: Saya guna peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Cukup, cukuplah, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Janganlah panas baran.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* UMNO kampung tak ada tarik balik pun.

Tuan Pengerusi: Baiklah, Yang Berhormat, dia tak beri jalan, Yang Berhormat ya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [pembesar suara dimatikan]*.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Apa ni, apa hal ni, apa hal ni?

Seorang Ahli: Ini UMNO kampung.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Apa dia, UMNO kampung apa hang kata ni

Seorang Ahli: Tapi Timbalan Menteri....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Duduklah, saya tak beri jalan, ini ada peraturan ni, ni... *[menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah, kalau begini kita.....

Puan Fong Po Kuan: Kalau sedemikian akan diikuti oleh Ahli Parlimen yang lain, bagaimanakah terjadi kepada Dewan yang mulia ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Ini apa benda pula ni?

Tuan Pengerusi: Cukuplah, baiklah, cukup, cukuplah, cukup.

Puan Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah duduk, Peraturan Mesyuarat 36(4) berbahasa kurang sopan. Saya berharap Tuan Pengerusi akan buat ruling.

Tuan Pengerusi: Perkataan apa tu?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Budak tang mana ni.

Puan Fong Po Kuan: “Budak ini entah dari mana” - kalau saya tak silaplah. Dia telah mengulang dua kali, kita boleh baca dari *Hansard*, boleh kita periksa.

Tuan Pengerusi: Okay, okay.

Puan Fong Po Kuan: Saya tak berucap lagi. Dia dah

Tuan Pengerusi: Baiklah, baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat berkata “budak ini datang daripada mana”?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Ada saya kata.

Tuan Pengerusi: Minta maaf, minta tarik balik.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Ya saya tarik balik, habis cerita, sudahlah, apa hendak lagi?

Tuan Pengerusi: Sudahlah, sudahlah, Yang Berhormat, Yang Berhormat sudahlah, sudahlah.

Puan Fong Po Kuan: Saya bukan bagi kata ini, saya sekarang hendak minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Dia belum kata tak beri.

Tuan Pengerusi: Dia kata tadi. Sila, sila.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.Yunus: Boleh saya jalan, Tuan Pengerusi. Jadi saya pergi Rantau Panjang tadi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang ini tentang kedudukan filem-filem Hindustan di TV ini ya. Jadi saya suka hendak jelaskan bahawa peratus filem Hindustan di TV ini tak sampai 2% pun. Dari jumlah penjadualan waktu masa ataupun jangka waktu yang disediakan dan semua filem Hindustan ini memaparkan perkara-perkara yang ada kalanya munasabah, ada kalanya kurang munasabah, itu biasalah, dia orang berniaga, pokoknya peratusan itu tak sampai 2%.

Yang Berhormat bagi Batang Lular telah menimbulkan soal perolehan filem yang disiarkan di TV juga. Saya suka hendak jelaskan iaitu perolehan rancangan TV1 dan TV2 sama ada swasta dan luar negeri, ianya mengikuti satu proses penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa perolehan Rancangan TV yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan perolehan rancangan dibuat melalui pemberian rancangan dan perkongsian pintar yang ditawarkan oleh syarikat pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Penerangan dan Perbendaharaan.

Yang Berhormat juga telah meminta pihak kementerian meningkatkan mutu filem tempatan. Saya suka hendak maklumkan Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kementerian sentiasa berusaha melalui Finas untuk meningkatkan mutu filem tempatan dengan membuka peluang kepada karyawan filem tempatan menghadiri festival atau pesta filem antarabangsa dan tempatan. Peluang-peluang latihan juga

diberikan melalui bengkel-bengkel, seminar-seminar yang diadakan dari satu masa ke satu masa dan kita juga mengadakan kursus-kursus tentang skrip dan pertandingan penulisan skrip sebagai satu usaha untuk cuba meningkatkan kebolehan dan kemampuan bukan sahaja penulis-penulis itu tetapi dalam pengeluaran filem-filem di negara kita ini.

Yang Berhormat bagi Tebrau telah membangkitkan soal penubuhan ataupun pengwujudan saluran ketiga di TV khusus untuk rancangan-rancangan agama. Memang.... ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi, satu pertanyaan, adakah kementerian akan membuat persediaan untuk Hari Keamatan dan Hari Gawai, 31 Mei dan 1 Jun. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih Yang Berhormat, memang di negara kita ini memang setiap suku kaum kita, kaum-kaum mempunyai pelbagai bentuk dan cara budaya masing-masing yang diamalkan. Jadi soalnya di sini ialah sejauh mana dan setakat mana kita dapat menampung, kita tidak ketepikan langsung, ada kita ikhtiarkan tetapi cuba kita bayangkan kalau untuk tiap-tiap suku kaum itu, setiap perayaan itu kita hendak buat satu program yang khusus, saya fikir, boleh buat tetapi belanjanya tinggi, yang jadi sekatan itu ialah kos. Namun demikian, insyaAllah, saya ambil perhatian dan kita akan cuba tampung setakat yang kita boleh tampung dari satu masa ke satu masa.

Berbalik kepada soalan hendak mewujudkan saluran ketiga ini tadi, saya suka hendak sebut sedikit sahaja iaitu kerajaan sedang mengkaji secara teliti cadangan untuk mewujudkan satu lagi saluran di RTM ini kerana ia melibatkan elemen kos dan keperluan teknikal. Walau bagaimanapun, kerajaan sememangnya serius untuk mewujudkan satu lagi saluran di RTM untuk menampung keperluan masyarakat terutama sekali dari segi soal agama dan keagamaan di negara kita ini khususnya agama Islam dan tidak payahlah, kalau ada Yang Berhormat kata tadi oleh kerana PAS sekarang ini telah banyak dapat kerusi baru kita hendak buat ini, tidak payah cakap macam itulah, kita buat sahaja kerja ini, kita tahu, kita sudah puas buat kerja ini.

Jadi, selain daripada itu Yang Berhormat bagi Tebrau juga ada minta supaya penjadualan rancangan agama di TV dapat diperbaiki ataupun diperbetulkan. Ini pun satu perkara yang kita terima macam-macam pandangan sebenarnya tentang pelbagai program yang kita siarkan ini, tetapi setakat ini kita dapati bahawa apa sahaja

rancangan yang disiarkan pada waktu tersebut, maknanya waktu Maghrib ini, ia tidak akan mendapat memuaskan semua pihak dan cumanya kita menerima baik pandangan-pandangan ini dan kita faham waktu Maghrib ini masuk pukul berapa, semua kita tahu, tinggal lagi program kena jalan dan macam mana cara kita boleh wujudkan satu titik pertemuan yang munasabah, itu kita akan telitilah dan kita kaji kesesuaian rancangan yang hendak disiarkan pada masa tersebut.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka, dia tidak ada pula, cakap sahaja pandai, ha! masuk, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat ini soal 'air time' dengan izin, ini cerita lama sebenarnya, kedudukannya mudah sahaja, kita bukan kata tidak boleh, kalau tengok betul kenyataan Yang Berhormat Menteri dahulu, Yang Berhormat sebutkan itu sekerat sahaja, yang sekerat lagi Yang Berhormat tidak sebut, mana yang sekerat tidak sebut itu, kalau hendak pergi dapat air time di radio, di televisyen kenalah ikut syarat kita, itu sahaja. Tinggal lagi Yang Berhormat tidak dapat hendak ikut, macam mana nak beri, tidak boleh berilah. Itulah penjelasan saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia bangun ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ha, okaylah.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tahu Yang Berhormat cukup tenang tetapi bila dikacau sedikit macam 'kera kena belacan', [*Ketawa*] jangan begitu, cara Yang Berhormat tadi layan orang baru itu tidak baik, kena kaji sedikit sikap sendiri.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Soalannya apa? Ini 'kera kena belacan'

Tuan Kerk Kim Hock: Jangan, macam saya kata kacau sedikit melenting sangat seperti 'kera kena belacan'. Duduk sekejap.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya cakap terang, kalau Tuan Pengerusi cakap tarik, saya tarik, ini yang 'kera kena belacan' ini apa benda.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tarik buat apa, itu bukan caranya di Dewan ini, kita tidak mahu gaduh, penjelasan.....

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat Kota Melaka ada hendak minta penjelasan.

Tuan Kerk Kim Hock: Apakah syarat-syarat yang dikenakan, itu sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak beri - marah, beri.....geram betul akulah, [*Ketawa*] kata kurang ajar - marah, saya beri peluang, jangan kata 'kera kena belacan', what sort of language that you are using? Saya hendak kata setakat itu sahaja kalau.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Point of order, Tuan Pengerusi, saya mintalah sahabat saya dari Kota Melaka tarik balik, Kubang Kerian pun tarik balik. Tadi Kubang Kerian pun guna ayat pembohongan. Jadi Kota Melaka guna ayat biadap, Jadi saya mintalah, ini point of order.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka, perkataan 'kera kena belacan' itu tidak manis, tidak baik, minta tarik balik ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Saya cuma kata dia, kalau kacau dia seperti 'kera kena belacan'. Kalau tidak manis, tidak apa, saya tarik balik, saya sanggup. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Baiklah, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi, Kubang Kerian ini kalau boleh minta tarik balik, menyebut pembohongan, Kubang Kerian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itu sudah lepas.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yalah, tapi minta jugalah kalau boleh. Bila sudah sebut seorang itu, minta dua-dua tarik baliklah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, sudah lepas. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Sibu yang membangkitkan soal crew camera di Sarawak yang dia hendak minta kalau boleh diadakanlah di tempat-tempat yang selain daripada ibu negeri ini. Jadi untuk masa sekarang ini crew camera kita ini cuma ditempatkan di ibu negeri sahaja dan ini dirasakan memadai untuk membuat liputan bagi seluruh negeri tersebut. Crew tersebut biasanya mendapat maklumat akan aktiviti-aktiviti di setiap daerah dan mampu dibuat liputan dan buat masa ini pada hemat kita tidak perlu, tidak dapat menempatkan crew camera di setiap daerah di seluruh negara kita ini.

Soal peralatan yang dibangkitkan tadi, saya suka maklumkan iaitu penggantian peralatan studio radio kini sedang dalam pertimbangan Perbendaharaan dan peralatan-peralatan tersebut akan diganti setelah mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan.

Yang Berhormat bagi Bagan Datoh telah menimbulkan beberapa perkara, pertama sekali ini soal penggunaan kamera 35 milimeter oleh Jabatan Filem Negara. Sebenarnya Jabatan Filem Negara telah pun kita bekalkan dengan tiga unit kamera

baru dengan model yang terkini dan bilangan ini akan ditambah mengikut keperluan dari masa ke semasa dan semuanya ini kita buat bergantung kepada kemampuan kewangan kita juga.

Soal hak siaran TV rancangan-rancangan sukan, saya suka jelaskan iaitu dari segi RTM, kita memang sentiasa mengajak stesen-stesen swasta berunding dan berkongsi dalam membeli hak siaran TV seperti Sukan Olimpik dan Sukan Asia. Tetapi bagi acara-acara sukan yang lain, pihak penganjur lebih suka berbincang secara individu dengan stesen-stesen untuk memaksimumkan keuntungan mereka.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, panjang lagikah? Masa sudah cukup.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sedikit lagi, tidak apa, tidak cukup masa.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

LAMPIRAN

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’
Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri SumberManusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamisyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)

- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)

- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)

- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ **Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)**
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)

“ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Salamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed
 Nik Elyana binti Ahyat
 Mashitah binti Kamaruddin
 Abu Bakar bin Hasan
 Alias bin Md. Nor

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
 Haji Latif bin Ismail
 Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II	Bil. 28	Selasa	4 April 2000
-----------------	----------------	---------------	---------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 23)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2000	
<u><i>Jawatankuasa:</i></u>	
<u><i>Jadual –</i></u>	
Maksud B. 43	(Halaman 24)
Maksud B. 44	(Halaman 61)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2000	
<u><i>Jawatankuasa:</i></u>	
Maksud P. 43	(Halaman 24)
Maksud P. 44	(Halaman 61)

